

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 5hb. September, 1995**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERANCANG BANDAR 1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.34 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, profesion perancang bandar telah wujud di negara ini lebih daripada 70 tahun dan telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Kini terdapat lebih daripada 700 perancang bandar yang berkhidmat dalam sektor swasta dan sektor awam. Bilangan ini akan meningkat pada kadar 50 orang setahun.

Kepesatan pembangunan yang dialami negara pada awal tahun-tahun 80-an khususnya dalam aspek perancangan fizikal telah menyebabkan perkhidmatan

perancangan bandar dan desa semakin diperlukan. Keadaan ini telah memberi ruang kepada pelbagai pihak termasuk ahli profesional lain dan orang perseorangan mengambil alih peranan perancang bandar untuk memberi khidmat nasihat perancangan. Pada masa ini sesiapa sahaja boleh menjalankan peranan seseorang Perancang Bandar seperti memberi khidmat nasihat perancangan, menjalankan kajian perancangan dan kemungkinan, menyediakan pelan tataatur/pecahan sempadan dan juga mengemukakannya kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri bagi maksud kelulusan perancangan.

Ketiadaan kawalan kepakaran ini telah menghasilkan pelan dan rancangan yang tidak mengambil kira dan memenuhi keperluan perancangan yang sepatutnya. Dalam jangka panjang ini menimbulkan pelbagai masalah dan isu-isu fizikal, kekurangan infrastruktur dan kemudahan awam serta pencemaran alam sekitar yang seterusnya akan membebankan kewangan kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut demi kepentingan awam. Sehingga hari ini masih belum ada suatu undang-undang untuk mengawal dan mengawasi mereka yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar dan memberi khidmat perancangan.

Keadaan ini berbeza dengan apa yang dialami oleh setengah-setengah negara lain seperti United Kingdom, Australia, USA, Hong Kong, Afrika Selatan, Sri Lanka, Nigeria dan Cyprus di mana undang-undang untuk profesion perancang bandar telah wujud.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kepakaran profesional yang terlatih dalam perancangan bandar semasa memberi khidmat perancangan bukan sahaja boleh mendatangkan masalah persekitaran kepada orang awam malah menyebabkan pembaziran sumber, masa dan kos. Ketiadaan kawalan kepakaran menyebabkan kelewatan dalam meluluskan permohonan merancang di mana pelan-pelan yang dikemukakan tidak mencapai standard yang diperlukan dan terpaksa dipinda beberapa kali. Keadaan ini akan melambatkan proses pembangunan, pembaziran masa di samping meningkatkan kos.

Memandangkan peri pentingnya mengawal mutu perancangan bandar sesebuah negara yang menuju taraf maju dan juga mustahaknya dibuat takrif Perancang Bandar dari segi undang-undang serta perlunya mengawal amalan perancang bandar yang semakin bertambah bilangannya di sektor swasta, maka adalah wajar Rang Undang-undang ini dikemukakan. Keperluan mengadakan peruntukan undang-undang bagi Perancang Bandar juga penting untuk melicinkan dan menyeragamkan penerimapkaraan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perancang Bandar yang dikemukakan ini bertujuan membuat peruntukan mengenai pendaftaran Perancang Bandar bagi mengawal selia profesion ini. Ia bertujuan semata-mata untuk mengukuhkan peranan Perancang Bandar melalui perundangan dan memastikan amalan perancangan bandar yang baik dan berkualiti berasaskan prinsip-prinsip

tatakelakuan dan etika profesion tersebut. Untuk mencapai tujuan ini, satu “Lembaga Perancang Bandar” hendaklah ditubuhkan. Lembaga ini akan bertanggungjawab ke atas semua pendaftaran Perancang Bandar yang berhak dan bertauliah mengamalkan perancangan bandar dan desa di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibahagikan kepada 8 Bahagian seperti berikut:-

Bahagian I meliputi tajuk, tarikh kuatkuasa dan definisi terma-terma yang digunakan.

Bahagian II mengandungi peruntukan berhubung dengan penubuhan Lembaga Perancang Bandar dan perkara-perkara berhubung dengan keanggotaan Lembaga, penamatan dan pembatalan perlantikan serta pengisian kekosongan.

Bahagian III mengandungi peruntukan berkaitan Pendaftaran Perancang Bandar dan perlantikan seorang Pendaftar Perancang Bandar dan tugas-tugasnya.

Bahagian IV mengandungi peruntukan mengenai amalan perancangan bandar oleh pertubuhan perbadanan. Ia menetapkan komposisi lembaga pengarah dan pemegang saham pertubuhan perbadanan yang boleh menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.

Bahagian V mengandungi peruntukan berkaitan dengan pembatalan pendaftaran, penggantungan daripada menjalankan amalan, penyingkiran dari

daftar dan kemasukan semula, perlantikan Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib.

Bahagian VI mengandungi peruntukan mengenai penubuhan Lembaga Rayuan serta jawatan dan elaun anggota-anggota Lembaga Rayuan.

Bahagian VII memperuntukkan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta dan penaltinya.

Bahagian VIII mengandungi peruntukan yang bertujuan melindungi perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati serta memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat kaedah-kaedah dengan kelulusan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran perancang bandar dan bagi maksud yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Shah Alam.

**2.43 ptg.**

**Tuan Salamon bin Selamat [Shah Alam]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil

bahagian dalam perbincangan untuk menyokong Rang Undang-undang Perancang Bandar, 1995.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah bersetuju untuk mengadakan Rang Undang-undang Perancang Bandar bagi mengawal selia profesion perancang bandar walaupun perkara ini telah lama dibincangkan di semua peringkat sejak beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bidang perancang bandar dan desa telah wujud di Malaysia sejak tahun 1930-an lagi di mana perkhidmatan perancang bandar pada peringkat awal dikendalikan oleh pakar-pakar dari Britain. Sejak wujudnya bidang ini, aktiviti perancangan bandar telah meningkat secara mendadak sejajar dengan peningkatan pembangunan negeri dan negara. Ini memerlukan pakar-pakar yang bersesuaian yang pada awalnya diimport dari luar negeri. Keadaan seperti ini tidaklah memuaskan di mana prinsip-prinsip dan dasar perancangan tidak sesuai dengan kehendak setempat dan masyarakat Malaysia amnya. Dalam masa yang sama pusat-pusat pengajian tinggi tempatan telah mula menjalankan kursus-kursus tertentu di mana amalan-amalan tempatan diutamakan. Dalam tempoh 1985 - 1993, institusi pengajian tinggi tempatan telah mengeluarkan seramai lebih kurang 500 orang graduan tempatan dalam bidang Perancangan Bandar dan Kampung dan bilangan ini makin meningkat pada masa ini dan layak untuk mencapai keperluan dan hasrat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, perancang bandar merupakan salah satu tenaga profesional yang penting dalam perancang dan pelaksanaan pembangunan sesuatu kawasan selain dari tenaga arkitek, jurutera, jurukur hak milik, jurukur bahan, peguam dan pemaju perumahan. Di antara profesion-profesion yang terlibat dalam pembangunan seperti yang dinyatakan di atas, hanya profesion perancang bandar sahajalah yang belum dinaungi oleh mana-mana Akta yang akan mengawalselia dan menjaga kepentingan profesion ini. Pada masa ini, terdapat Akta Jurutera 1968 bagi profesion jurutera, Akta Arkitek untuk profesion arkitek, Akta Juru Ukur Bahan, Akta Juru Ukur Penilaian, Akta Peguam dan tidak ketinggalan juga Akta Pemaju Perumahan untuk pemaju-pemaju perumahan.

Memandangkan bahawa negara kita hari ini sedang mengalami pembangunan yang sangat pesat, khususnya yang melibatkan aspek perancangan fizikal di mana perkhidmatan perancangan bandar dan desa semakin diperlukan dan belum ada suatu undang-undang untuk mengawal, mengawasi dan memandu pembangunan mereka yang menjalankan amalan sebagai perancang bandar. Maka sudahlah sampai masanya Rang Undang-undang ini diadakan sekarang.

Memang telah tiba dan tepat masanya aktiviti bidang perancangan bandar ini diurus dan dikendalikan oleh mereka yang layak melaksanakannya dan mereka yang berkelayakan ini harus diberi pengiktirafan yang sama dengan profesion-profesion lain seperti arkitek, jurutera, jurukur bahan dan lain-lain. Rang Undang-undang ini mungkin tidak dapat diadakan 10 - 15 tahun yang lalu kerana

kekurangan pegawai-pegawai perancang bandar di negara ini. Pelaksanaan Rang Undang-undang ini bukan sahaja akan memberikan pengiktirafan kepada profesion perancang bandar tetapi akan memberikan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik kepada perancang bandar di pasaran terbuka pihak swasta.

Keadaan ini akan mendorong pegawai-pegawai perancang bandar yang sedang bertugas dengan kerajaan keluar untuk menubuhkan atau menyertai syarikat-syarikat persendirian juruperancang bandar dan desa dan ini akan menjejaskan perkhidmatan Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Masalah ini tidak akan berlaku pada masa sekarang kerana sebagai mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita mempunyai bilangan perancang bandar yang mencukupi iaitu lebih kurang 700 orang dan 200 daripadanya yang berkhidmat dengan kerajaan dengan kadar pertambahan seramai 50 orang setahun.

Pelaksanaan Rang Undang-undang ini bukan sahaja akan menjamin kualiti khidmat kepakaran seseorang perancang bandar dalam proses pembangunan, tetapi juga akan menjaga kepentingan awam dengan memastikan seseorang perancang bandar akan lebih bertanggungjawab dan tidak akan menyalah gunakan amalan profesionalnya untuk kepentingan lain. Di samping itu, melalui penggunaan khidmat kepakaran perancangan bandar, kita berharap akan dapat melicinkan pelaksanaan Akta Perancang Bandar dan Desa mempercepatkan proses kelulusan permohonan perancangan dan yang penting untuk mengurangkan kos pembangunan dan pengurangan pembaziran sumber yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin menyentuh dua peruntukan yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini. Pertama, Bahagian II Seksyen 4, mengenai penubuhan Lembaga Perancang Bandar. Saya menyokong perlantikan ahli-ahli Lembaga Perancang Bandar yang melibatkan wakil-wakil dari sektor awam termasuk dari institusi pengajian tinggi dan juga dari pihak swasta yang berkepentingan dengan profesion perancang bandar. Kehadiran mereka sudah barang tentu akan menjamin keunggulan dan kewibawaan lembaga dalam memainkan peranan, menjaga dan mempertingkatkan kredibiliti profesion perancang bandar. Kita berharap mereka tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak, terutama perancang-perancang bandar yang melanggar disiplin dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan peranan perancangan bandar ini lebih mementing keperluan awam.

Kedua, Bahagian III seksyen 13, mengenai peruntukan yang tidak menyekat profesion-profesion lain dari meneruskan amalan mereka di bawah undang-undang bertulis profesyen masing-masing. Umpamanya kalau seorang arkitek pada masa sekarang boleh meneruskan peranan sebagai orang yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengemukakan permohonan bagi pihak pemaju bagi mendapatkan kelulusan pembangunan, peruntukan ini diadakan bagi membolehkan amalan yang ada sekarang diteruskan tanpa melibatkan pindaan kepada akta-akta lain. Saya mencadangkan supaya peruntukan ini dikaji semula di masa akan

datang, apabila sampai masa yang sesuai bagi memastikan hanya perancangan bandar sahaja profesion yang layak meneruskan permohonan berkaitan dengan permohonan perancangan fizikal.

Disamping itu, saya juga ingin menyentuh seksyen 18 mengenai pendaftaran sementara perancang bandar asing. Walaupun Rang Undang-undang ini menetapkan garis panduan yang khusus mengenai perkhidmatan perancang-perancang bandar dari luar negeri, kita berharap pihak kerajaan janganlah terlalu liberal membenarkan perancang-perancang bandar luar negeri untuk berkhidmat di negara ini melainkan projek-projek yang memerlukan kepakaran khusus yang tidak terdapat di kalangan perancang-perancang bandar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pembangunan yang begitu pesat pada masa ini, tugas perancang bandar telah begitu diperlukan dan mengikut statistik yang ada, firma-firma perunding mula wujud dengan banyaknya yang membuktikan perlunya tugas seperti ini. Pihak pemaju mula mengiktiraf pentingnya tugas ini di mana telah dibuktikan penglibatan pakar dalam bidang ini akan lebih memberi manfaat kepada pembangunan keseluruhannya.

Pelaksanaan Rang Undang-undang ini di samping memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada profesion perancang bandar akan juga menjaga tahap profesionalisme dan disiplin ahli-ahli yang berdaftar. Ini juga akan menjamin prestasi yang berkualiti, yang akan juga meningkatkan mutu pembangunan yang lebih teratur.

Untuk memastikan bahawa tidak timbul penghijrahan secara mendadak, pegawai-pegawai perancang bandar yang sedang berkhidmat dengan kerajaan ke pihak swasta dengan pelaksanaan Rang Undang-undang ini, kerajaan perlulah mengkaji semula skim perkhidmatan pegawai-pegawai perancang bandar termasuklah taraf dan kedudukan jawatan-jawatan pegawai-pegawai perancang bandar di semua peringkat yang didapati kurang mendapat perhatian di masa yang lalu jika dibandingkan dengan profesion-profesion lain.

Jadi, dengan harapan inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Larut.

**2.52 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bandar dan pempandaran kawasan-kawasan berpotensi di negara ini terus-menerus berkembang pesat selaras dengan perkembangan kependudukan yang kian meningkat. Kepentingan sektor ini disokong oleh beberapa faktor utama yang termasuk di dalamnya sumbangan para perancang bandar tempatan. Mengambil kira apa rancangan yang baik di England atau di Switzerland mungkin tidak sesuai di negara ini seperti runtuhnya Highland Towers mungkin arkitek berkenaan merasakan Highland Towers itu dibuat di lereng bukit seperti arkitek-arkitek buat bangunan-bangunan di Switzerland.

Apabila segenap sektor diperkembangkan dengan pelbagai strategi, kempen institusi perbadanan atau lembaga, maka perancang bandar tempatan tidak mahu ketinggalan untuk terlibat dalam arus pemodenan dan ketrampilan identiti dan ruang penglibatan supaya sentiasa dikenali dan diterima sebagai satu entiti yang sempurna, lengkap dan berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pakar-pakar yang cukup tetapi pakar-pakar yang mendapat didikan di luar negara mesti mengadakan pendekatan ataupun falsafah atau conceptual outlook, dengan izin, antara negara kita dengan negara-negara lain. Bagi perancangan perlu dikaji iklim, cuaca dan aspek-aspek yang berkenaan. Semuanya ini perlu kepada adaptability, dengan izin. Dengan izin, knowledge, mungkin sama tetapi application of the knowledge, dengan izin, berlainan di antara negeri-negeri lain dengan keadaan setempat.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah lembaga perancang bandar yang majoritinya terdiri daripada para perancang bandar berpengalaman serta wakil lembaga arkitek, jurutera, jurukur, jurubina dan mereka yang dianggap berwibawa dalam bidang perbandaran amatlah tepat bagi menganggotai lembaga dengan menyumbang buah fikiran dan idea bernas bagi menjayakannya. Dalam usaha menentukan bahawa suasana tidak tercemar dan nyawa tidak terancam.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya fungsi lembaga untuk menyelia, membuat laporan, memeriksa ketulenan aktiviti para perancang bandar, melantik jawatankuasa-jawatankuasa penasihat dan sebagainya menggambarkan

kesungguhan pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf profesion perancang bandar di tahap yang sewajarnya kerana apa yang dibuat pada masa-masa sebelum ini bukan tidak baik tetapi kurang memuaskan, tidak terinci dan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai banyak masalah untuk menghadapi tentang pembangunan dan perancangan ini kerana kita maju. Perdana Menteri yang kita kasihi pernah berkata, “Lebih baik kita menghadapi masalah-masalah kerana kita maju daripada kita menghadapi masalah-masalah kalau kita tidak maju dan mundur. Lebih baik kita banyak masalah, kita maju dan kita menyelesaikan masalah dalam keadaan kita maju. Bukan kita menyelesaikan masalah dalam kita mundur”.

Tuan Yang di-Pertua, status seorang perancang bandar, siswazah akan diiktiraf sekiranya beliau mendapat pengalaman amali yang ditetapkan oleh lembaga sebelum berhak didaftarkan sebagai perancang yang berdaftar, sebagai consultant, dengan izin, yang berwibawa seperti konsultan-konsultan lain, jurukur, jurubina, juruaudit, peguam-peguam memberi perundingan yang mana terperinci, telus seperti perancang-perancang bandar di negara-negara lain termasuk Eropah dan England.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rang Undang-undang ini, saya mendapati ia merangkumi pelbagai aspek lengkap mengenai keanggotaan, pendaftaran ahli, etika dan fungsi, penyimpanan dan penyenggaraan daftar perancang bandar, sekatan terhadap keahlian dan pembatalan pendaftaran, penggantungan permit rayuan mereka yang membuat kesalahan, pemegangan saham, peruntukan am dan sebagainya. Ini amatlah perlu bagi merancang bandar-

bandar dan semua bandar-bandar baru ataupun pekan-pekan kecil yang ketinggalan selama ini, sedangkan kita menghadapi zaman industri canggih, lagi pula kita menghadapi Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan mahupun pindaan Rang Undang-undang ini di Dewan yang mulia pada hemat saya dibuat setelah segala perkiraan teliti dijalankan oleh pihak-pihak yang berwajib. Rang Undang-undang Perancang Bandar ini saya rasa adalah satu lagi manifestasi kesungguhan dan keikhlasan kerajaan melihat ke alam meninjau dengan rasa tanggungjawab untuk meninggikan tahap profesion lembaga, pengamal dan segala pendukung dunia perancang bandar supaya selari dengan hasrat membangunkan negara dengan undang-undang tubuh dan peraturan lengkap yang dapat menjaga kemuslihatan semua pihak dalam mana-mana hal, mengikut lunas undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pun saya rasa terdapat beberapa kepincangan yang harus diperbaiki dan dikemaskinikan bagi membawa kebaikan kepada bidang profesion ini kerana ianya melibatkan kehidupan manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya lembaga penyelaras serta mengemaskinikan status perancang bandar melalui Akta baru ini, keputusan dan arahan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab terhadap perancangan bandar akan lebih terarah dan dapat dilaksanakan dengan mudah, cekap, efisien dan mendapat maklum balas yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, pihak lembaga seterusnya Pak Menteri, dapat mengawasi semua pengamal, perancang bandar sama ada tempatan, asing dan pemastautin di negara ini dan ini secara langsung dapat mengawal kepentingan mereka yang ikhlas, jujur, berwibawa dan gigih daripada dicemari oleh segelintir mereka yang cemar, opportunist dan amalan salah laku yang sememangnya telah dan akan menjejaskan imej dan nama baik profesion ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan dan harapan yang diluahkan ini, saya dengan rasa sukacita menyokong Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995 yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1996. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Segambut.

**3.01 ptg.**

**Tuan Tan Kee Kwong [Segambut]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang untuk saya membahaskan perkara ini iaitu Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995.

Profesion perancang bandar telah wujud di negara ini selama 70 tahun dan telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Kini, terdapat lebih daripada 700 orang perancang bandar; 22 orang dalam sektor awam dan bilangan ini meningkat pada kadar 50 orang setahun.

Dengan kepesatan pembangunan yang dialami negara, peningkatan profesionalisme dalam bidang perancang bandar adalah sangat diperlukan, khususnya dalam aspek perancang fizikal. Permintaan terhadap penggunaan tanah untuk pelbagai tujuan ekonomi dan sosial memerlukan perkhidmatan yang pakar daripada profesion perancang bandar untuk menjamin pembangunan dilaksanakan secara teratur, selamat dan sempurna.

Perkhidmatan seseorang perancang bandar adalah diperlukan untuk penyediaan pelan-pelan pembangunan bagi sesuatu kawasan termasuk pelan-pelan tataatur atau layout plans, dengan izin, untuk sesuatu skim pembangunan, pelan-

pelan konsep dan pelan-pelan tataatur yang terperinci untuk bandar-bandar baru serta rancangan-rancangan struktur, rancangan tempatan dan pelan-pelan tindakan untuk kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan.

Seorang perancang bandar dapat memberi perkhidmatan untuk menentukan peraturan dan kawalan perancang dari aspek perundangan dan fizikal yang dikenalkan pada sesuatu kawasan perancangan yang akan memberi kesan terhadap potensi pembangunan kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkhidmatan perancangan bandar adalah begitu penting terhadap pembangunan fizikal, masih belum ada suatu undang-undang untuk memberi pengiktirafan kepada profesion perancang bandar dan menentukan peraturan-peraturan dan kriteria-kriteria dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan disiplin mereka dan menjalankan amalan sebagai perancang bandar.

Undang-undang untuk profesion perancang bandar telah wujud di kebanyakan negara maju dan membangun seperti Hong Kong, Afrika Selatan, Sri Lanka, Nigeria, Cyprus, United Kingdom, Australia, USA dan yang terbaru ialah Filipina. Di Malaysia, Rang Undang-undang perancang bandar telah lama dikemukakan, iaitu sejak 20 tahun yang lalu, bermula pada tahun 1974. Deraf akhir Rang Undang-undang ini adalah untuk menjelaskan siapa dan apa peranan seseorang perancang bandar dan bagi membentuk Lembaga Perancang Bandar bagi mengawal disiplin ahli-ahlinya.

Rationale Rang Undang-undang Perancang Bandar adalah untuk menjamin standard dan kualiti khidmat kepakaran seseorang perancang bandar dalam proses pembangunan. Kepentingan awam akan dijaga dengan memastikan seseorang perancang bandar tidak menyalahgunakan amalan profesionalnya untuk kepentingan lain.

Peruntukan penting Rang Undang-undang Perancang Bandar adalah:-

- (a) mewujudkan suatu Lembaga Perancang Bandar yang ahli-ahlinya dilantik oleh Menteri dari sektor awam dan swasta untuk berkepentingan dengan profesion perancang bandar;
- (b) Lembaga Perancang Bandar bertanggungjawab untuk mendaftar perancang bandar yang bertauliah bagi tujuan mengawalselia profesion ini dari segi mutu dan kecekapan amalan perancang bandar serta mengawasi etika mereka. Lembaga Perancang Bandar akan:
  - (i) menimbang dan meluluskan permohonan serta menyimpan daftar perancang bandar;
  - (ii) menetapkan fee profesional khidmat perancang bandar berdaftar;

- (iii) mendengar dan menyelesaikan masalah perancang bandar berdaftar atau perselisihan antara mereka;
  - (iv) mengambil tindakan disiplin ke atas mana-mana perancang bandar berdaftar yang melanggar peruntukan Rang Undang-undang ini;
  - (v) mewakili dan sebagai suara rasmi profesion perancang bandar;
  - (vi) menjalankan aktiviti untuk mempertingkatkan profesionalisme di kalangan perancang bandar berdaftar serta menjaga kepentingan mereka;
- (c) memperuntukkan kelayakan bagi seseorang untuk berdaftar sebagai perancang bandar serta jenis perkhidmatan profesional yang dia boleh jalankan; dan
- (d) memperuntukkan prosedur untuk menamatkan atau menggantung pendaftaran atau mengenakan denda ke atas seseorang perancang bandar berdaftar yang didapati bersalah kerana melanggar etika profesionalisme atau menyalahi peruntukan Rang Undang-undang ini.

Berkenaan Pengerusi Lembaga. Sila merujuk Rang Undang-undang, muka surat 8, Fasal 4(1)(a) iaitu, Jawatan Pengerusi. Akta ini tidak cukup spesifik dan tidak lengkap. Contohnya, bolehkah seorang peguam atau doktor atau ahli perniagaan menjadi Pengerusi? Saya harap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula. Adalah lebih baik jika Pengerusi ialah anggota korporat Pertubuhan Perancang Malaysia.

Rang Undang-undang Perancang Bandar tidak akan membawa implikasi kewangan kepada kerajaan dan tidak menyekat profesion lain dari meneruskan amalan mereka di bawah undang-undang bertulis profesion masing-masing. Sebagai contoh, seseorang arkitek berdaftar boleh meneruskan peranan sebagai orang yang bertanggungjawab menyelaraskan dan mengemukakan permohonan bagi pihak pemaju untuk mendapatkan kelulusan pembangunan.

Pada umumnya, cadangan ini disambut baik oleh kedua-dua pihak awam dan swasta.

- (a) di taklimat mengenai Rang Undang-undang ini yang diadakan untuk agensi kerajaan dan pertubuhan profesional termasuk arkitek, jurutera dan juruukur pada 26hb Ogos, 1993 lalu telah mendapat sokongan semua.
- (b) Rang Undang-undang ini seterusnya telah dibentang di Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-42 pada 30hb September, 1994 lalu dan diterima Majlis.

- (c) Rang Undang-undang ini juga dibentang di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri di tiap-tiap negeri dan mendapat sokongan jawatankuasanya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perancang Bandar ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ipoh Barat.

**3.12 ptg.**

**Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong dengan sebulat suara di atas penubuhan Lembaga Perancangan Bandar di bawah Rang Undang-undang Perancang Bandar.

Rang Undang-undang ini akan menjaga kepentingan rakyat dan menjadikan profesion perancang bandar setaraf dengan bidang profesion yang lain seperti arkitek, jurutera dan juruukur. Satu daripada sebab-sebab yang utama di mana kepentingan rakyat serta bidang perancangan dapat dipelihara adalah dengan membolehkan Pertubuhan Perancangan Malaysia mengenal pasti mereka yang benar-benar layak diiktiraf sebagai perancang bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama akta ini adalah untuk membolehkan pendaftaran perancangan bandar dijalankan di Malaysia. Penubuhan Lembaga Perancangan Bandar ini akan menyimpan pendaftaran perancang bandar dan ianya akan menetapkan skil profesional, memastikan para perancang menjalankan tugasnya dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada provision adalah hanya perancangan bandar yang berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar boleh mengambil gelaran sebagai Perancang Bandar. Mendaftar dengan Lembaga Perancang Bandar ini juga mesti ahli korporat Pertubuhan Perancangan Malaysia (PPM). Saya juga ingin pihak kementerian menyatakan berapakah jumlah ahli korporat yang berdaftar dengan PPM. Di bawah Rang Undang-undang Perancang Bandar ini, perancang bandar mempunyai hak ke atas aktiviti-aktiviti yang tersebut di dalam Fasal 13.

Menurut Fasal 13 di dalam Rang Undang-undang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat “fese” itu apa benda?

**Tuan Ho Cheong Sing:** Fasal. Sorry. Menurut Fasal 13 di dalam Rang Undang-undang adalah menjadi hak profesion lain yang menghantar layout plan untuk membuat perancangan bandar ataupun ianya merupakan tugas bagi perancang bandar berdaftar. Pada masa ini, ia merupakan suatu perkara biasa di mana juruukur menyediakan layout plan dan perancang bandar hanya mengiktirafkannya. Akta tersebut sepatutnya tidak hanya memberikan kuasa kepada perancang bandar sebagai signature town planner, dengan izin, tetapi perancang bandar perlulah membabitkan diri dalam macro planning selain dari *ad-hoc* planning.

Perancang bandar seharusnya memberikan penglibatan diri yang lebih dalam master town planner bagi kawasan yang akan dibangunkan pada masa hadapan termasuk kerja-kerja infrastruktur seperti jalan, perparitan, bekalan air dan bekalan elektrik. Keperluan sosial untuk masa hadapan termasuk semua maklumat mestilah lengkap seperti yang dikehendaki oleh pihak pemaju dan profesional.

PPM memperlihatkan perancangan bandar sebagai usaha menyediakan pelan fizikal. Sebahagian besarnya adalah terdiri daripada perancang fizikal atau perancangan guna tanah. Adalah tidak digalakkan agar bukan perancang fizikal menjadi ahli pelan fizikal dan calon yang bukan perancang fizikal atau perancang guna tanah adalah tidak diterima. Oleh itu, pertubuhan adalah terdiri daripada perancang fizikal tetapi mereka berkelulusan M.Sc. atau Ph.D. di dalam bidang ini adalah bukan ahli kepada PPM. Ini adalah disebabkan mereka tidak sesuai di dalam rangka organisasi.

Oleh itu, Rang Undang-undang ini adalah untuk melindungi pertubuhan supaya ianya berfungsi dengan sempurna seperti yang dikehendaki oleh perancang. Ini juga tidak akan berfungsi untuk kepentingan pihak yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cadangan Rang Undang-undang tersebut tidak dijadikan kemestian dalam memastikan hanya rancangan fizikal yang dibenarkan untuk membentangkan layout plan yang akan dihantar kepada pihak berkuasa untuk pengesahan.

Perancang bandar membuat perancangan di Malaysia berdasarkan kepada layout plan sahaja tetapi dalam Rang Undang-undang seperti yang disenaraikan dalam Fasal 13, perancang berdaftar dan berkeelayakan perlu menjalankan aktiviti yang begitu banyak.

Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perancang Bandar ini berdasarkan faktor-faktor di atas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bandau.

**3.18 ptg.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perancangan Bandar 1995 ini dan saya hanya ada beberapa perkara yang saya ingin sumbangkan dalam perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, sememangnya Rang Undang-undang ini telah lama ditunggu-tunggu dan sepertimana yang telah pun disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, kira-kira 22 tahun yang lalu perkara ini pun sudah mulai dibawa kepada kerajaan untuk dipertimbangkan dan Yang Berhormat Menteri tadi tidak menyentuh kenapa begitu lama sekali barulah Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Kerana sepertimana kita sedia maklum, jumlah para graduan dan profesional dalam bidang perancang bandar ini begitu banyak sekali. Dianggarkan kira-kira 700 orang lebih dan sepertimana Yang

Berhormat Menteri katakan tadi bertambah kira-kira 50 orang setiap tahun dan di peringkat negara kita sahaja pun para graduan yang telah dilatih di dalam bidang-bidang ini juga telah melebihi 500 orang. Jadi, memang sudah sampai dan tepat pada masanya supaya Rang Undang-undang ini dan lembaga yang dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah sentuhkan tadi, ini telah menjadi rayuan para profesional di dalam bidang ini begitu lama sekali, kerana mereka sebenarnya bertugas atau menjalankan fungsi mereka sebagai perancang bandar (town planner), tetapi tidak diiktirafkan, tidak direcognise, dengan izin, tidak dikenali di dalam bidang ini. Para arkitek sebenarnya mengeluarkan pelan-pelan atau layout plan dan development plan, dengan izin, menggunakan perkhidmatan perancang bandar (town planner service), tetapi yang sign atau yang menurunkan tandatangan adalah para arkitek. Jadi, seperti mana yang kita katakan, ini adalah seperti pepatah Melayu “Lembu punya susu, sapi dapat nama” dan ini telah menjadi sungutan begitu lama sekali. Kita memang mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kerajaan atas tindakan yang telah dilakukan, walaupun barangkali begitu cepat atau lambat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini, harapan kita memanglah supaya badan atau profesi ini akan terus bukan sahaja dikenali dan diiktirafkan oleh kerajaan, tetapi sumbangan mereka dalam perancangan dan pembangunan negara akan lebih lagi dipertingkatkan. Dari segi itu, Tuan Yang

di-Pertua, saya mempunyai beberapa perkara yang saya ingin sentuh, yang berkaitan khususnya dengan beberapa bahagian terutamanya Bahagian II di dalam Rang Undang-undang ini, iaitu penubuhan Lembaga Perancang Bandar. Ini juga telah diminta begitu lama dan isi kandungan serta tatacara semuanya terkandung di dalam fasal yang tertentu di bawah tajuk Bahagian II ini.

Saya ingin tumpukan, Tuan Yang di-Pertua, dari segi sepertimana yang dikatakan di sini ialah perlantikan yang dilakukan oleh pihak Menteri bagi semua 'kekananan' ataupun ahli-ahli di dalam lembaga ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah pun menyentuh mengenai kelayakan yang harus diambil kira. Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 4 dan Bahagian II yang mengatakan di sana tiga orang perancang bandar yang menjalankan tugas persendirian selama sekurang-kurangnya 10 tahun di Malaysia (practising). Oleh kerana mereka tidak dikenali dan tidak diiktirafkan sebagai perancang bandar, saya ingin tahu daripada pihak Menteri, siapakah mereka ini? Sebab mereka yang practising pun bukan atas nama town planner kerana tidak direcognise sebagai town planner. Jadi, siapakah golongan yang termasuk ini? Adakah golongan yang termasuk ini terdiri dari para arkitek yang juga adalah para graduan dalam bidang perancang bandar?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dari segi satu profesi yang baru, walaupun sudah lama, tetapi baru diiktirafkan. Memandangkan begitu luas dan begitu banyak jumlah ahli yang akan dimasukkan di dalam lembaga ini, saya

berharap bahawa perkara ‘wilayah’ dan representation, dengan izin, juga diambil kira dari segi perlantikan-perlantikan di mana yang sesuai dimasukkan ke dalam golongan yang akan dilantik di dalam lembaga ini.

Saya percaya tidak keterlaluan bagi saya untuk mengatakan bahawa profesi perancang bandar ini juga telah lama wujud di Sabah dan Sarawak. Harapan kita ialah supaya pihak profesional juga diambil kira dari segi mengembangkan profesi ini dan peranan mereka dalam perancangan bandar, agar perwakilan daripada kedua-dua negeri yang jauh daripada Kuala Lumpur diambil kira supaya menjadi perwakilan bagi pihak ahli-ahli profesi di kedua-dua negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya sentuhkan tadi, memang kita mengalu-alukan keputusan kerajaan di bawah Rang Undang-undang ini untuk memasukkan perwakilan daripada universiti dan institusi pengajian tinggi kerana mereka juga yang paling, up-to-date, dengan izin, dari segi perkembangan-perkembangan bidang ini, dari segi akademiknya dan juga dari segi amali di seluruh peringkat bukan sahaja di seluruh negara, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya tumpukan perbahasan saya kepada Bahagian III di mana kelayakan-kelayakan untuk menjadi seorang perancang bandar yang berdaftar. Saya percaya pihak kerajaan haruslah juga mengambil kira beberapa perkara.

Pertamanya, seperti mana yang dikatakan di sana bahawa kelayakan untuk menjadi ahli bagi lembaga ini ialah seperti mana yang akan ditetapkan oleh Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia. Dengan itu, kita sedia maklum bahawa kebiasaannya mereka ini mempunyai ijazah-ijazah yang tertentu di dalam bidang ini daripada universiti-universiti yang diiktirafkan oleh kerajaan, khususnya oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Tetapi dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap bahawa pihak pertubuhan ini juga mengambil kira bahawa banyak universiti-universiti yang begitu terkenal di peringkat antarabangsa, dari segi mutu dan kualiti kursus dalam perancangan bandar, tetapi tidak diiktirafkan oleh pihak kerajaan, khususnya pihak JPA, kerana hubungan dari segi pentadbiran tidak rapat ataupun belum diurus.

Kita tahu cara-caranya bagaimana sesuatu universiti itu diiktirafkan oleh kerajaan, walaupun kebiasaan itu memanglah berasaskan kepada mutu, kualiti sesuatu institusi itu, tetapi kalau tidak ada pegawai kerajaan yang pernah menuntut di institusi tersebut sukar sekali untuk institusi itu memohon untuk menjadi satu institusi yang diiktirafkan oleh kerajaan. Kerana pegawai kerajaan akan mengatakan bagi pihak kerajaan untuk menguji institusi tertentu untuk mengatakan kita belum pasti, belum ada graduan yang keluar dari sini. Jadi, kita belum pasti adakah graduan-graduan itu mutunya baik atau tidak, tetapi kalau kita belum menghantar pelajar di sana, bagaimana kita boleh menguji adakah pelajar

atau graduan itu mutu ijazah atau dan bidang yang diperolehinya itu layak atau tidak.

Begitu juga beberapa negara yang berdekatan dengan kita, Tuan Yang di-Pertua, di mana telah maju di dalam bidang ini seperti Hong Kong dan Taiwan, tetapi kebanyakan ijazah-ijazah mereka ini tidak diiktirafkan oleh pihak kerajaan.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, pihak lembaga atau pihak Pertubuhan Perancangan Malaysia akan mengambil kira perkara-perkara seperti yang saya telah sentuhkan tadi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat yang sebelum daripada saya telah menyentuh tadi, bahawa perkataan 'town planning' ini ataupun 'perancangan bandar' ini begitu luas dan ada kursus-kursus juga di beberapa universiti yang diiktirafkan oleh kerajaan, yang dikatakan town planning, tetapi bukan town planning, dari segi fizikal, tetapi dari segi konsep dan dari segi teori, khususnya di bidang regional planning, dengan izin.

Kita berharap bahawa pihak kerajaan khususnya pihak lembaga mengambil kira perkara seperti ini supaya title, dengan izin, perancang bandar ini adalah sebenarnya satu title yang bukan sahaja dibanggakan, tetapi dia mencerminkan kelayakan, kualiti, kebolehan para ahli di dalam lembaga ini. Kerana kalau kita panggil dia town planner, dengan izin, tetapi tidak pandai merancang bandar, dia hanya regional planning, dari segi teori dan pandai merancang dari segi menggunakan komputer dan konsep ekonomi semua, tetapi

tidak mempunyai pengalaman atau kelayakan ataupun kemahiran dari segi planning, maka saya percaya tajuk itu nanti tidak mencerminkan kemahiran seseorang yang dipanggil sebagai perancang bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga berharap bahawa di dalam pengambilan ahli dan khususnya dari segi pendaftaran ahli nanti supaya pihak Lembaga dan pihak pertubuhan akan bertindak secara objektif. Kerana ini satu badan yang baru walaupun profesion ini sudah lama, tetapi memandangkan ia satu badan yang baru diiktirafkan oleh kerajaan. Kita tahu kerana kita juga berpengalaman di dalam penubuhan-penubuhan badan-badan profesional dan ada kelab-kelab tertentu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau bukan pioneers, dengan izin, mereka ini menjadi golongan nombor tiga nomborempat. Yang pioneers ini yang menjadi mereka yang terlihat, maka dengan itu, ada masalah timbul dari segi adakah objektif atau tidak dari segi pengambilan ahli atau pendaftaran ahli, mana institusi yang harus dimasukkan, yang harus dilihat dan begitu semua. Saya berharap perkara dan masalah ini tidak timbul di dalam pertubuhan Lembaga dan pendaftaran ahli-ahli dan anggota-anggota pertubuhan perancang bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuhkan satu perkara lagi, iaitu sepertimana yang disentuhkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, memandangkan ini satu badan yang baru diiktirafkan oleh kerajaan, maka disiplin dan profesionalisme haruslah diawasi oleh pihak kerajaan, khususnya pada saat-saat ini di mana begitu banyak kira-kira 700 orang yang akan

memohon menjadi perancang bandar secara berdaftar. Dengan izin, there will be a long queue for recognition. Maka kita harap perkara disiplin akan diambil kira supaya mutu dan imej profesion yang baru diiktirafkan ini menjadi satu profesion yang dibanggakan bukan sahaja di negara kita, tetapi di negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada monitoring ataupun mengawasi dari segi disiplin harus memandangkan ini satu badan yang baru, kita harus monitor juga, mengawasi dari segi fees, dengan izin, yuran-yuran yang akan dikenakan oleh pihak perancang bandar yang baru kepada pihak pelanggan-pelanggan supaya ia bukan sahaja berpatutan, tetapi juga barangkali memandangkan ia satu badan yang baru untuk muncul dan baru diiktirafkan oleh kerajaan, kalau boleh diminta supaya yuran mereka tidak berapa tinggi, bersesuaian dengan keadaan semasa dan juga kepada sumbangan mereka ke dalam pembangunan negara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya ingin sentuhkan. Saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada ramai lagi hendak berucap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian walaupun saya tidak berhajat hendak hadkan tempoh berucap, tetapi saya tetap hendak minta kerjasama Yang Berhormat semua supaya jangan ambil masa yang terlampau panjang, seelok-eloknya Yang Berhormat yang ingin berucap menghadkan masa sendiri kepada 15 minit. Ini disiplin diri. Kepong.

**3.35 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang singkat kerana saya akan mengambil bahagian di dalam rang undang-undang seterusnya. Itulah yang sangat penting bagi saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu rang undang-undang untuk perancang bandar adalah tepat walaupun begitu lewat untuk diadakan. Saya nampak ada beberapa perkara yang boleh disebutkan sebagai baik juga. Walau bagaimanapun, saya bimbang di dalam pelaksanaannya akan mewujudkan kelemahan-kelemahan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 700 atau lebih daripada 700 perancang bandar ini, saya hendak minta Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bagaimana mereka diiktiraf sebagai perancang bandar. Itu penting, sebab saya hendak mencadangkan bahawa satu jadual diadakan untuk universiti dan kolej-kolej yang telah dan akan diiktirafkan untuk maksud rang undang-undang ini. Sebab saya nampaknya di dalam rang undang-undang ini tidak ada jadual sedemikian. Ini satu kelemahan. Sebab kalau kita hendak daftar perancang bandar, kita mesti adakan pada masa yang sama satu senarai yang menunjukkan sekian-sekian universiti dan kolej diiktiraf. Daripada inilah perancang bandar Malaysia diiktiraf dan diberi tauliah untuk menjadikan perancang bandar. Ini merupakan satu kelemahan di dalam rang undang-undang hari ini.

Saya berharap tidak lama lagi akan adakan satu pindaan untuk memperbaiki keadaan. Misalnya, saya beritahu sejak beberapa tahun dan dekad ini kita adakan rang undang-undang seumpama ini untuk peguam, untuk doktor pengamal perubatan dan di dalamnya setiap akta itu kita nampak jadual yang tertentu. Umpamanya dengan bidang perubatan, sebab perancang bandar ialah satu profesion, seperti juga dengan doktor. Di dalam Akta Perubatan kita ada jadual yang menunjukkan lebih 220 universiti dan kolej yang diiktirafkan, termasuk Universiti Malaya dan Universiti Sains. Universiti, ini masuk ke dalam. Ini yang penting, sebab saya setuju dengan beberapa cadangan kerana ini akan mengiktirafkan perancang bandar. Setakat ini sepertimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi ada yang tidak diiktirafkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri setakat mana di dalam urusan perancang bandar, pihak kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Tempatan memberi tanggungjawab kepada perancang bandar. Apakah prosedur biasanya yang digunakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Tempatan. Misalnya apabila kita hendak adakan pelan struktur Kuala Lumpur, apakah prosedur biasanya yang diikuti, sama ada satu suruhanjaya diadakan dahulu, kemudian suruhanjaya ini melantik perancang bandar. Saya nampak di Dewan Bandaraya ada jawatan Perancang Bandar. Ini bermakna mereka sentiasa ada di situ dan tidak payah dilantik menurut suruhanjaya. Dari semasa ke semasa mereka boleh menggubalkan rancangan-

rancangan yang tertentu. Tetapi saya pun tidak begitu faham - saya tidak akan mengambil masa yang panjang, kerana hanya untuk perancang bandar.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, dengan pelan struktur Kuala Lumpur ini diwartakan pada tahun 1982 dan sekarang 1995, ini bermakna 13 tahun. Apakah tugas para perancang bandar di dalam Perancangan Bandar ini, apakah tempoh yang diberi kepada para perancang bandar misalnya di Kuala Lumpur untuk mengkaji semula pelan struktur seperti ini. Sebab saya bangkitkan hal seperti ini, tanggungjawab seperti ini, di Kuala Lumpur tidak ada kajian semula, lebih satu dekad, walhal di seluruh Kuala Lumpur ada pembangunan, banyak projek-projek termasuk KLCC, Kompleks Sukan Nasional, Bukit Jalil, Lebuhraya Persekutuan dan banyak lagi di mana nampaknya akan diadakan satu projek dengan pusat membeli-belah yang terbesar di Asia Tenggara ataupun di Asia. Dan dengan begitu banyak pembangunan dan projek di dalam 13 tahun ini tetapi saya tidak nampak yang benar-benar mengikut pelan struktur (master plan), bukan semua mengikut pelan struktur. Kalau begitu, apakah peranan perancang bandar? Itu memang penting kita hendak tahu, sebab itulah di dalam Rang Undang-undang tidak menyebutkan hal seperti ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau Yang Berhormat dari Padang Terap tidak begitu berminat di dalam hal ini, jangan kita bising. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan lain kalilah, hari ini terlalu lewat, kita mungkin beri beberapa peruntukan untuk membuat satu kriteria atau definisi ataupun tempoh bagi kajian untuk setiap projek kerana tugas perancang bandar yang utamanya pelan struktur - yang paling utama dan kemudian ia bergantung kepada eminent domain kepada kuasa kerajaan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Padang Terap bangun. Hendak beri jalan, ataupun sudah habis berucap?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, saya beri dia jalan. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sahabat saya dari Kepong, adakah dia sedar bahawa structure plan itu bukanlah 'legally binding', dengan izin. Jadi, apakah dia hendak bising sangat? Apakah yang sedang dilakukan itu adalah mengikut structure plan secara 100%, ia hanya satu proposal, ia tidak ada legal obligation untuk DBKL mengikutnya, adakah Ahli Yang Berhormat sedar, termasuk di kawasan Kepong. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap itu ada sebahagian kenyataan tadi betul juga, tetapi sebahagian lain itu ada ketinggalan zaman. Sejak bermulanya perancangan bandar 3,500 SM - itu sudah lama itu, kita ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu tamadun apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tamadun Masihi! *[Ketawa]* 3,500 SM, 5,000 tahun yang lampau itu, jadi fikiran itu tidak boleh kita tinggal 5,000 tahun yang lepas. Ini kita hendak melangkah ke abad 21 dah, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun lagi!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia bangun, tidak ada masa.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Cuma saya hendak tolong dia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tambah masa, injury time. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya hendak tolong dia Yang Berhormat, 3,500 tahun dahulu Tamadun Muhanjidaro di Indos Valley, kalau Yang Berhormat tidak tahulah. *[Tepuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, Indos Valley, dia pun tahulah, itu satu Arkitek Yunani, Greek - Hepodhamos yang bermula dengan sistematik.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh tinggal fikiran, gagasan kita tinggal 5,000 tahun yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, memang ini satu garis panduan, sebab saya sebutkan hal seperti ini, seringkali saya menyertai perbincangan public hearing dan sebagainya mengenai pelan struktur, bukan satu dua kali, banyak, lebih daripada tiga empat kali. Tiap-tiap kali saya menyertai saya membaca termasuk pelan struktur Kuala Lumpur, saya ada terbaca dan saya dapati selepas pelan struktur ini diwartakan, tetapi tidak ikut.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, saya beri satu misalan, di Kelana Jaya dekat dengan rumah saya, pada mulanya dalam pelan struktur itu ada kawasan hijau, green lumps di Kelana Jaya itu lebih 60 hektar, saya pun seronoklah dekat dengan rumah saya, nampak wah! Ini baik sekali, kawasan hijau, green lumps, dekat dengan kawasan saya dan saya pun seronok, gembira dengan begitu sahaja dan kemudian, dua tiga tahun selepas itu saya tengok bangunan, macam mana green lumps ada bangunan? Saya pun tanya di Dewan Undangan Negeri Selangor, dia kata: “Oh! kawasan ini tidak diwartakan, kita boleh ubah”. Kemudian saya tengok tiba-tiba banyak lagi bangunan Selangor Seafood Centre dan sebagainya.

Sekarang kalau kita imbas kembali kepada pelan struktur Petaling, kita tengok daripada kira-kira 60 hektar itu tinggal tidak sampai 20 hektar green lumps itu. Sebab itu saya bangkitkan hal seperti ini. Walaupun ini bukan legal sepertimana yang disebutkan oleh Padang Terap, ‘not legally binding’. Tetapi, apa gunanya kita melantik perancang bandar dan kemudian satu cadangan dia, kita mengetepikan dengan begitu sahaja, green lumps menjadi kawasan pembinaan, kawasan komersil, kawasan industri dan sebagainya, apa gunanya kita adakan pelan struktur?

Tuan Yang di-Pertua, inilah maksud saya hari ini. Saya tuju kepada Yang Berhormat, sebab saya pun tahu Yang Berhormat ini benar-benar hendak jadikan ‘negara dalam taman’, itu satu konsep yang baik, kita mesti tolong dia mencapai konsep ini, kalau hendak mencapai satu konsep, satu idea, satu gagasan, satu

idealisme yang baik untuk menjadikan negara Malaysia sebagai ‘negara dalam taman’ kita mesti tolong dia juga. Kita semua, setiap rakyat bertanggungjawab untuk menghayati konsep seperti ini.

Walau bagaimanapun, kalau kita hendak mengadakan ‘negara di dalam taman’ cuma satu itu sahaja, saya sebutkan mengenai kawasan green lump sebabnya ada pihak yang tertentu tidak mengikuti pelan struktur dan bukan semua, ada yang ikut.

Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam tugas perancang bandar, memang dia ada had-had yang tertentu, walaupun dia bergantung kepada kerajaan untuk melaksanakan sebagai ‘eminent domain’ untuk ‘zoning laws’ untuk subdivision regulations, dengan izin, dan untuk peraturan-peraturan pembinaan dan bangunan. Ia memang bergantung kepada kerajaan untuk mengambil alih tanah dan sebagainya, itu saya bersetuju. Ia bergantung kepada kerajaan tetapi kerajaan tidak bolehlah mengabaikan cadangan dia, garis panduan dia, dengan begitu sahaja, kalau Kelana Jaya sebagai green lumps untuk 60 hektar ataupun lebih, sekarang hilang sama sekali, itu tidak boleh, saya tidak bersetuju dengan perbuatan seumpama ini. Ini banyak lagi contoh, bukan itu satu contoh sahaja, sebab tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat memang sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah cukup dah! Maaf, saya tidak hendak melanjutkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kedua-dua cadangan saya, saya hendak membangkitkan satu perkara lagi, iaitu adakah selain daripada physical layout of communities, dengan izin, kerana town planning ini berasal daripada tamadun di barat, Islam pun ada, tetapi ia adalah untuk physical layout of communities. Jadi, adakah pihak kerajaan juga memberi pengiktirafan kepada cadangan oleh pihak perancang bandar mengenai faktor-faktor sosio dan ekonomi. Adakah ini termasuk di dalam tugas perancang bandar? Ini penting juga. Kalau itulah yang dimaksudkan, saya mencadangkan sepatutnya kita ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ini mengesahkan tugas, peranan dan kewajipan perancang bandar selepas diiktiraf dan diberi tauliah adalah termasuk dalam permasalahan sosial dan ekonomi. Sebab di beberapa bandar termasuk di Kuala Lumpur, kita masih ada banyak setinggan. Di Ampang juga kita masih ada setinggan yang memerlukan perkhidmatan para perancang bandar untuk memberi cadangan bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah seperti ini.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, di dalam setiap komuniti kita ada orang-orang yang cacat, terencat akal atau pun terencat anggota, adakah salah satu kewajipan bagi para perancang bandar untuk mengatur dan mengadakan sekolah khas untuk menampung orang-orang yang malang. Ini memang saya hendak tahu, sama ada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri akan menerima

cadangan saya yang bernilai dan bernas untuk dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini apabila pindaannya diadakan kelak. Perancang Bandar memang untuk memperbaiki komuniti-komuniti dan komuniti-komuniti ini tidak kira daripada Barisan Nasional atau pun daripada DAP. Dia tidak kira 'the community'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat sudah lupa had masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Had masa! Saya sudah lupa. Saya ada tiga cadangan tadi dan saya berharap Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya dapat mengambil pusing mengenai betapa pentingnya kita serapkan ke dalam Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, oleh kerana kesuntukan masa, saya terpaksa membenarkan 3 orang sahaja untuk berbahas.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Batang Lupar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kerusi satu sahaja di sini, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Bukit Bintang.

**3.55 ptg.**

**Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]:** Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Inilah kali yang pertama atau maiden speech, dengan izin.

Saya bangun untuk melafazkan sokongan saya kepada Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr. Ting Chew Peh, bertajuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan sebut nama.

**Dr. Lee Chong Meng:** Okay, ini kali pertama. Rang Undang-undang Perancang Bandar, 1995, walaupun lewat sedikit, kelulusan Rang Undang-undang ini kelak sangatlah tepat pada masanya memandangkan negara kita sedang membangun dengan pesat dan menuju ke abad ke 21 dan berusaha untuk mencapai Wawasan 2020. Demi kepentingan negara dan rakyat jelata Malaysia kita perlu mengadakan perancangan bandar dan arkitek yang bermutu tinggi supaya bandar-bandar dan bangunan kita dapat dirancang dan di design dengan corak dan reka-muka yang kemas selaras dengan tradisi unik kita atau local taste, dengan izin. Pada masa kini dan sehingga masa kini bandar-bandar dan desa-desa kita amat kekurangan perancangan yang sempurna (perfect) dan pembangunan pesat mendatangkan banyak masalah seperti masalah jalan-jalan yang kurang besar, masalah lalu-lintas, masalah infrastruktur yang kurang memuaskan dan lain-lainnya seperti di Kuala Lumpur.

Keadaan ini kita kena ubahsuaikan sebab kalau dibiarkan berterusan masalah ini akan menjadi lebih besar dan sukar untuk dikawal bila bandar-bandar dan desa kita membangun dengan lebih pesat di abad depan kelak. Sebagai

contohnya, jikalau Bandaraya Kuala Lumpur dapat dirancang dan infrastrukturnya dapat diadakan dengan sistematik pada masa mulanya ia dibangunkan, saya ingat masalah yang kita lihat pada masa ini, termasuk masalah lalulintas dan kekurangan yang lain mungkin tidak berlaku. Oleh sebab masalah yang di hadapi oleh Bandar Kuala Lumpur, Kerajaan Pusat terpaksa membina sebuah pusat pentadbiran baru di Putrajaya yang dilancarkan pada minggu lalu. Saya berpendapat bahawa bandar Putrajaya mungkin adalah bandar pertama dalam negara ini yang dirancang dengan sebaik-baiknya dan dengan sesungguhnya sebelum ia dibina.

Lain-lain bandar dan desa yang besar atau kecil bolehlah dikatakan tidak diberi tumpuan yang besar oleh Kerajaan Pusat dan kepimpinan besar kita. Kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini yang akan dijadikan Akta selepas diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, taraf perancang bandar dan arkitek di negara kita dapat dipertingkatkan lagi.

Lagi satu pandangan ialah kita kena mengadakan perancang bandar dan arkitek yang benar-benar berkelayakan dan berpendapat yang sesuai dengan corak kehidupan masyarakat kita. Kita tidak perlu mengadakan perancangan yang hanya tahu mengikut perancang bandar negara barat, we don't want a copycat architect, dengan izin. Kita mengakui bahawa banyak bandar di negara barat dirancang dengan baiknya, tetapi bandar-bandar tersebut tidak boleh kita ikut bila kita merancang pembinaan di negara ini supaya ciri-ciri kebudayaan kita, Malaysian

cultural, dan dengan adanya fungsi yang baik sekali dapat dimasukkan atau diintegrasikan dalam corek bandar dan bangunan-bangunan kita.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, 'corek' itu apa benda?

**Dr. Lee Chong Meng:** Corak, sorry.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Corak, bukan?

**Dr. Lee Chong Meng:** Ya. Okay, dengan ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Mersing.

**4.00 ptg.**

**Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perancang Bandar 1995.

Bidang pembangunan bandar adalah satu di antara sektor yang kian menyerlah peranan dan sumbangannya dalam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional yang menjadi teras kemajuan negara.

Bergerak dan bertindak secara positif menuju dinamisme wawasan yang diilhamkan oleh pucuk pimpinan negara adalah mercu atau puncak kejayaan yang ingin dinyatakan oleh semua sektor termasuk mereka yang diberi amanah untuk

melaksanakan program-program perbandaran kota dan juga membandarkan kawasan-kawasan strategik.

Kesemuanya ini bakal mewarnai corak dan bentuk pusat pertumbuhan baru yang dapat membudayakan suasana masyarakat yang bersatu dan mengamalkan ciri-ciri mulia dalam pergaulan, pekerjaan dan perniagaan. Nadi atau teras pembangunan bandar dan tugas-tugas perbandaran ini terletak kepada para perancang yang mengenal pasti, menilai, meneliti, menghayati dan mengesahkan status sebuah kawasan tanah itu berdaya maju untuk melalui proses urbanisation, dengan izin.

Bagi menyusun semula masyarakat dari segi peratusan kaum, corak pekerjaan dan integrasi nasional ke arah pemupukan masyarakat yang sentiasa erat, terjalin hubungan di antara satu dengan yang lain. Ternyata lah natijah dari perancangan yang tepat dan teliti akan membawa manfaat yang bukan sedikit kepada senario penyusunan semula masyarakat menerusi bidang perancangan bandar ke arah perpaduan sejati iaitu perpaduan nasional.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Akta penubuhan sebuah lembaga perancang bandar dan pelaksanaan segala perkara yang berkaitan dengannya adalah satu langkah yang memang ditunggu-tunggu oleh semua pihak khususnya para pengamal profesion ini agar arah tuju, pengertian, hasrat dan harapan, segala

tanggungjawab yang dipikul dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa halangan-halangan yang selama ini membantut perjalanan serta kelicinan.

Perlantikan seorang pengerusi diikuti oleh beberapa kalangan ahli profesional dalam bidang perancangan bandar dan turut dilengkapi dengan wakil jurutera, arkitek, juruukur tanah dan sebagainya sepertimana dinyatakan dalam Fasal 4 Rang Undang-undang menampakkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan supaya perancangan pembangunan yang dicetuskan dan ingin dilaksanakan dapat membawa manfaat berterusan kepada masyarakat semasa dan generasi yang bakal mewarisi kehidupan di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, bidang perancangan ini sesatunya yang begitu penting kerana padanyalah terletak tanggungjawab menilai aspek-aspek kegunaan tanah secara optimum, komposisi penduduk, penyediaan ruang komersil dan perindustrian serta infrastruktur atau prasarana dalam sesebuah kawasan yang tentunya tidak mungkin mengabaikan kepentingan masyarakat pribumi atau bumiputera diberi peluang dan ruang mengisi erti kemerdekaan dan kemajuan yang selama ini disarankan oleh pihak kerajaan.

Justeru itu, dalam misi dan harapan mengejar kemajuan dengan corak pembangunan yang menguntungkan kepentingan masyarakat bawahan tidak harus diabaikan termasuk penyediaan rumah kos rendah dan kemudahan awam, selain berlumba mengisi permintaan rumah mewah, pusat bandar baru, taman hiburan, lapangan golf dan seumpamanya lagi.

Menyedari hakikat bahawa kerajaan membina dan membangunkan sesebuah negara memerlukan pembangunan fizikal dan sosial yang seimbang, maka langkah memberikan satu wadah untuk melembagakan bidang perancangan bandar ini harus dilihat dan diterima secara baik sangka oleh semua kalangan ahli profesional dan masyarakat umumnya.

Dengan ini, akan lebih terpancar dan terpamer kredibiliti satu bidang yang selama ini dibayangi oleh pelbagai ranjau dan onak yang mencengkam. Fungsi, tugas dan penglibatan lembaga yang bakal ditubuhkan ini mencerminkan kemampuan mereka menyelia, menyelaraskan, menyemak serta mengatasi segala kepincangan, tindakan, menghakimi segala bentuk salah laku oleh pengamal profesion ini, menentukan dasar dan garis panduan yang perlu diikuti bagi menghasilkan suatu rupa perancangan yang saksama, berdaya maju dan mengambil kira segala aspek sosio-ekonomi, kebudayaan, kesihatan dan kebajikan rakyat terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, perancang bandar yang berdaftar lagi terlatih, berpengalaman dan diiktiraf oleh lembaga yang ditubuhkan ini berpeluang menabur khidmat bakti dengan lebih dedikasi dan komited dalam bidang yang diceburi. Cuma hendaknya, dengan kepercayaan yang dicurahkan itu tidak akan berleluasa lagi amalan salah laku, pilih kasih, menerima sogokan untuk menutupi kepincangan atau untuk meluluskan sesuatu permohonan, mengabaikan kepentingan bumiputera dan sebagainya lagi. Di samping itu, harus ada

kecenderungan untuk tidak membiarkan kawasan tinggi diubah suai atas nama pembangunan yang terpaksa kerana mudaratnya dapat sama-sama kita saksikan di negara kita dan juga negara luar.

Lembaga ini dan para pendukung perancang bandar perlu memastikan kesegaran dan kenyamanan persekitaran terus dibela walaupun secanggih mana bentuk pembangunan yang ingin dijelma dan direalisasikan. Kawasan rekreasi, riadah dan kehijauan pepohon mendamai rasa juga begitu penting bagi meleraikan segala kekusutan jiwa yang damai dek beban kerja seharian, hiruk pikuk lalu-lintas kian menggila, udara yang semakin tercemar dan sebagainya. Ringkasnya, badan profesional yang menyelia segala bentuk perancangan fizikal dan sosial perlu mengimbangi tuntutan kemanusiaan dan kerohanian dengan desakan pembangunan ruang niaga, ruang pejabat dan kediaman bagi melahirkan satu bentuk perancangan bersepadu dan terancang, yang mendapat recognition, dengan izin, dan disenangi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh percaya, Akta Perancangan Bandar yang bakal diluluskan ini, mampu memperbaiki tahap dan taraf sumbangan sektor ini dengan adanya kesepaduan kata sepakat, perbincangan bernas dan ikhlas bagi melihat sektor ini terus berkembang sejajar dengan sektor-sektor lain yang sudah pun diperbadankan untuk meraih kejayaan yang dihasrati.

Saya berharap, anggota yang bakal menduduki Lembaga Perancang Bandar ini dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cekap, amanah dan

dedikasi dan sebaik-baiknya berperanan sebagai badan bebas yang dapat menasihati semua pihak yang berkaitan termasuk Yang Berhormat Menteri dalam menentukan bidang perancangan bandar sentiasa terpelihara kredibilitinya.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Akta Perancang Bandar 1995 ini, yang apabila diluluskan nanti akan berfungsi secara rasmi pada tanggal 1hb. Januari depan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan pada malam ini ada banquet dinner meraikan Raja Kemboja di Dewan Bankuasi. Oleh yang demikian, diharaplah kita dapat menyudahkan persidangan kita sebelum pukul 7.30 malam ini. Sila.

**4.08 ptg.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana sudi mengemukakan Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995 ini. Walaupun pihak perancang bandar telah menunggu selama 20 tahun, Rang Undang-undang Akta ini sangatlah dialukan oleh perancang bandar di negara kita.

Seperti yang dinyatakan oleh Presiden Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia, Encik Ho Koh Ming dalam suratnya kepada pengarang *New Straits Times* di mana beliau mengatakan bahawa, dengan izin, “Town planners in the country greet this news with great gratitude, enormous relief and renew encouragement. The present generation of town planners are, therefore, deeply and sincerely grateful to Y.B. Dato’ Ting Chew Peh for his strong support of the profession and in his untiring endure to bring the Bill to his final fussion”.

Pada pendapat saya, perancang bandar, bukanlah the oldest profession in the world, dengan izin, walaupun Yang Berhormat dari Kepong berniat mentakrifkan sebagainya, tetapi kewujudan perancang bandar selama 70 tahun di Malaysia adalah satu jangka masa yang panjang dan oleh sebab itu Rang Undang-undang ini amatlah disokong oleh semua. Walaupun begitu lewat, dengan izin, it is better late than never.

Selama ini, sebelum Rang Undang-undang Perancang Bandar ini, profesion perancang bandar dan desa wujud tetapi tidak diiktiraf sebagai profesional. Jadi, Rang Undang-undang Perancang Bandar ini sangatlah dialu-alukan dan akhirnya peranan perancang bandar dalam pembangunan negara kita telah diiktirafkan, tetapi bukan diiktirafkan sebagai lembu atau sapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bandau.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini, kebanyakan pelan susunatur atau pelan perumahan dan perbandaran telah direka bentuk oleh pihak arkitek atau pihak juru

ukur. Kadang-kadang, dengan kerjasama perancang bandar, peranan arkitek dan juru ukur sebagai perancang bandar dan sumbangan mereka kepada pembangunan bandar dan desa sangatlah dihargai.

Saya difahamkan bahawa keadaan yang wujud sekarang akan tetap diteruskan. Peranan arkitek dan lain-lain profesional masih perlu kerana negara kita masih berkurangan perancang bandar walaupun bilangan perancang bandar berjumlah 700 orang dan lebih kurang 200 orang perancang bandar sedang berkhidmat dengan kerajaan.

Saya berharap keadaan yang wujud sekarang adalah satu keadaan sementara sahaja. Saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dan universiti-universiti dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Pertubuhan Perancang Bandar dapat menambahkan bilangan perancang bandar supaya beban kerja dan tanggungjawab arkitek dan profesional lain dalam reka bentuk dan pelan susunatur dapat diringankan.

Pada pendapat saya, untuk pelan susunatur bagi tanah yang keluasannya melebihi 100 ekar atau 50 hektar, seorang perancang bandar sangatlah diperlukan. Jadi, saya berharap, dalam jangka masa 5 hingga 10 tahun, pindaan kepada Akta Perancang Bandar ini dapat diadakan di mana cuma seorang perancang bandar yang berkelayakan dan berdaftar boleh memasuki pelan susunatur kepada pihak berkuasa tempatan. Tetapi buat masa ini, keadaan yang sekarang perlulah dilanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kelayakan sebagai perancang bandar, saya berharap Lembaga Perancang Bandar akan mengadakan satu definisi yang lebih lengkap kerana definisi seorang perancang bandar adalah luas. Seorang regional planner atau regional economist pun terlibat dalam perancang bandar dan desa, sama ada seorang perancang bandar dan desa yang membuat fiscal plan, dengan izin, barulah boleh diterima sebagai perancang bandar.

Mungkin kita perlu satu sistem perancang bandar dan desa di mana bangunan yang bertingkat atau berlapis mengikut keluasan tanah untuk penyediaan pelan susunatur di mana perkhidmatan seorang regional planner adalah diperlukan.

Mengikut Bahagian II Fasal 3 dan 4, suatu Lembaga Perancang Bandar akan ditubuhkan di mana 6 orang wakil perancang bandar adalah dari pihak kerajaan dan swasta; seorang wakil dari golongan arkitek, jurutera dan juru ukur. Komposisi ini boleh diterima kerana profesion yang terlibat dalam proses pembangunan adalah perwakilan dalam Lembaga ini, tetapi saya berharap Lembaga-lembaga lain seperti arkitek, jurutera dan juru ukur boleh memperluaskan supaya seorang perancang bandar boleh menjadi seorang ahli dalam Lembaga masing-masing.

Berkenaan dengan Pengerusi Lembaga itu, Rang Undang-undang tidak menyatakan sama ada Pengerusi Lembaga itu semestinya seorang perancang bandar atau tidak. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memilih sekurang-kurangnya seorang perancang bandar yang bertaraf korporat atau pun,

lebih baik jika seorang Pengerusi adalah seorang Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa seperti yang diamalkan oleh Lembaga Penilai dan Pentafsir, Majlis Perubatan Malaysia.

Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, saya berharap pihak perancang bandar di negeri ini dapat memainkan peranannya untuk memastikan Malaysia mencapai matlamat Wawasan 2020 dan memastikan bahawa alam sekitar kita, khasnya kehidupan kita di bandar dan luar bandar lebih sempurna dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V Rang Undang-undang Perancang Bandar, iaitu berkenaan dengan penggantungan, pembatalan dan penyingkiran seorang perancang bandar dari pendaftaran adalah tepat pada masa kini kerana dengan pindaan kepada Akta Perancang Bandar dan Desa, khasnya seksyen 21A dan 21C akan memerlukan satu profesion perancang bandar yang lebih cekap dan berkesan. Jadi, Rang Undang-undang yang akan menjadikan profesion perancang bandar itu lebih berdisiplin dan bertanggungjawab adalah penting.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, saya berharap satu peranan yang lebih berkesan dan berwawasan boleh dimainkan oleh perancang bandar.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**4.17 ptg.**

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi

mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995 serta mengemukakan cadangan dan saranan yang amat bernas.

Sebelum saya menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan di sini bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat peruntukan mengenai pendaftaran perancang bandar dan juga mengawalselia amalan profesion perancangan bandar. Di samping itu juga untuk meningkatkan taraf profesionalisme dan mutu perancangan bandar dan Akta ini tidak menyekat mana-mana profesion lain dari meneruskan amalan mereka di bawah undang-undang bertulis profesion masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat bertanya tentang jumlah ahli korporat Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia yang ada sekarang. Ingin saya menyatakan di sini bahawa jumlah ahli korporat Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia ialah seramai 332 orang.

Yang Berhormat dari Shah Alam membangkitkan tentang masalah pendaftaran sementara bagi perancang asing dan juga soal berhubung dengan skim perkhidmatan perancang bandar pada masa ini. Saya ingin menyatakan di sini bahawa apabila Lembaga membuat keputusan untuk mendaftar seseorang perancang asing di negara ini, maka segala pertimbangan akan diberi sebelum berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Segambut dan juga Bukit Bendera dan Bandau, memang saya ucapkan terima kasih kerana menyokong Rang Undang-undang ini tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Bandau mengatakan Rang Undang-undang ini memang terlewat sedikit. Saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera bahawa kita berpegang kepada prinsip biar lambat asalkan selamat. Jadi, sekurang-kurangnya kita dapat kemukakan Rang Undang-undang ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada membangkitkan beberapa isu. Yang pertama sekali berhubung dengan jadual mengenai perancang bandar yang diiktiraf oleh kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang dari masa ke semasa mempunyai suatu jadual mengenai institusi pengajian tinggi dari dalam dan juga luar negeri di mana graduan-graduannya diberikan pengiktirafan. Di samping itu, Pertubuhan Perancang Malaysia juga ada satu senarai institusi-institusi pengajian tinggi yang mengendalikan kursus-kursus perancangan yang diberikan pengiktirafan untuk diterima sebagai ahli-ahli korporat. Namun demikian, saya kira cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu amat baik dan kerajaan semasa membuat kaedah-kaedah untuk Rang Undang-undang ini akan memberi pertimbangan kepada cadangan itu untuk menyediakan satu jadual khas bagi tujuan akta ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan masalah berhubung dengan proses dan prosedur untuk menyediakan pelan struktur. Sebenarnya, soal ini ada diperuntukkan dalam undang-undang yang sedia ada khususnya dalam Akta Perancang Bandar dan Desa bagi Semenanjung Malaysia dan bagi Kuala Lumpur ada juga satu akta yang tersendiri iaitu peruntukannya terkandung dalam Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982. Dalam soal perancangan Kuala Lumpur berbeza dari kawasan-kawasan yang lain kerana Akta Perancangan Wilayah Persekutuan membolehkan Datuk Bandar menggunakan kuasa budi bicara untuk tidak mematuhi ataupun tidak mengikut pelan struktur.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong berhubung dengan perancangan yang mengambil kira faktor sosial dan aspek-aspek yang lain, sebenarnya perancangan itu bermaksud perancangan bagi keseluruhan komuniti dan ini sebenarnya meliputi segala aspek termasuk aspek fizikal, sosial, budaya dan sebagainya. Tujuan perancangan ialah untuk mewujudkan satu persekitaran yang bersih, indah, selesa, nyaman, selamat dan sebagainya. Jadi, ke arah ini, maka segala penyediaan rancangan struktur akan mengambil kira faktor-faktor bukan sahaja faktor fizikal tetapi juga faktor sosial, budaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Segambut dan juga Bukit Bendera juga menyebut tentang keanggotaan dalam Lembaga terutama sekali lantikan Pengerusi. Dalam akta ini lantikan Pengerusi itu adalah atas budi bicara

seseorang Menteri. Jadi, dalam soal ini, sebelum dilantik, saya boleh memberi jaminan bahawa Menteri yang berkenaan itu akan berunding terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk melantik seseorang Pengerusi itu.

Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandau iaitu juga tentang keanggotaan dalam Lembaga iaitu tiga orang yang menjalankan amalan persendirian menjadi ahli Lembaga itu. Walaupun tidak ada pendaftaran pada peringkat ini tetapi sebenarnya kebanyakan yang menjadi perancang bandar adalah juga menjadi ahli kepada Pertubuhan Perancang Malaysia. Jadi, sebenarnya tidak ada masalah dalam hal ini. Kerajaan boleh memilih orang yang sesuai untuk dijadikan ahli Lembaga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan dan saya berharap dengan adanya Akta Perancang Bandar 1995 ini maka kita boleh mencapai hasrat kita iaitu memastikan mutu perancangan di negara ini lebih dipertingkatkan dan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segambut tadi, dengan adanya akta ini maka dapatlah kita menjaga kepentingan awam dengan memastikan seseorang perancang bandar tidak menyalahgunakan profesionnya. Selain daripada itu, dengan adanya Akta Perancang Bandar 1995 ini kerajaan juga berharap dapat menjamin kualiti dan mutu perancangan bandar dan juga mutu pembangunan di seluruh negara.

Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

*Fasal 1* hingga *52* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 1995**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.30 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 telah diperkenalkan pada tahun 1976 dengan tujuan untuk mengadakan keseragaman undang-undang serta kawalan dan peraturan yang sempurna bagi perancangan bandar dan desa dalam kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan dalam negeri-negeri Semenanjung Malaysia, kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Akta ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk bertanggungjawab terhadap dasar am berkenaan dengan pemeliharaan, pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan di dalam negeri. Di samping itu, pihakberkuasa perancang tempatan diberi tugas untuk mengatur, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasannya.

Akta ini memperuntukan bahawa aktiviti pembangunan dan kawalan guna tanah hendaklah dilaksanakan dengan berlandaskan kepada satu sistem perancangan fizikal yang dikenali sebagai rancangan pemajuan. Di bawah sistem ini, dua jenis rancangan atau pelan iaitu rancangan struktur dan rancangan tempatan disediakan bagi setiap pihakberkuasa perancang tempatan.

Dengan adanya kedua-dua jenis rancangan ini, corak dan bentuk pembangunan bagi kawasan bandar dan desa yang terlibat akan lebih teratur dan seimbang serta dapat melangkah ke arah mencapai suatu pembangunan sosio-ekonomi yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta ini diperkenalkan pada tahun 1976 dan selama 18 tahun ianya berkuatkuasa, negara terus melalui proses pembangunan yang pesat. Ini secara langsung memberi tekanan kepada pembangunan fizikal dan meningkatkan keperluan memperkemaskan lagi sistem pemajuan dan kawalan guna tanah bagi memberi pandu arah yang lebih kukuh dalam menangani arus pemandaran dan pemodenan negara. Berikutan ini, terdapat beberapa isu pelaksanaan dan penguatkuasaan yang perlu diatasi dan memerlukan pindaan kepada perundangan yang sedia ada. Adalah dijangkakan pindaan undang-undang ini akan mempertingkatkan kelicinan dan keberkesanan hal ehwal perancangan bandar dan desa di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Di samping itu, sejak kebelakangan ini, telah timbul kesedaran perlunya usaha menangani isu-isu persekitaran fizikal secara lebih serius. Maka perlu diwujudkan beberapa peruntukan bagi memastikan pemeliharaan dan penanaman pokok, pemeliharaan keadaan asal topografi tanah dan penyediaan laporan cadangan pemajuan oleh pemaju bagi keseluruhan kawasan yang akan dibangunkan. Dengan langkah-langkah itu, dapatlah kita menjamin perancangan bandar dan desa yang lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan yang dicadangkan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa adalah seperti berikut:

**Seksyen 4(1) Mengenai Jawatankuasa Perancang Negeri dan Keahliannya.**

Seksyen ini dipinda untuk menambah 3 ahli baru dalam jawatankuasa iaitu Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Kemajuan Negeri dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri, memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh ketiga-tiga pegawai ini, kerana segala penyediaan, pelaksanaan dan pengawalan pelan pembangunan sangat bergantung kepada sumber kewangan dan pengawasan dari Pejabat-pejabat Kewangan dan Pembangunan Negeri serta Jabatan Alam Sekitar.

**Seksyen 10(5) Mengenai Kelulusan atau Penolakan Draf Rancangan Struktur oleh Jawatankuasa**

Berdasarkan kepada pengalaman yang lalu, masa selama tiga bulan yang diperuntukkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk menimbang dan meluluskan draf rancangan struktur adalah tidak memadai. Seksyen ini mencadangkan tempoh ini dilanjutkan kepada enam bulan untuk mengambil kira proses seranta, penyiasatan awam dan penyediaan draf laporan seranta serta pindaannya yang perlu dijalankan dalam tempoh itu.

**Seksyen 12(3)(a) Mengenai Penyediaan Draf Rancangan Tempatan**

Pindaan dalam seksyen ini meliputi perkara-perkara baru seperti aspek pemeliharaan pokok, penyediaan landskap, pemeliharaan keadaan asal topografi,

pemeliharaan dan peningkatan sifat dan rupa bangunan untuk memastikan perkara-perkara tersebut ditekankan dalam penyediaan sesuatu rancangan tempatan.

### **Seksyen 13(3) Mengenai Seranta Berkenaan dengan Draf Rancangan Tempatan**

Pindaan dicadangkan bagi membolehkan tempoh empat minggu untuk bantahan kepada draf rancangan tempatan dilanjutkan empat minggu lagi, jika perlu, memandangkan pada peringkat draf rancangan tempatan, lebih ramai individu atau pertubuhan akan berminat untuk memeriksa secara langsung cadangan-cadangan yang dikemukakan dan mereka memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk membuat kajian terperinci dan mengemukakan rayuan atau bantahan.

### **Seksyen 21(6) Mengenai Serata ke atas permohonan untuk kebenaran merancang**

Peruntukan ini menghendaki pihakberkuasa perancang tempatan dikehendaki memberitahu pemunya tanah yang bersempadan akan hak mereka untuk membantah ke atas sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang di kawasan yang masih belum ada rancangan tempatan. Pihakberkuasa berkenaan itu

hendaklah mengambil kira bantahan yang ada sebelum membuat keputusan terhadap permohonan itu.

Seksyen baru 21A - Seksyen ini memperuntukkan bahawa dalam mana-mana permohonan untuk kebenaran merancang, pemohon hendaklah mengemukakan bersama permohonannya suatu laporan cadangan pemajuan yang mengandungi butiran lengkap mengenai keadaan tapak tanah yang dicadang untuk dibangun termasuk aspek geologi, topografi, pengairan, alam sekitar, pokok dan tumbuh-tumbuhan. Pemohon seterusnya dikehendaki menunjukkan setakat mana pemajuan yang hendak dijalankan itu akan memberi kesan terhadap elemen-elemen yang dinyatakan tadi dan terhadap kawasan berhampiran dan juga cadangan langkah-langkah untuk memelihara dan memperelokkan lagi alam persekitaran fizikal. Laporan ini akan dapat memudahkan pihak berkuasa perancang tempatan menilai kesesuaian pemajuan itu.

Seksyen baru 21B - Seksyen ini memperuntukkan perkara-perkara yang dikehendaki dimasukkan dalam pelan susunatur yang disediakan untuk laporan cadangan pemajuan. Pelan susunatur ini antara lain akan mengandungi langkah-langkah bagi memelihara dan menanam pokok, mengadakan kawasan lapang, pemeliharaan keadaan asal topografi serta pemuliharaan dan peningkatan ciri dan sifat bangunan yang berkepentingan seni bina atau sejarah. Ini akan memudahkan

pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan membuat perbandingan dengan pelan cadangan sebelum membuat keputusan memberi kebenaran merancang.

Seksyen baru 21C - Dicadangkan untuk menetapkan bahawa semua pelan, rancangan, laporan lukisan, peta dan dokumen yang dikehendaki disediakan di bawah akta ini dibuat oleh orang yang berkeelayakan. Cadangan ini dibuat untuk memastikan mereka yang berkeelayakan dan berpengalaman sahaja yang dipertanggungjawabkan menyediakan pelan-pelan dan dokumen-dokumen ini yang lazimnya mengandungi aspek-aspek teknikal dan kepakaran tertentu.

Seksyen 22, mengenai layanan ke atas permohonan kebenaran merancang - Dicadangkan seksyen 22 dipinda untuk memasukkan peruntukan yang menghendaki pihak berkuasa perancang tempatan mengambil kira laporan cadangan pemajuan yang dikemukakan semasa permohonan untuk kebenaran merancang. Dicadangkan juga pihak berkuasa perancang itu mengambil kira keterangan-keterangan, jika ada, yang dikemukakan mengenai pemeliharaan pokok, pemeliharaan topografi tanah dan pemeliharaan bangunan sejarah dan seni bina semasa meneliti permohonan untuk kebenaran merancang. Peruntukan ini juga akan membolehkan pihak berkuasa itu mengenakan syarat-syarat semasa memberi kebenaran merancang.

Seksyen-seksyen 26 hingga 30 adalah mengenai penalti yang dikenakan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan - Dicadangkan seksyen-seksyen 26

hingga 30 dipinda untuk meningkatkan had maksimum penalti yang boleh dikenakan bagi pelbagai kesalahan di bawah akta ini. Cadangan kenaikan had maksimum denda ini adalah selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan kesedaran semua pihak akan kesan negatif terhadap pembangunan khususnya

mengenai pemeliharaan persekitaran fizikal yang timbul akibat daripada menjalankan pemajuan yang melanggar peruntukan-peruntukan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian 5A mengenai perintah pemeliharaan pokok - Dicadangkan satu bahagian baru diperuntukkan untuk membolehkan pihak berkuasa perancang tempatan membuat 'Perintah Pemeliharaan Pokok' untuk melarang memotong atau merosakkan mana-mana pokok melainkan dengan persetujuan pihak berkuasa itu.

Dicadangkan peruntukan am diadakan yang melarang penebangan atau pemotongan pokok yang mempunyai lilitan melebihi 0.8 meter kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa perancang tempatan. Pada keseluruhannya, bahagian ini adalah sangat penting untuk mengekalkan kehijauan semula jadi dan untuk menentukan persekitaran fizikal yang seumpama di dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa perancang tempatan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta yang bernama Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Marang.

**4.46 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, bagi menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa, suka saya menyebut bahawa perkara ini pernah ditulis oleh seorang penulis Islam yang bernama Ibnu Khaldun sejak beberapa abad yang lalu mendahului pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh orang-orang Barat. Beliau menegaskan bahawa di dalam perancangan bandar dan desa bukan, bukan sahaja diambil kira dari aspek bangunan yang didirikan, jalan-jalan yang diadakan, tetapi mestilah diambil kira dalam segala aspek yang berhubung dengan kemanusiaan, aspek politik, ekonomi, sosial. Bukan sahaja diambil kira ketahanan bangunan-bangunan yang didirikan, tetapi juga perlu diambil kira kedudukan pertahanan negara, di samping diambil kira kesihatan dan ketahanan jasmani rakyat dan moral mereka.

Dalam hal ini, saya suka mengingatkan kerajaan beberapa perkara yang telah berlaku di dalam pembinaan bandar, perancangan yang dilakukan oleh kerajaan agar diberi perhatian yang serius kerana ia sangat menyentuh kepentingan dan hak rakyat, kerana hanya kadang-kadang diberi perhatian kepada aspek material semata-mata.

Di dalam kepesatan pembangunan bandar yang rakus, mendirikan bangunan besar mencakar langit dan mengadakan jalan-jalan dan lebuh raya yang memberi keselesaan, kadang-kadang terpaksa merempuh kawasan-kawasan setinggan.

Maka golongan miskin dan termiskin menjadi mangsa tanpa disedari bahawa mereka menetap di tempat begitu rupa, oleh kerana keadaan terdesak yang menekan mereka, tetapi apabila kawasan mereka diambil dan rumah-rumah mereka dipaksa dirobohkan, di sana tidak ada suatu pembelaan untuk gantian yang membolehkan mereka menyambung hidup.

Untuk membantu mereka, kerajaan perlu memberi pengorbanan. Tetapi pada zaman semangat penswastan yang mengejar keuntungan semata-mata, pengorbanan seperti ini payah dilakukan. Semangat untuk mengejar keuntungan semata-mata, maka sudah tentu mereka yang menjadi mangsa di kawasan-kawasan setinggan tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Begitu juga mereka yang menjadi mangsa pengambilan tanah dengan menggunakan senjata Kanun Tanah Negara. Kita tidak menafikan kadang-kadang tanah itu perlu dan mesti diambil oleh pihak kerajaan untuk kepentingan umum.

Tetapi masih terdapat penganiayaan ke atas rakyat apabila diberi imbuhan dan gantian atau bayaran yang tidak mencukupi bagi mencari tempat lain, di antaranya untuk mendirikan rumah tempat tinggal dan lebih-lebih lagi untuk menyambung keperluan hidup.

Dalam perkara perancangan bandar pula termasuk perancangan ibu negara Kuala Lumpur yang sepatutnya menjadi contoh, seolah-olah ia menjadi bandar ibu kota yang tidak dirancang dengan rapi, di mana masih dipenuhi dengan kesesakan batu-batu, di samping kesesakan lalulintas. Ia kelihatan berjiwa tidak selamat, malah kadang-kadang menakutkan. Benar, ia mempunyai bangunan-bangunan perkasa, gagah, tinggi, canggih dan sebagainya tetapi masih tidak bersifat dinamis. Ia masih dihinggapi suasana yang mengancam kemanusiaan, pejalan kaki tidak selamat, pencinta alam kecewa kerana sifat alamiah bandar dimusnahkan oleh pembangunan yang tidak dirancang dengan rapi atau tanpa kawalan. Kesesakan asap kenderaan, iklan-iklan arak, judi, lucah dan lain-lain perkara yang tidak patut kerana tiada kawalan telah merosakkan sebuah bandaraya yang 'gah' demikian juga bandar-bandar lain seperti Johor Bahru, Ipoh dan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, aspek agama dalam pembangunan bandar diabaikan atau menjadi perkara-perkara sampingan. Surau-surau yang sepatutnya banyak diadakan untuk kemudahan umat Islam telah tidak diambil peduli secara serius, di mana surau-surau di bandar diadakan dipenjuru-penjuru bangunan secara tersorok dan dalam keadaan yang daif, sempit dan kotor, menggambarkan demikianlah

pandangan Perancang Bandar terhadap kedudukan aspek agama. Seperti mereka yang berkenaan tidak peka dengan persoalan agama, perkara ini menjadi rungutan mereka yang berada di bandar kerana menjadi masalah kepada mereka apabila mahu bersolat.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, bandaraya sendiri masih mempunyai batu-batu dan tembok bata yang hilang keperibadian kerana dasar yang diamalkan ialah buat bangunan seberapa suka dan mahu di mana sahaja ada ruang tanpa mempedulikan kemanusiaan, kehijauan, keselesaan dan rasa harmoni ia menjadi mangsa metropolis yang berlebihan. Maka bandar Kuala Lumpur sebagai contoh dan begitu juga lain-lain bukan lagi menjadi kota-kota selamat untuk manusia, kehijauan kerana kini elit korporat berlumba-lumba membina bangunan, mengisi mana-mana sahaja ruang kosong kerana bukit dan gunung diruntuh tanpa peraturan dan adab, pohon-pohon ditebang semena-mena, sungai ditimbus begitu sahaja. Benarlah sebagaimana yang pernah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. tentang tanda akhir-akhir zaman yang menghancurkan dunia; “Apabila golongan bangsat, papa, kedana menjadi kaya-raya, lalu mereka berlumba-lumba mendirikan bangunan secara bebal dan jahil”.

Kepesatan pembangunan bandar juga kalau tidak diselaraskan dengan peraturan dan undang-undang yang mencegah penyakit masyarakat, seperti pelacuran dan hiburan yang tidak senonoh boleh berlaku dan boleh menggalakkan lagi penyakit-penyakit masyarakat yang boleh meruntuhkan negara dan umat.

Kepesatan pembangunan yang tidak diselaraskan dengan ciri alam sekitar yang baik, boleh mendatangkan penyakit dan merosakkan alam kerana sudah pasti akan berlaku kepesatan penduduk, kepesatan pembuangan sampah, kepesatan menggali tanah dan menarah bukit. Kita sangat ragu kepada kemampuan yang ada kerana sifat rakus mengejar kebendaan dan keuntungan semata-mata yang menghantui negara pada hari ini akan tidak mempedulikan lagi kepada ciri-ciri keselamatan moral dan fizikal kemanusiaan dan kita bimbang perkara-perkara ini diteruskan.

Kita mengharapkan undang-undang yang dikemukakan ini hendaklah disempurnakan dengan tindakan-tindakan yang tegas bagi menjamin keselamatan negara dan masyarakat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong.

**4.55 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ialah bertujuan untuk memelihara topographi semula jadi, lanskap dan pokok-pokok dan untuk mewajibkan laporan-laporan cadangan permajuan semasa memohon kebenaran merancang dialu-alukan tetapi satu soalan pokok ialah, sama ada kerajaan ada 'political will' untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini supaya boleh memelihara kehijauan alam semula jadi dan untuk menjadikan Malaysia sebagai satu 'garden state'.

Soalan timbul oleh kerana kita ada banyak contoh-contoh di mana kita ada undang-undang, tetapi kita ada 'political will' untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Dan beberapa mala petaka yang berlaku sama ada keruntuhan Highland Towers yang menyebabkan 48 orang meninggal dunia atau baru-baru ini keruntuhan Genting Highlands yang menyebabkan 20 orang mati dan 22 orang cedera atau apa yang berlaku di Kuantan, projek perumahan Indera Mahkota di mana bukan sahaja satu blok diumumkan tidak selamat untuk didiami tetapi blok-blok yang lain, lima tingkat, yang satu blok melibatkan 500 orang semua tidak selamat. Bukan kita tidak ada undang-undang, supaya ada standard menjaga keselamatan, ada standard untuk menjaga kepentingan orang ramai tetapi tidak ada political will di peringkat penguatkuasaan. Khususnya apabila ada berlaku 'overlapping' kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, sampai sekarang kita masih menunggu tindakan yang patut diambil selepas tragedi Highland Towers, masa itu ada jawatankuasa peringkat Kabinet ditubuhkan di bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi, semua Menteri-menteri ada dalam jawatankuasa Highland Towers collapse ini yang berlaku 11hb. Disember, 1993. Sekarang sudah 20 bulan, apa consequencenya?

Apabila laporan mengenai tragedi collapse Highland Towers diumumkan pada awal tahun ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Highland Towers Collapse, ada mengumumkan

bahawa tindakan akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab untuk meluluskan pelan-pelan Highland Towers. Bahawa siasatan akan dibuat kenapa Gombak District Council masa itu kerajaan tempatan yang bertanggungjawab untuk meluluskan pelan-pelan Highland Towers akan diambil tindakan, tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil. Dan penghuni-penghuni, mangsa-mangsa Highland Towers masih menunggu, ada dua blok, ada tiga blok di sana, satu blok collapse, dua blok semua dikosongkan, apakah nasib mereka?

Kenapa Kerajaan Persekutuan, kenapa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan enggan atau tidak berupaya untuk memberi bantuan yang sepatutnya kepada mereka untuk menyelesaikan masalah mereka? Adakah mereka akan menunggu lagi dua tahun, dua General Elections, barulah ada tak tahu apa hasilnya. Ini satu contoh, siapa bertanggungjawab? Itu adakah Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab sungguhpun ada peringkat Kerajaan Negeri, 'overlapping powers', ada kerajaan tempatan 'overlapping powers' tetapi siapa sebenarnya bertanggungjawab, siapa sebenarnya mangsa-mangsa, penghuni-penghuni Highland Towers boleh merujuk perkara ini?

Saya harap dalam perkara ini kita boleh dapat satu jawapan yang tepat apa tanggungjawab kerajaan persekutuan mengenai perkara ini supaya tragedi ini kita boleh dapat satu final phase (fasa yang akhir). Masalah yang serupa pun berlaku mengenai Genting Highlands landslide tragedy. Masalah federal government,

masalah state government, local authority - dua bulan dahulu Kabinet ada mengumumkan bahawa satu siasatan yang mendalam akan diadakan. Selepas keputusan Kabinet, Menteri Kerja Raya mengumumkan, sungguhpun Kabinet kata siasatan akan dihabiskan dalam tempoh dua bulan, tetapi JKR akan habiskan siasatan dalam tempoh satu bulan - iaitu pada awal Julai, kini sudah awal September - suda dua bulan. Kalau mengikut jadual Kabinet habis laporan dalam tempoh dua bulan, sepatutnya sudah habis. Mana laporan itu? Kalau mengikut Menteri Kerja Raya bahawa siasatan ini akan dihabiskan dalam tempoh satu bulan, itu lebih cepat. Sepatutnya kita sudah tahu keputusan siasatan ini sama ada God's will iaitu, act of God yang diumumkan oleh Menteri Kerja Raya atau itu act of man.

Kita ada baca dalam surat khabar hari ini bahawa ada satu siasatan badan bebas (independent) yang ditubuhkan oleh keluarga-keluarga si mangsa yang mendapati bahawa tragedi Genting Highlands landslide ini bukan 'act of God', oleh kerana - mereka ada memberi 3 sebab, dengan izin, this is unnatural for such landslide to cause flooding at the tunnel and at the foothill even if it can be established at there was heavy rainfall on that particular day. Kedua, this is also unnatural for the tremendous of amount of water to left behind at the side after the landslide dan ketiga, it is uncommon to have a landslide to such proportion that leave the state road relatively undamaged. Apa keadaan sekarang? Apakah

kejadian Genting Highlands akan ikut mencontohi tragedi Highland Towers, di mana tidak ada apa-apa tindakan positif yang akan timbul?

Masalah projek perumahan Indera Mahkota pun serupa - ada standard, kerajaan khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada standard yang cukup untuk menentukan dan memastikan bahawa perumahan-perumahan kos rendah adalah memenuhi syarat-syarat tertentu. Tetapi, apakah penguatkuasaannya. Kalau ada penguatkuasaan bagaimana boleh berlaku blok-blok di Indera Mahkota di Kuantan perlu diisytiharkan sebagai tidak selamat dan sekarang ada blok-blok lagi - ada 15 blok dan 17 blok pun tidak selamat. Kalau ada berlaku collapse atau manusia yang cedera atau meninggal dunia, siapa yang akan bertanggungjawab? Kerajaan Tempatan, MPPK, atau kerajaan negeri Pahang atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan atau semua mengelak tanggungjawab.

Sekarang kita ada satu Rang Undang-undang untuk memelihara topografi semulajadi, lanskap dan pokok-pokok, mengadakan tanah lapan serta memelihara dan mengindahkan ciri-ciri dan rupa bangunan yang mempunyai binaan tersendiri atau kepentingan sejarah - saya mahu tanya, adakah Rang Undang-undang ini constitutional atau unconstitutional, saya tidak tahu, atau overlapping of powers. Tuan Yang di-Pertua lebih arif tentang perkara ini - dahulu Hakim. Pokok-pokok - adakah ini federal subject, state subject, concurrent subject? Siapa yang bertanggungjawab dengan pokok-pokok? Federal? State? Concurrent? Saya tidak tahu. Kalau kita kaji perkara ini - mungkin state. Adakah pokok-pokok

dalam federal? Mana ada pokok-pokok. Hutan adalah dalam state list. Kalau begitu itu adalah state matter, kalau state matter adakah kita, dalam Parlimen ada kuasa untuk meluluskan Rang Undang-undang di mana ini adalah isu state.

Kita telah ada satu contoh di mana Dewan ini meluluskan Environmental Quality Act dan di bawah Environment Quality Act ada timbul order-order yang dibuatkan untuk menjaga dan mewajibkan syarat-syarat mengenai EIA (Environmental Impact Assessment). Tetapi pada 27hb Mac tahun ini Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar ada meminda order itu - Environmental Impact Assessment Order untuk mengecualikan Sarawak daripada order itu supaya projek-projek semacam projek Bakun tidak jatuh di bawah jurisdiction department of Environment, oleh kerana itu adalah isu mengenai tanah, mengenai forestry - itu adalah isu state dan dengan sebab itu EOA tidak ada kuasa untuk menjadikan kuasa yang terakhir, bukan kuasa terakhir - kuasa improving authority mengenai EIA projek untuk Bakun dan Menteri Sains dan Alam Sekitar bersetuju serah kuasa itu balik kepada Sarawak. Sekarang kita dapati Yang Berhormat Menteri semalam ada membuat satu pengumuman bahawa kementeriannya, selepas undang-undang ini akan menubuhkan satu department untuk tree planting (tanam pokok). Mungkin kalau dalam wilayah ibu kota Kuala Lumpur itu tidak ada pertikaian - boleh pakai, tetapi kalau untuk negeri-negeri lain adakah department ini semacam department of environment - tidak ada kuasa mengenai tanah. Satu hari mahu serah kuasa kepada negeri-negeri itu, kalau begitu apa erti, apa makna -

ini mockery. Semacam mockery department of environment, mahu serah kuasa balik kepada kerajaan negeri Sarawak dan tidak ada kuasa untuk semak dan meluluskan EIA mengenai Bakun Projek dan lain-lain projek.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Machang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa seperti point Yang Berhormat bangkitkan tadi, bahawa pokok-pokok adalah sebahagian daripada tanah dan kalau kita melihat interpretasi tanah di bawah Kanun Tanah Negara, ianya termasuk semua sesuatu yang terlekat kepada tanah, bermakna tanah. Pokok maknanya tanah dan tanah seperti yang kita tahu dalam pembahagian kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah terletak di bawah kerajaan negeri. Sekarang kita dibentangkan dengan satu peruntukan undang-undang yang ingin mengenakan suatu penalti ke atas pokok-pokok yang sebahagian daripada tanah. Apakah persoalan legality ini difikirkan dahulu sebelum perkara-perkara seperti ini dibuat dan jika tidak ianya tentu bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, bersetuju, nampaknya ini unconstitutional - boleh dicabar tetapi yang mustahak ialah kenapa kita mahu tunggu dicabar selepas Rang Undang-undang ini diluluskan. Kenapa tidak dibincang dengan lebih mendalam, bincang dengan semua kerajaan negeri, dapatkan persetujuan untuk memberi kuasa kepada Parlimen oleh kerajaan negeri kepada kerajaan persekutuan

untuk membuat undang-undang baharu ini. Mungkin perlu meminda Perlembagaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, ada time limit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, 15 minit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini mustahak, kita tidak diberi notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sudah beri notis tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini mustahak. Ini mengenai constitutional. Bagaimana kita bincangkan mengenai sesuatu perkara. Saya ada banyak points. Saya harap....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita datang dengan satu Rang Undang-undang ini, diletak di meja dua hari dahulu, kita mahu bincang pun mahu disekat masa. Mana boleh? Ini tidak patut, ini tidak adil. Apa demokrasi ini? Apa demokrasi ini? Kalau kita perlu masa, kita boleh sampai malam, esok, lusa. Apa yang mustahak ialah sama mahu bincang. Nampak satu bil yang tidak constitutional, mahu bincangkan pun tidak boleh.

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Nampaknya Yang Berhormat tidak memahami undang-undang, walaupun dia seorang peguam kerana masalah ini walaupun perkara kerajaan negeri, tetapi ada Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Mesyuarat MNKT0 sudah meluluskan supaya ini dibawa ke Parlimen dan juga semua

kerajaan negeri telah memberikan persetujuan untuk membentangkan Rang Undang-undang ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Persetujuan Majlis itu bukan undang-undang. Persetujuan dan keputusan ini tidak boleh pergi mahkamah. Faham atau tidak faham? Itu tidak boleh pergi mahkamah. Itu bukan constitutional kecuali Perlembagaan dipinda. Sebab itu berlaku 'environment law'. Department of Environment mahu serah kuasa balik kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Saya percaya apabila Environmental Quality Act diluluskan pun dapat persetujuan semua kerajaan-kerajaan negeri. Masa itu semua bersetuju, selepas itu mereka ada hak kata ini unconstitutional dan sekarang mahu serah kuasa balik. Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, masa yang cukup untuk bincang perkara ini yang mustahak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan minta kepada saya itu. Soal yang memutuskan masa ditangguhkan Mesyuarat bukanlah masa yang diputuskan oleh Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya meminta Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan satu perbincangan. Ini mustahak. Bagaimana kita boleh dapat menjalankan tugas kita khasnya mengenai undang-undang sama ada legal atau tidak legal, sama ada tepat atau tidak tepat, sama ada betul atau tidak betul, kalau kita disekat pada mulanya dalam perbahasan satu Rang Undang-undang yang baharu yang begitu mustahak, yang mengaitkan kuasa bukan sahaja Perlembagaan

Persekutuan tetapi pun kerajaan-kerajaan negeri. Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh. Yang Berhormat cuba baca (i) dan (ii) itu. Cuba baca seksyen (i) dan (ii) itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu satu lagi masalah. Masalahnya ialah kita ada undang-undang di mana perlu sokongan kerajaan negeri tetapi tidak diendorse atau sungguhpun diterima tidak digazetkan oleh kerajaan negeri. Bagaimana? Apabila berlaku land conservation, Law of Land Conservation Act. Satu contoh, Land Conservation Versy Act 1960 sudah diluluskan oleh Parlimen, telah diterima oleh kerajaan negeri tetapi satu kerajaan negeri sahaja ada gazetkan dan kalau semua kerajaan negeri ada gazetkan, ada mematuhi, ada kuat kuasakan, tidak timbul mungkin Highland Towers collapsed atau Genting Highlands landslides, sebagai contohnya.

Ada peruntukan ini tidak bererti. Sebab itu kita perlulah apabila saya mula, saya kata political will. Political will yang mustahak supaya apa yang kita mahu tujuan kita bahawa untuk memelihara kehijauan boleh berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh teruskan lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak boleh, Yang Berhormat. Saya minta Gelang Patah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekian. Saya rasa saya perlu protestlah. Ini tidak patut, tidak baik. Untuk satu Parlimen ini sangat tidak baik. [*Disampuk*] Peraturannya, tanpa demokrasi. Apa peraturan? Peraturan tidak boleh menyekat demokrasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Gelang Patah.

**5.15 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang keemasan kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Fasal 3 yang bertujuan untuk meminda subseksyen 4, pertamanya, adalah untuk memasukkan 4 orang ahli baru ke dalam Jawatankuasa Perancang Negeri; saya berpendapat pindaan tersebut amatlah wajar, lebih-lebih lagi dengan memasukkan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri atau pegawai yang bertanggungjawab bagi hal ehwal sedemikian di negeri itu.

Sebagai salah seorang ahli dalam Jawatankuasa Perancang Negeri mencerminkan keprihatinan dan komitmen kerajaan dalam memelihara alam sekitar seiringan dengan sebarang rancangan pembangunan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pembangunan pusat pentadbiran kerajaan baru di Putrajaya sebagai sebuah bandar raya taman di negeri Selangor dan juga pembangunan Bandar Baru Gelang Patah di negeri Johor akan

mengambil kira pendekatan perancangan bandar yang sebaik mungkin agar dapat menonjolkan keunikan dari segi fizikalnya tetapi saya berharap, sungai-sungai dan sistem pembetulan yang mengalir di bawah bangunan-bangunan tinggi akan diberi perhatian yang sewajarnya baik pada peringkat perancangan, pembinaan mahupun penyelenggaraan pada masa hadapan.

Sejajar dengan meningkatkan projek-projek pembangunan dalam saat-saat kita menuju ke arah negara membangun, beban kerja Jawatankuasa Perancang Negeri dijangka juga turut berkembang. Oleh yang demikian, Fasal 4 yang bertujuan melanjutkan tempoh meluluskan draf rancangan struktur oleh Jawatankuasa Perancang Negeri daripada 3 bulan yang asal ke 6 bulan diharapkan akan membolehkan Jawatankuasa Perancang Negeri mengkaji secara terperinci lagi menyeluruh mengenai sesuatu cadangan pembangunan sebelum kelulusan diberikan. Kata pepatah, “Mencegah lebih baik dari merawat”.

Jikalau terdapat sebarang ketidaksempurnaan dalam cadangan pembangunan, adalah lebih baik ia dikesan dan diperbetulkan pada peringkat draf rancangan struktur dan bukan ketika pembinaan atau selepas pembinaan yang tentu akan mengganggu kemajuan projek dan juga melibatkan kos yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap dengan perlanjutan tempoh masa bagi Jawatankuasa Perancang Negeri meluluskan sesuatu draf rancangan struktur juga akan membolehkan pihak jawatankuasa mempamerkan draf rancangan struktur tersebut bagi mendapatkan pandangan serta bantahan orang ramai

terhadap sesuatu projek terutamanya komen daripada penduduk-penduduk sekeliling tapak projek baru.

Ini adalah penting kerana kejayaan merancang sesuatu pembangunan, baik di bandar mahu pun di desa bergantung kepada keserasian bangunan yang akan dibina dengan bangunan-bangunan yang sedia wujud di sekelilingnya. Atau dengan perkataan yang lebih menarik didengar ialah pembinaan sesuatu projek baru tidak harus merosakkan fungsi bangunan-bangunan sekeliling yang telah lama wujud.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dapat perhatikan dalam Fasal 8 berkaitan kemasukan tiga seksyen baru mengenai penyediaan laporan cadangan kemajuan serta pengemukaan perincian pelan susunatur telah mengambil kira langkah-langkah menghindarkan ciri dan rupa bangunan yang mempunyai seni bina tersendiri atau kepentingan sejarah. Ini sebenarnya adalah juga satu aspek yang perlu dititik beratkan dalam perancangan bandar dan desa.

Bangunan-bangunan bersejarah perlulah dijaga dengan baik dan dipindahkan selalu. Ini adalah kerana bangunan-bangunan bersejarah adalah bukti dan saksi kemajuan masyarakat yang juga sering menjadi tumpuan pelawat-pelawat asing sebagai satu destinasi pelancongan yang unik. Kita perlu ingat bahawa kita boleh membina seberapa banyak bangunan baru selagi mampu, tetapi kita tidak boleh membina bangunan-bangunan bersejarah kerana, untuk

mbolehkan sesuatu bangunan itu mengecapi nilai sejarah, ia memerlukan satu tempoh masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga, kita boleh menanam banyak pokok, tetapi bukannya pokok besar. Untuk mbolehkan sesebatang pokok itu tumbuh menjadi pokok besar yang cukup kuat dan teguh, ia mengambil masa yang lama. Oleh yang demikian, Fasal 15 Rang Undang-undang yang membincangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pemeliharaan pokok adalah sesuatu yang patut disokong. Pokok-pokok besar tidaklah patut ditebang sewenang-wenangnya atas alasan memudahkan kerja-kerja pembinaan kerana ia adalah satu faktor yang banyak menyumbang kepada keseimbangan eco system kita, terutamanya dari segi menggantikan gas karbon dioksid dengan gas oksigen melalui proses fotosintesis dan akar-akar pokok-pokok besar yang mencengkam tanah dengan kuat juga dapat membantu mengurangkan hakisan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya saya menerima Rang Undang-undang ini sebagai satu pendekatan berkesan mengawal perancangan bandar dan desa demi menjamin pembangunan yang dikecapi, bukan sahaja unggul dari aspek kuantiti, tetapi juga sempurna dari segi kualiti. Walau bagaimana pun, saya berharap pihak berkuasa dapat mempertimbangkan untuk mengecualikan projek pembangunan sekolah yang menurut pelan piawaian Jabatan Kerja Raya daripada melalui proses-proses sebagaimana yang perlu diikuti oleh projek-projek pembangunan lain.

Ini kerana, pihak Jabatan Kerja Raya yang merupakan salah satu agensi kerajaan sememangnya telah mempunyai jurutera-jurutera berkelayakan serta pakar yang mahir dalam perancangan bandar dan desa untuk meluluskan sesuatu projek pembinaan sekolah. Sekiranya cadangan projek pembinaan sekolah yang dikemukakan oleh jurutera profesional atau arkitek bertauliah dan pelan yang dicadangkan juga adalah pelan piawai Jabatan Kerja Raya, saya berpendapat, adalah wajar projek pembinaan sekolah tersebut dapat dikecualikan daripada dirujuk kepada Jawatankuasa Perancang Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kenyataan yang setiap projek pembinaan sekolah bukan berorientasikan keuntungan wang, tetapi sebaliknya, demi kebajikan para pelajar semata-mata. Berikutan kewujudan kawasan-kawasan perumahan di pinggir pusat-pusat pembangunan, ia telah turut menimbulkan permintaan terhadap kemudahan persekolahan di dalam taman-taman perumahan. Bagi tujuan mempercepatkan pembinaan sekolah-sekolah demi memenuhi permintaan kemudahan persekolahan generasi muda dan juga sejajar dengan hasrat murni kerajaan mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, saya berharap, pihak berkuasa dapat menimbang projek pembinaan sekolah sebagai kes khas yang boleh menikmati kelonggaran yang berpatutan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang akan dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, demi memastikan matlamat Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang dipinda dapat dicapai dengan sepenuhnya, pihak

kerajaan pada masa yang sama perlulah merangka rancangan untuk menambah kakitangan profesional yang berkelayakan dan arif tentang perancangan bandar dan desa untuk berkhidmat pada setiap peringkat. Menggunakan contoh projek pembinaan sekolah yang berdasarkan pelan piawaian Jabatan Kerja Raya tadi, saya dapati, selalunya pihak Jabatan Kerja Raya mempunyai jurutera profesional yang mencukupi serta kakitangan perancangan yang berkelayakan lebih tinggi daripada pegawai perancang yang bertugas di dalam pihak berkuasa tempatan.

Adalah sesuatu yang cukup anih sekiranya pelan atau cadangan yang dikemukakan oleh golongan profesional diperiksa oleh golongan separa profesional atau bukan profesional di dalam pihak berkuasa tempatan. Ini seolah-olah bagaikan seorang pelajar tadika yang mahu memeriksa kerja abangnya di peringkat sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan semua pihak berkuasa tempatan, kecuali Majlis Bandaraya Johor Bharu di negeri Johor tidak mempunyai pegawai perancang bandar, jurutera atau arkitek. Keadaan ini akan menjejaskan standard profesional sesuatu jabatan pihak berkuasa tempatan yang mana pegawai yang bukan profesional akan menyemak pelan-pelan perancangan kemajuan yang dihantar oleh para profesional seperti arkitek, jurutera dan perancang bandar bertauliah dari pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Minta gulung, Yang Berhormat. Sila gulung ucapan.

**Tuan Chang See Ten:** Dekat hendak habis. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu prihatin tentang ketidaksempurnaan keadaan ini supaya dapat mengadakan para profesional seperti arkitek, jurutera dan perancang bandar di semua pihak berkuasa tempatan supaya mempertingkatkan tahap profesionalisme demi mengikuti kehendak pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap, setelah pindaan ini diluluskan, pihak berkuasa tempatan di seluruh negara akan dapat mewujudkan undang-undang kecil berpandukan kepada pindaan yang diluluskan supaya kita akan mencapai keseragaman di antara negeri-negeri dalam Malaysia ini dan tidak akan menjadikan kes yang mana ada negeri yang lain seperti negeri Kelantan di bawah pihak pembangkang yang tidak ingin mengikut undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting kerana kita adalah sebuah negara, walaupun Kelantan di bawah pihak pembangkang, tetapi mereka mesti menghormati segala undang-undang yang diluluskan di Dewan ini.

Saya mendapati bahawa satu contoh di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang mana undang-undang kecil yang diwujudkan di negeri Kelantan tidak mengikut sepenuhnya segala peruntukan yang dimaksudkan dalam

Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 itu. Ini adalah tidak patut diamalkan. Misalnya undang-undang kecil....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Chong See Ten:** Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Johor Bahru.

**5.31 ptg.**

**Tuan Mohamed Khalid bin Nordin [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa yang antara lain memperuntukkan kuasa-kuasa baru kepada pihak berkuasa perancang tempatan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dalam negara kita supaya menikmati persekitaran yang bersih, sihat, segar dan juga selamat.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada perkara yang diperuntukkan dalam akta ini ialah berkaitan dengan usaha-usaha mengekalkan bangunan lama yang mempunyai seni bina tersendiri ataupun kepentingan sejarah. Saya bersetuju supaya usaha-usaha dibuat bagi memelihara bangunan-bangunan lama seperti ini kerana ia adalah link, dengan izin, ataupun penghubung kita dengan zaman dahulu dengan sejarah kita. Perhubungan kita dengan sejarah lama inilah yang telah melahirkan identiti kita sekarang....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Yang Berhormat dari Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru bahawa bangunan-bangunan lama yang ada sejarah elok kita kekalkan. Pertanyaan saya, penjelasan sedikit, bagaimana di Johor Bahru? Sebab nampaknya Yang Berhormat dari Johor Bahru, satu bandar tradisi, UMNO pun ditubuhkan di Johor Bahru; bagaimana di Johor Bahru sendiri? Banyak bangunan diroboh atau tidak, ataupun dikekalkan? Oleh sebab, kalau hendak buat contoh dan teladan elok kita tengok kawasan kita dulu.

**Tuan Mohamed Khalid bin Nordin:** Kita berharap ada perubahan selepas pindaan akta ini.

Perhubungan kita dengan sejarah lama inilah yang telah melahirkan identiti kita sekarang yang dapat membuat kita mengenali asal-usul kita, perkembangan negara kita dan seterusnya. Mengekalkan bangunan seperti ini tidak bermakna kita menolak pembangunan ataupun kita mundur dan kuno. Lagipun, kemajuan dan pembangunan tidak boleh digambarkan semata-mata oleh bangunan pencakar langit ataupun kondominium. Tambahan pula bangunan lama yang mempunyai seni bina tersendiri ataupun kepentingan sejarah yang dipelihara di tengah-tengah lautan batu merupakan tarikan tersendiri dan unik yang melahirkan kecantikan

tersendiri. Ia boleh dijadikan kelebihan sesebuah bandar untuk menarik kunjungan pelancong. Tindakan ini telah dilakukan dengan jayanya di Singapura di persekitaran Bugis Street dan di kawasan Queensway. Saya percaya bandar-bandar dalam negara kita mempunyai banyak bangunan yang sedemikian dan kita masih belum terlambat untuk merancang secara sistematik supaya kita benar-benar berjaya dalam usaha kita untuk mengekalkan bangunan-bangunan sebegini.

Melalui pindaan ini kita hanya akan mengambil tindakan memelihara bangunan-bangunan sedemikian jika ada pemajuan dibuat di atas tapak di mana bangunan-bangunan tersebut terletak. Ini bermakna tanpa sebarang cadangan pemajuan, bangunan-bangunan tersebut akan terus wujud dan mungkin reput mengikut peredaran masa dan zaman. Akhirnya bangunan tersebut roboh begitu sahaja ditelan zaman. Saya mencadangkan supaya sebuah badan dipertanggungjawabkan memainkan peranan proaktif mencari dan mengenal pasti bangunan-bangunan demikian supaya usaha-usaha memulih dan mengekalkan bangunan tersebut dapat dilakukan. Badan yang paling sesuai menjalankan tanggungjawab ini ialah pihak berkuasa tempatan di mana terletaknya bangunan-bangunan tersebut.

Pihak berkuasa tempatan ini perlulah diberikan kuasa sebagai badan membangunkan semula bandar yang mana hari ini kita dapati di negara kita tidak ada badan yang melaksanakan tanggungjawab ini. Dulu kita berpendapat mungkin ini peranan yang boleh dimainkan oleh pihak UDA tetapi UDA hari ini lebih

menumpukan kegiatannya sebagai pemaju perumahan. Lagi pun, tidak mungkin ia dapat memainkan peranan yang berkesan, memelihara bangunan sedemikian di semua bandar dalam negara kita. Peranan ini hanya boleh dilaksanakan dengan jayanya oleh pihak berkuasa tempatan di setiap bandar di dalam negara kita. Jika kita telah memberikan kuasa untuk pihak berkuasa tempatan memainkan peranan proaktif dalam memelihara, memulih dan mengekalkan bangunan-bangunan yang lama dan bersejarah itu, saya percaya pihak kementerian perlulah juga memberi bantuan kewangan kepada mereka supaya usaha-usaha mereka mendapat kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini juga memperuntukkan perintah yang berkaitan dengan pemeliharaan pokok. Peruntukan ini adalah dialu-alukan. Ianya tepat dan selaras dengan kedudukan negara kita yang terletak di kawasan tropika yang mana sudah semestinya bandar-bandar dalam negara kita menunjukkan ciri-ciri sebagai sebuah bandar raya ataupun bandar tropika. Bukannya sebuah bandar yang dipenuhi hutan batu yang tidak bernyawa, malap mahupun membosankan. Kita bersetuju bandar-bandar dalam negara kita menjadi bandar dalam taman berbeza daripada kota-kota besar seperti New York, Hong Kong ataupun Tokyo.

Tentunya kalau kita benar-benar boleh mewujudkan bandar-bandar kita sebagai bandar dalam taman, ia merupakan satu lagi tarikan untuk pelancong berkunjung ke negara kita. Lagipun kelebihan menanam dan memelihara pokok-pokok ini memberi kesan menyejukkan dan sebagai tempat berteduh. Hanya kita berharap pihak berkuasa tempatan bukan sahaja berusaha memelihara pokok tetapi

menggunakan pokok-pokok dan tanaman sebagai sebahagian daripada perancangan bandar, dengan izin, part and parcel of urban design.

Melalui pengwujudan hutan bandar, taman lipur, taman bunga dan kawasan lapang, kita berharap dapat melahirkan corridors of greenery dalam bandar-bandar kita agar kita dapat melahirkan persekitaran yang sesuai dan selesa di mana rakyat boleh tinggal, bekerja dan juga beriadah.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini usaha-usaha untuk mewujudkan kawasan-kawasan riadah yang memuaskan hanya diusahakan oleh sesebuah majlis tempatan. Jika sesuatu kawasan riadah ditetapkan dalam sesebuah projek pembangunan yang diusahakan oleh pihak swasta, kita dapati biasanya ia terlalu kecil sehingga menjadikan ianya terlalu insignificant, dengan izin. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor misalnya, yang mahukan 10% daripada keluasan sesebuah projek perumahan dirizabkan untuk tempat riadah, sama ada sebagai taman, padang ataupun kawasan lapang.

Saya berharap, ini boleh dijadikan sebagai dasar tetap seluruh pihak-berkuasa tempatan dalam negara kita pada hari ini supaya keluasan sebuah tempat riadah dalam bentuk taman, padang ataupun kawasan lapang benar-benar membawa makna kepada penduduk-penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan akta ini ianya mahukan supaya pokok-pokok yang dipelihara tidak ditebang sewenang-wenangnya. Pada masa

yang sama, kita berpendapat pokok-pokok ataupun tanaman-tanaman yang dipelihara itu hendaklah tidak layu, kurus-kering ataupun tidak subur.

Hari ini kita dapat lihat bagaimana setengah-setengah pokok yang terdapat di bandar-bandar kita begitu layu dan tidak begitu subur. Dalam hal ini, kita tidak boleh menafikan bahawa keadaan ini terjadi kepada pokok-pokok dan tanaman-tanaman kita kerana asap ataupun pencemaran yang dikeluarkan khususnya oleh kenderaan.

Adalah tidak bermakna kita membuat pindaan kepada Akta ini untuk memelihara pokok, tetapi pada masa yang sama kita tidak memeliharanya daripada pencemaran yang boleh merosakkan pokok itu sendiri. Oleh itu, saya menyarankan kepada kementerian supaya mengkaji soal ini, yang mana saya berpendapat sudah sampai masanya kita bertegas dan mengetatkan undang-undang mengenai pencemaran melalui asap kenderaan. Bukan sahaja kalau kita dapat lakukan itu pokok-pokok yang akan sihat, malah rakyat juga yang akan menikmati kebaikan daripada tindakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membincangkan mengenai Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, kita menerima hakikat bahawa dari segi namanya sahaja iaitu perancangan, ianya merupakan suatu konsep yang perlu luas, yang perlu menerima dan perlu mengambil kira semua perkara.

Fasal 5 yang meminda seksyen 12(3) Akta itu membuktikan bagaimana luasnya skop perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam membuat perancangan bagi sesuatu kawasan. Ini termasuklah soal-soal alam sekitar, soal lalu-lintas, kegunaan tanah dan lain-lain perkara. Ada kebajikannya perkara-perkara ini digariskan kerana apabila perancangan bagi sesuatu kawasan dibuat, ianya dapat dilakukan secara sistematik, dengan mengambil kira perkara-perkara yang diperuntukkan oleh akta tersebut. Hanya satu perkara yang perlu juga digariskan supaya ianya juga diambil kira dalam suatu perancangan yang hendak dibuat, iaitu soal pelaksanaan dasar-dasar sosial kerajaan, khususnya matlamat penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan yang menjadi sebahagian daripada matlamat Dasar Pembangunan Nasional.

Saya lihat dalam banyak pelaksanaan projek pembangunan di bandar, didapati pelaksanaan dasar-dasar sosial kerajaan tidak begitu dipertimbangkan secara automatik dan sistematik oleh pihakberkuasa tempatan, yang ketara mungkin hanya soal kuota untuk membina rumah kos rendah. Tetapi soal-soal seperti meningkatkan penyertaan dan pegangan harta bumiputera di bandar, yang menjadi sebahagian daripada pendekatan untuk mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat tidak pernah digariskan secara detail atau secara mendalam dalam meluluskan sesuatu perancangan pembangunan.

Pertumbuhan kompleks-kompleks membeli-belah, kompleks perniagaan, pembinaan kondominium dan apartmen seperti cendawan tumbuh, misalnya tanpa

kawalan boleh melambatkan proses penyusunan semula masyarakat khususnya dalam meningkatkan pegangan harta bumiputera di bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Memang hendak gulung, Tuan Yang di-Pertua. Kerana tidak memikirkan soal-soal ini secara sistematiklah, maka kita lihat sebagai contoh projek-projek Majlis Tempatan di kawasan saya yang diswastakan tidak langsung mengambil kira soal-soal ini secara mendalam dan projek-projek tersebut yang merupakan atau yang berbentuk apartmen, bangunan pejabat dan lain-lainnya, semuanya adalah di luar kemampuan pihak bumiputera untuk membelinya.

Dalam hal ini, saya menyokong pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, yang telah melahirkan kebimbangannya mengenai pencapaian, penglibatan bumiputera dalam bidang ekonomi yang masih belum mencapai matlamatnya.

Saya kira, ini termasuklah juga soal penyusunan semula masyarakat terutama dalam aspek meningkatkan pegangan harta bumiputera yang mana kita tahu masih ketinggalan dan kita masih belum berpuas hati. Dengan kata-kata, itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yan.

**5.45 ptg.**

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana begitu prihatin tentang masalah alam sekitar dan juga perancangan negara kita ini. Walaupun, banyak peristiwa-peristiwa telah berlaku, barangkali ini adalah sebagai iktibar kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, alam dunia ini yang dicipta oleh Allah S.W.T. adalah begitu indah. Kalau kita lihat dunia ini, macam saya kata dicipta dengan adanya kehijau-hijauan, gunung-ganang, bukit-bukau, sungai-sungai, air terjun dan sebagainya. Ini adalah satu keindahan yang Tuhan cipta.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke negara-negara Arab, kita tengok bukitnya tidak ada tumbuhan langsung, padang pasir Sahara. Kalau kita tengok, kita berasa susah hati. Tetapi di Malaysia, negara kita ini, kita dapat lihat begitu indah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, apabila perancangan ini tidak dijalankan dengan begitu teratur, kita mengusik alam semula jadi yang Tuhan cipta ini, kadang-kadang ia menjadi bencana kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca surat khabar *Utusan Malaysia* hari ini, saya bawa ke mari [*sambil memegang akhbar*] “Pangsapuri senget”, pangsapuri 6 tingkat akan senget. Yang menjadi mangsa ialah orang yang telah membayar pangsapuri itu dan mengambil pinjaman bank untuk membeli

pangsapuri ini. Mengapa pangsapuri senget? Ini adalah kerana kita pergi usik jalan-jalan pasak bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita, kalaulah seorang macam saya ini, kita cukur kepala sehingga botak suruh berjalan dalam bandar Kuala Lumpur, dia mahu berjalankah? Tentu kita rasa malu hendak berjalan, kecuali kita pergi ke Mekah, kita dapat pahala cukur kepala ini - kadang-kadang orang yang tidak mempunyai rambut pun ditaruhnya wig supaya nampak elok. Ini alam sekitar yang Tuhan cipta elok-elok, kadang-kadang kita kerat, kita pergi potong dan sebagainya untuk mengindahkan - konon. Tetapi sebenarnya kita mengusik benda yang Tuhan cipta ini supaya ia menjadi kukuh dan sebagainya.

Jadi, kena pada tempatnyalah Yang Berhormat Menteri mengemukakan Rang Undang-undang pindaan ini supaya kepentingan pulangan wang ringgit itu jangan terlalu diutamakan sehinggakan kita lupa tanggungjawab kita untuk mengekalkan kestabilan alam sekitar yang Tuhan cipta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau boleh pokok-pokok memang disyaratkan dalam akta kita ini, mencadangkan supaya penanaman pokok landscaping dan sebagainya dimestikan di dalam setiap rancangan perumahan.

Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh pokok-pokok ini kita tanam dengan pokok-pokok buah-buahan tempatan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** ....apa Kepong? Bukan, buah kepong tidak ada? **[Ketawa]** Ada? Buah rambutan, buah mempelam, kita tanam sekurang-kurangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Pengerusi FAMA ini promotion untuk saya juga, sekurang-kurangnya kita boleh memperkenalkan buah-buahan ini untuk pelancong-pelancong yang datang ke negara kita.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Pokok sena jangan lupa ya!  
*[Ketawa]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:**..... termasuk pokok sena, tetapi pokok sena, Tuan Yang di-Pertua, kalau yang jenis besar, kadang-kadang dia berhantu. *[Ketawa]* Jadi, benda ini bukan main-main, apa salahnya kita tanam pokok rambutan sekurang-kurangnya hasil pendapatan daripada buah rambutan ini, pihak Majlis Kerajaan Tempatan dapat juga wang, tiap-tiap tahun dia boleh r keluar tender untuk orang mengutip buah rambutan supaya boleh dijual. Ini adalah satu idea, pada pandangan saya cukup baik. Pokok kelapa janganlah kerana bahaya, kalau timpa di atas kereta orang - teruk, tetapi boleh ditanam di tepi-tepi sungai dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pandangan yang kita perlu ambil, selain daripada kita mengindahkan alam ini, kita juga mempamerkan kepada pelancong-pelancong, inilah hasil buah-buahan tempatan kita, yang perlu kita tanam di sekeliling jalan dan di kawasan-kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi saya ingin mencadangkan di sini agar pihak Kerajaan Tempatan ataupun Bandaraya ini peka sedikit. Akta ini kita boleh ubah macam-macam. Kita boleh buat macam-macam, kita boleh bahas, dan bahas, dan lulus. Tetapi kalau implementasinya tidak berjalan mengikut peraturan, kadang-kadang susah. Kadang-kadang kondominium dibina dengan frontnya yang cukup cantik. Harganya begitu mahal, ratus-ratus ribu, kita beli. Belilah kondominium ini. Dua tahun selepas itu naik pula satu kondominium depan ini, terpacak naik. Yang beli ratus-ratus ribu, bila tengok kondominium di depan, tengok dinding pula. Ini kes aniaya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, perancangan ini kena sesuailah. Kadang-kadang kondominium naik dua tingkat, jalan hendak masuk sempit. Selisih, macam orang kata, selisih lembu pun rebah. Jalan kecil. Inilah perancangan yang tidak tersusun. Jadi, kita kena susun. Pastikan arahan-arahan atau peraturan-peraturan dikeluarkan ini diambil tindakan. Yang ini pihak kementerian mesti arah Kerajaan Tempatan, dan Kerajaan Tempatan dengan adanya ahli Lembaga ia kena prihatin, kena faham. Jangan kira hendak kaut keuntungan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari Yan, penerangan tentang kondominium yang tinggi dan bangunan yang rendah. Tetapi saya tak pernah lagi

dengar cerita orang bincang tentang kondominium yang canggih, tetapi ada juga masalah lembu. Saya tak faham. Yang keduanya, kondominium yang tinggi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau pada peringkat awal lagi kita menguasai had tinggi kondominium, sebab tanah-tanah ini dipanggil plot rationya; satu ekar boleh 20 orang dudukkan atau 100 orang dudukkan atau 200 orang duduk. Mengapakah tidak dikenakan satu condition yang lebih awal. Macam mana pandangan Yang Berhormat tentang dua perkara ini?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang itu masuk dalam para, sekejap lagi saya hendak kata yang itulah. Yang ini kita kena cakaplah. Jadi, saya bersetujulah. Cuma lembu yang saya cerita tadi macam ini, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kondominium banyak di tengah. Jalan-jalan hendak masuk ke kondominium itu kecil, sempit. Sempit, ibarat kalau lembu dua ekor, dia berjalan pun rebah. Dia selisih itu rebah, tambahlah kalau kereta hendak berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Macam saya tengok baru-baru ini saya lalu di belakang dekat New Straits Times, Bangsar Height, ada satu kondo sudah terpacak, tiba-tiba bukit yang curam itu dia kerat. Dia kerat bukit itu fasal apa, dia hendak beri tanah itu luas. Bila dia tajam ke atas, tanah itu kecil, bila dia kerat tanah itu turun jadi luas. Jadi, dia boleh buat satu lagi kondominium di depan. Yang ini mengapa Bandaraya diam, pergilah siasat. Kalau rebah pula kondominium di belakang macam mana?

Jadi, yang ini undang-undang kita boleh buat. Kita bersyarah semua. Saya pun gagah bersyarah juga fasal ini. Saya tengok [*Sambil menunjuk surat khabar*] senget. Siapa nak pergi duduk, beri saya free saya tak pergi duduk, Tuan Yang di-Pertua, nak cari sakit.

Tuan Yang di-Pertua, kita pastikan undang-undang yang kita buat ini, Kerajaan-kerajaan Tempatan kena prihatin, kena ambil tindakan. Jangan kita ikut sangat pemaju-pemaju, dia hendak untung semaksimumnya. Tetapi yang hendak menanggung penderitaan, kesusahan ini ialah orang-orang yang membeli kondominium ini, yang membeli rumah-rumah ini. Itulah yang saya cadangkan dahulu, bila saya bercakap berbahas tentang perumahan dan sebagainya, saya minta kawasan-kawasan lapang itu ditanam pokok. Cuba, Tuan Yang di-Pertua tengok di belakang Tuan Yang di-Pertua itu pokok bunga. Kalau kita keluarkan pokok itu nampak pelek.*[Ketawa]* Betul!

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, Kepong minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kepong minta jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Yan ada niat kadang-kala tak baik. Adakah dia sedar bahawa ada had masa sekarang sebab saya hendak ambil bahagian. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Point of order 36(6).

**Dr. Tan Seng Giaw:**.....meringkaskan ucapannya kepada yang relevan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Point of order dahulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak ambil bahagian, TuanYang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Point of order dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Beri dia peluang, point of order apa Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** 36(6), selalu Kepong ini baik hati, tetapi hari ini ada niat jahat, mengapa? Harap tarik balik. Selalu saya menghormati kepada Kepong. Hari ini saya hilang hormat, hari terakhir. Adakah kerana semalam masa perbahasan tentang derivatif dia tak boleh melibatkan diri, dia marah hari ini. Tarik balik, dia tak tahu! Timbalan Menteri tak tahu, dia terus balik. Tarik balik tuduhan niat jahat, 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Tarik baliklah Yang Berhormat.*[Ketawa]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tetapi yang aniaya ialah saya, Tuan Yang di-Pertua. Mereka bertengkar, masa saya habis.*[Ketawa]* Ini yang tak betul, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat ada lima minit sahaja.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Injury time, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tidak boleh, lima minit sahaja.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh berharaplah kepada kementerian ini dengan pindaan akta ini dan denda yang kita telah penaikkan dan sebagainya, kita pastikan keselesaan pembangunan-pembangunan dalam negara ini tersusun dan teratur. Kita tengok kadang-kadang naiknya bangunan pencakar langit sampai kita pun naik susah hati. Makin tinggi bangunan itu, makin mahal harga. Dia tak sedar, apa-apa jadi dia dahulu yang terjun. Kalau saya hendak, saya duduk rumah atas tanah, saya tak mahu duduk di atas, 'gayat'. Saya naik kapal terbang pun, saya duduk di tepi tak berani. Kalau emergency, saya turun melalui tingkap dahulu. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian - Menteri pergi mana pula! Timbalan Menteri ada. Jadi, benda-benda ini kita kena ambil perhatian dan kita kuatkuasakan benda-benda yang macam ini. Saya minta Bandaraya, terutama sekali di Kuala Lumpur, pergi siasat projek-projek yang ada sekarang ini. Di Bangsar Height, di dua tiga tempat lagi yang ada dan juga projek yang keluar dalam surat khabar kena siasat. Di sebelah bangunan ada satu lagi bangunan, Tuan Yang di-Pertua. Dia 'reban' yang ini, yang belakang pun turut 'reban'. Jadi, kita

jangan bercanggah dengan kehendak Tuhan, alam kita buat hari ini, kerana kalau kita bercanggah dengan kehendak Dia, Dia marah, dan akan jadi bencana, yang kita tak mahu benda-benda ini berlaku di tanah air kita. Sebagai sebuah negara yang maju kita kena jaga benda-benda ini, kementerian kena beri duit lebih kepada Majlis-majlis Daerah. Dia nak suruh tanam pokok macam mana, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang nak bayar gaji pun tak cukup. Saya biasa duduk dalam Majlis Daerah Yan, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa saya suruh orang kampung gotong-royong tanam pokok mengindahkan pekan Yan. Macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau harap Majlis Daerah, dia tak ada duit. Hendak cukai hasil pintu pun tak berapa banyak pintu, maklumlah kampung. Macam Bandar raya tak apalah, Kuala Lumpur tak apalah, bandar-bandar besar tak apalah. Macam kawasan-kawasan kampung Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini, injury lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya tertarik tentang masalah orang memotong pokok. Apa pandangan Yang Berhormat dari Yan dengan landscape yang katanya moden, canggih, kelulusan luar negara, boleh merancang sesuatu kawasan itu dia potong pokok yang lama. Patutkah Majlis mengeluarkan satu peraturan mengenakan denda kepada mereka yang potong. Mereka hendak potong dahulu, baru hendak tanam balik. Sepatutnya tanam dahulu, baru potong. Adakah perlu kita kenakan denda?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sebenarnya mereka cerdik. Mereka hendak ambil untung lebih. Mereka buang dahulu dan tanam lain belanja

lebih, mereka untung lebih. Ini kerja mereka. Saya hendak mencadang, pokok-pokok ini kalau pun hendak diubah, jangan buang terus, ubah pokok itu. Korek pokok itu elok-elok dan ubah ke tempat lain. Kalau jantung manusia pun boleh ubah, takkan pokok tak boleh *[Ketawa]* Jadi, yang ini kita kena fikir. Pokok itu makhluk Tuhan, dia bernafas, jangan main-main, makhluk Tuhan juga. Jadi, kita kena jaga pokok. Cuma pokok berhantu kita kerat.*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Minta gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tambah orang-orang Tionghua dia percaya pokok besar-besar, dia sembahyang bawah pokok besar, kalau tak silap saya, jangan pergi usik pokok itu. Kepong dia pergi sembahyang di pokok besar.*[Ketawa]* Dia tak sembahyang, kacau!

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung kerana kawan-kawan saya hendak bercakap. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu ahli-ahli Majlis yang meluluskan pelan-pelan perancangan pembangunan ini mengkaji sehabis-habis dalam sebelum meluluskan. Jangan kadang-kadang buat dahulu kemudian lulus. Yang ini pun biasa berlaku. Buat dahulu, kemudian lulus, tak mengapa dia kata kita boleh backdated dan sebagainya. Benda-benda ini jangan dibuat, saya beri amaran.

Jadi, saya harap Menteri kena tegas sedikit dan Timbalan Menteri kena tegas, buat lawatan mengejut ke majlis-majlis daerah yang bermesyuarat, Menteri masuk pergi duduk tengok, barulah nama ‘ting’ sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini kena buat dan kita kena bubuh pegawai-pegawai yang cekap, pegawai-pegawai yang amanah, Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** ‘Ting’ ini kira toplah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa cukup Yang Berhormat!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Cukup, Tuan Yang di-Pertua?  
Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Nanti sat Kepong, tadi you ambil saya punya masa. You jangan main-main, saya naik angin loh. *[Ketawa]*

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh, pelan-pelan perumahan, bilik tiga untuk ‘low cost house’ diimplementkan secepat mungkin, yang ini saya mintalah, berapa kali sudah saya bercakap. Bilik tiga untuk rumah kos murah, kerana hari ini mengganggu ketenteraman ibu bapa, jadi kita kena ada tiga bilik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Lumut.

**6.02 ptg.**

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan amnya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya sebab telah mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibentangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta berhenti sekejap, ada Usul daripada Yang Berhormat Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN****6.04 ptg.**

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Datuk Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1995 diputuskan dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah: Bahawa Dewan ini tidak akan

ditangguhkan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1995 diputuskan dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 1995**

### **Perbahasan disambung semula**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Minta sambung, Ahli Yang Berhormat dari Lumut.

**Dr. Yap Yit Thong:** Masa ini adalah sesuai untuk kita meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, pada masa kini negara kita sedang dalam proses pembangunan dan kemajuan yang pesat, dengan itu perubahan dan pindaan dalam akta tersebut perlu dibuat untuk menjamin bahawa pemajuan fizikal dijalankan dengan teratur supaya alam sekitar tidak dijejas dan dipelihara.

Perhubungan trinitas iaitu perhubungan di antara Tuhan dengan manusia, manusia dengan manusia serta manusia dengan alam sekitar mesti dilindungi dan dititikberatkan. 'Ecosystem' dan kitaran oksigen juga mesti dipelihara. Saya rasa gembira memerhatikan bahawa pindaan kepada subseksyen 12(3) termasuk juga yang berikut:

“Memperolehi lansdkap, memelihara dan menanam pokok,

mengadakan tanah lapang, memelihara dan mengindahkan ciri dan

rupa bangunan, memperbaiki sistem komunikasi dan mengendalikan lalu lintas dalam kawasan rancangan tempatan”.

Berkenaan dengan memelihara dan menanam pokok, saya rasa gembira bahawa subseksyen 36A yang baru bertujuan memperkatakan tentang perintah pemeliharaan pokok telah dibentang. Pokok-pokok sangat diperlukan untuk menghijaukan alam sekitar, memperelok tempat, memberi perlindungan dari cahaya matahari, mengurangkan pencemaran bumi dan habuk serta membekalkan oksigen kepada manusia melalui proses photosynthesis. Untuk menebang sebatang pokok akan mengambil masa lima minit sahaja tetapi untuk mengganti pokok ini akan mengambil masa beberapa tahun.

Sehubungan dengan ini, subseksyen 35A yang baru yang akan menjamin bahawa pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter, tidak boleh ditebang tanpa kebenaran bertulis dari pihak berkuasa perancangan tempatan adalah sesuai kerana ia akan memaksa pemaju khususnya pemaju golf course melindungi dan memelihara alam sekitar serta menyelamatkan sebahagian besar dari lanskap asal.

Sesebuah rancangan perkembangan dan kemajuan mesti ada peruntukan untuk pertumbuhan tanaman (parks and garden), dengan izin, dan tempat rekreasi sebab mereka yang menjadi green lung kepada tempat-tempat duduk dimajukan dan adalah diperlukan bagi membina suatu kehidupan sihat.

Pengurusan trafik serta kemajuan dalam sistem komunikasi adalah sama penting juga kerana dalam proses pertumbuhan pemajuan yang moden seperti

penubuhan sesebuah kondominium di mana beberapa ratus orang dijangka akan menduduki di dalam satu bangunan yang telah didirikan di atas dua ekar tanah, bekalan elektrik, kawalan trafik serta lanskap mesti dijamin dan dijaga dengan baik.

Di kawasan di mana kekurangan tanah membina kondominium memang diperlukan tetapi sebelum bangunan tinggi tersebut didirikan, pihak berkuasa mesti memastikan bahawa tapak yang dipilih adalah sesuai dan kondominium tidak merupakan sebagai ‘observary tower’, dengan izin, yang mengancam ketenteraman serta privacy penduduk-penduduk di rumah rendah disekelilingnya.

Saya rasa gembira dengan pindaan akta ini kerana ia memperuntukkan subseksyen baru 21A dan seksyen 22 dalam kawalan pembinaan bangunan baru yang tidak bersepadan dengan persekitaran perumahan. Saya percaya, bahawa akta ini juga bertindak sebagai satu pengawal struktur-struktur fizikal lain seperti telekomunikasi tower, apa yang sedang berlaku di Ipoh ada Sapura Transmission Towers yang ketinggiannya 150 kaki sedang didirikan di kawasan kediaman.

Saya memahami bahawa pembinaan Sapura Transmission Tower ini belum mendapat kebenaran daripada Majlis Perbandaran Ipoh dan DCA. Penduduk-penduduk yang tinggal di persekitaran Sapura Transmission Towers, telah membuat aduan mereka kepada kita. Sapura Transmission Towers bukan sahaja memburukkan persekitaran, malah ia juga menghasilkan electro magnetic field

yang boleh menjejaskan kesihatan manusia serta membawa kesan-kesan yang buruk seperti mental depression.

Saya berharap bahawa pihak yang berkenaan mempertimbangkan atas masalah ini dan secepat mungkin mengatasi masalah ini dengan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya percaya oleh kerana banyak perubahan dan pindaan telah dibuat kepada akta tersebut, lebih staf di majlis perbandaran atau kementerian berkenaan akan diperlukan untuk menyemak dan meluluskan rancangan pemajuan yang diserahkan kepada pihak berkuasa.

Saya berharap pindaan tersebut tidak akan mengakibatkan kelewatan dalam kelulusan sebarang rancangan pemajuan. Dengan ini saya amat menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin HajiMahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa masa kita terlalu suntuk hari ini dan saya tidak dapat memberi semua untuk berucap. Saya akan hadkan kepada dua orang lagi untuk berucap. Seorang, saya minta daripada Sarawak - Baram dan saya ingat yang kedua beri kepada Kepong, last. Silakan Yang Berhormat.

**6.10 ptg.**

**Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Kementerian di atas perbahasan Rang Undang-undang meminda Akta di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini. Saya rasa pengemukaan Rang Undang-undang ini penting dan sangat tepat pada masanya. Ini adalah sebab ia menjamin perancangan bandar dan desa yang teratur kerana ia mengikuti keadaan semasa selain daripada konsep-konsep moden dan inovatif. Saya rasa ia juga mempunyai ciri-ciri dan nilai yang estetik, dengan izin, yang boleh mempertingkatkan lagi kehidupan yang sihat di kalangan penduduk-penduduk bandar dan juga penduduk-penduduk di desa. Pindaan ini juga akan menjamin bahawa pendekatan kemajuan di kawasan bandar dan desa tidak lagi dibuat secara '*ad hoc*' tetapi mengikuti pelan-pelan yang tersusun dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan ini saya ingin sentuh beberapa perkara yang dipinda di dalam Rang Undang-undang ini. Untuk memulai ucapan saya, saya ingin menyentuh pindaan kepada seksyen 12, di bawah akta ini, saya berpendapat bahawa pindaan seksyen ini akan menjamin bahawa semua faktor-faktor penting akan dipertimbangkan dalam pembangunan sesuatu kawasan. Ini adalah sangat penting kerana perkara yang kerap berlaku ialah rumusan cadangan yang dikemukakan oleh pemaju itu kadangkala tidak mengandungi semua

perincian yang difikirkan sesuai untuk Pihak Berkuasa Perancang Tempatan. Contohnya ialah, apabila pemaju membuat rumusan cadangan, kadangkala mereka ini terlupa secara sengaja atau pun secara kelalaian untuk memasukkan perkara yang disenarai di dalam akta ini, perkara itu termasuk melindungi dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal bagi kawasan rancangan tempatan itu, memperelok lanskap, memelihara topografi semula jadi, memelihara dan menanam pokok dalam kawasan rancangan tempatan tersebut.

Salah satu lagi masalah yang selalu dapat di lihat ialah dari segi mengadakan tanah lapang, iaitu dalam kawasan rancangan tempatan yang dibina itu. Oleh kerana segelintir pemaju itu sangat tertumpu kepada motif keuntungan, maka semua kawasan yang dibangunkan itu dirancangan dan dipenuhi dengan pembinaan rumah-rumah sahaja tanpa mengambil kira kemudahan-kemudahan yang memberi nilai estetik kepada kawasan dan penduduk-penduduk yang mendiami kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sikap yang sebegini memang akan menjejaskan kemajuan yang diinginkan oleh kerajaan dari segi undang-undang. Saya berharap pihak yang berkuasa dalam bidang ini nanti akan memeriksa rumusan cadangan dalam kawasan rancangan tempatan tersebut dengan terperinci sebelum ia diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh dalam perbahasan ini ialah seksyen 21A, Laporan Cadangan Kemajuan dan seksyen 21B,

Pelan Susunatur. Pindaan dalam kedua-dua seksyen ini ialah sangat penting sekali untuk menjamin bahawa seseorang pemohon itu akan menyampaikan suatu laporan cadangan kemajuan yang mengandungi beberapa perkara yang disenaraikan di bawah Rang Undang-undang ini, terutamanya apabila kemajuan yang dicadangkan itu terlibat dalam pembangunan tanah di sesuatu kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu pelan susunatur tidak mempunyai nilai jika pihak berkuasa tidak menjalankan tugas pemeriksaan untuk menjamin pelaksanaan pelan tersebut. Saya beri satu contoh, setelah saya melihat dengan mata saya sendiri di suatu kawasan kediaman, pemaju di kawasan ini dengan sengajanya telah menembok tanahnya itu sampai ke paras setinggi 10 kaki walau pun tanahnya berada di atas sebuah bukit yang rendah. Ini bermakna bahawa rumah kediaman yang berkesampingan dengan pemaju ini akan dibanjiri lumpur kerana penembokan tanah itu sama tinggi parasnya dengan tingkat satu rumah kediaman yang di sebelahnya. Dalam keadaan yang sedemikian, semangat kejiranan di antara penduduk-penduduk di kawasan kediaman tersebut langsung tidak akan wujud, sebaliknya mereka ini akan menjadi musuh di perkampungan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masalah yang saya sebut itu tadi dapat diatasi dan boleh dielakkan jika pihak berkuasa dengan bersungguh-sungguh memastikan pelaksanaan Rang Undang-undang ini. Saya menyarankan supaya pihak berkuasa di setiap kawasan mengambil tindakan untuk menyelaras

pelaksanaan pelan-pelan kemajuan yang telah diluluskan di sesuatu kawasan itu. Ia akan menjamin pemaju-pemaju atau pun kontraktor-kontraktor yang menjalankan projek tersebut supaya mereka ini dapat mengikut perjalanan undang-undang yang dikemukakan di dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memuji kerajaan kerana menunjukkan sikap proaktif dan mempunyai inisiatif untuk memasukkan di dalam Akta ini perintah pemeliharaan pokok. Dalam pandangan saya Akta ini akan mempunyai kesan yang berpanjangan jauh, di atas usaha negara kita merancang dan memaju dari segi kecantikan bandar dan desa ke arah Wawasan 2020. Dalam era di mana pencemaran persekitaran menjadi satu perkara kerisauan yang besar, Akta ini memang sesuai dan tepat bagi negara Malaysia. Ini akan menjamin kerajaan dan negara dari, dengan izin, the watchful eyes of the environmental. Ia juga menjamin bahawa keadaan bio-diversity dari segi flora dan fauna yang sedia ada di kawasan yang terlibat itu tidak terhapus.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, saya telah lihat kes-kes di mana pemaju di sesuatu kawasan itu tidak langsung mengambil tindakan untuk memelihara pokok-pokok semula jadi di kawasan tersebut, sebaliknya, pemaju tersebut meratakan kawasan tanah tempat yang ingin dimajukan itu tanpa mempertimbangkan kecantikan lanskapnya. Saya rasa tindakan atau pendekatan yang seperti ini langsung tidak mempunyai perlindungan kepada pemberian tuhan kepada keturunan manusia di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu aspek yang saya ingin sentuh ialah dari segi pelaksanaan pelan infrastruktur yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa dalam pelan kemajuan itu. Kadang-kadang pembinaan infrastruktur, misalnya, perparitan di kawasan pembangunan tersebut tidak dibina dengan betul atau barangkali ditinggalkan begitu sahaja, tanpa disiapkan apabila pihak berkuasa tidak menyeliaikan pembinaan dengan ketatnya. Keadaan yang seperti ini selalunya memberi kesan yang tidak cukup memuaskan kepada pembeli-pembeli rumah di situ ataupun penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang sedemikian juga akan menyebabkan kawasan itu tidak sesuai untuk didiami oleh kerana perparitannya yang tidak baik. Jika paras tanah tersebut tidak cukup tinggi, maka terjadilah banjir kawasan itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak yang terlibat dalam penyelarasan projek-projek pembangunan di bandar ataupun di desa akan mengambil tindakan yang berkesan. Saya rasa pihak pemaju juga mesti mempunyai sikap yang positif dan bertanggungjawab kepada kepentingan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara kita ini dalam keadaan yang pesat membangun, saya rasa pentingnya kita rancangkan kemajuan di bandar dan di desa dengan secara yang teratur dan tersusun. Saya menyanan kepada kerajaan supaya membuat pelan induk bagi tiap-tiap bandar dan pekan di negara ini. Pelaksanaan saranan ini akan mengambil masa tetapi saya percaya tindakan yang

seperti ini akan menjamin kemajuan yang berpandangan jauh, susun atur serta mengelakkan pembasmian masa dan perbelanjaan wang pada masa yang akan datang kelak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksana undang-undang ini dengan berkesan, saya juga menyarankan supaya pihak berkuasa sepatutnya menyebarkan pindaan-pindaan ini dalam Akta ini nanti apabila ia sudah diluluskan kepada semua pemaju-pemaju dan juga pihak-pihak yang berkenaan melalui surat pekeliling, seminar, dialog dan lain-lainnya.

Dengan ucapan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kepong dan selepas ini Menteri akan menjawab.

**6.22 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, berapa minit masa saya yang diberikan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** 15 minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti beberapa peruntukan pindaan ke atas Akta Perancangan Bandar dan Desa ini, saya nampak ada beberapa peruntukan sekiranya yang boleh dilaksanakan, dikuatkuasakan dengan berkesan akan membawa faedah juga.

Walau bagaimanapun, saya mempunyai beberapa pengalaman yang pahit mengenai pelaksanaan Akta tersebut. Yang pertamanya, saya hendak memberi peringatan kepada Yang Berhormat.

Tadi, Yang Berhormat menyebutkan mengenai Akta Wilayah Persekutuan yang mempunyai kuasa untuk mengabaikan cadangan dan garis panduan di dalam pelan struktur untuk Kuala Lumpur tetapi Akta seperti ini tidak begitu boleh diguna pakai di Petaling Jaya kerana Petaling Jaya adalah di dalam negeri Selangor dan apa yang disebutkan tadi ialah mengenai kawasan hijau di Kelana Jaya, ialah di luar bidang Akta Wilayah Persekutuan. Contoh yang telah saya berikan menunjukkan bahawa iltizam atau komitmen daripada kerajaan-kerajaan negeri adalah tidak mencukupi untuk melaksanakan apa yang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini dan dengan kelulusan itu sebenarnya ada dua aspek.

Yang pertama, aspek untuk memperbaiki, dengan izin, advocacy planning - tempoh dilanjutkan untuk perbantahan, untuk perancangan, untuk pelan tempatan, untuk memasukkan cadangan yang baru dan sebagainya, ini satu langkah yang betul juga kerana ini menggalakkan advocacy planning. Aspek yang kedua ialah mengenai pemuliharaan pokok yang sungguh kita alu-alukan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, di dalam penguatkuasaan Rang Undang-undang ini apabila diluluskan kelak, kita akan menghadapi banyak masalah. Misalnya, di dalam Akta ini dan juga saranan-saranan yang sentiasa dikeluarkan daripada kementerian memastikan bahawa semua perancangan, projek mesti memenuhi syarat-syarat yang tertentu. Misalnya, di antara taman-taman baru kita mesti ada jalan yang betul, jalan yang lengkap untuk perhubungan di antara

taman kerana taman-taman dan projek-projek banyak di negara kita ini dan juga di dalam satu taman, beberapa kemudahan asas kerana di dalam perancangan bandar, memang dia hendak mewujudkan satu komuniti, to beautify the communities and to make life in them comfortable, enjoyable and profitable, dengan izin. “Comfortable, enjoyable and profitable”.

Di dalam syarat-syarat daripada kementerian untuk projek-projek di seluruh negara supaya adakan kemudahan-kemudahan asas termasuk jalan di antara taman termasuk dewan-dewan serbaguna, termasuk padang-padang, taman-taman rekreasi dan sebagainya. Ada usaha juga seperti di Kuala Lumpur, kita nampak ada Tasik Titiwangsa, ada Tasik Perdana dan sebagainya. Memang di kawasan saya juga kita ada nampak sedikit perubahan dan usaha yang dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi pada keseluruhannya kita boleh nampak kemudahan-kemudahan ini tidak diadakan.

Misalnya di beberapa taman di kawasan saya dan juga di Melaka, di beberapa tempat di seluruh negara. Taman-taman misalnya, di antara Taman Bukit Maluri dengan Taman Kepong Baru dan Taman Kepong. Tidak ada jalan yang menghubungkan taman-taman ini. Yang ada ialah jalan yang dibuat oleh penduduk-penduduk sendiri, bukan jalan yang sah, jalan haram. Itu yang dibuat. Saya percaya keadaan sedemikian, boleh didapati di banyak tempat di seluruh negara. Ini bukan hasrat kementerian. Hasrat kementerian ialah semuanya hendak dibuat tetapi di dalam peringkat pelaksanaan, kita nampak hal seperti ini tidak dilakukan.

Begitu juga dengan dewan-dewan serbaguna, ada syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian dan juga oleh 148 pihak berkuasa tempatan. Syarat-syarat dewan serbaguna mesti dipatuhi tetapi kalau kita meninjau keadaan, kita dapati tidak banyak taman yang sederhana ataupun besar yang mempunyai dewan serbaguna. Begitu juga dengan padang-padang.

Misalnya di kawasan saya, Kepong. Kita mempunyai hanya satu padang bola sepak yang cukup besar, tetapi keadaannya sangat malang. Penyelenggaraannya kurang walaupun hampir tiap-tiap 3 bulan saya bangkitkan masalah ini....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, Yan bangun. Yan minta jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yan?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Fasal apa terkejut, Yang Berhormat? Tadi Yang Berhormat bangun, saya tak terkejut pun! Tuan Yang di-

Pertua, tadi Yang Berhormat bercakap fasal padang bola tidak dijaga dan sebagainya. Bagi saya, kita tidak boleh menyalahkan semua kepada kerajaan. Yang Berhormat bersetuju tak, ini mungkin yang Berhormat sendiri sebagai Wakil Rakyat tidak menjalankan tugas dengan baik! Itulah sebabnya kawasan-kawasan itu tidak bersih dan indah. Ini kerja Wakil Rakyat. Macam kawasan saya, saya jaga elok-elok - kalau rumput panjang saya suruh depa kerat dan sebagainya. Jadi Kepong ini, sudah terkepong!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yan ini, “hati bagai pelepah, jantung bagai jantung pisang dan telinga bagai telinga rawah”.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya pun tak faham maksud Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik, kalau tidak, saya ganggu sampai habis, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta Kepong jelaskan, saya tidak begitu faham, apa maksud Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia sangat degil, dia enggan menerima cadangan dan nasihat orang, dia sentiasa buat salah!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Itu sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu hati bagai pelepah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** 36(6) Tuan Yang di-Pertua. Dia tak tarik balik, saya tak duduk, Tuan Yang di-Pertua!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, saya tak tahu apakah Yang Berhormat serius atau tidak, tetapi dia mengatakan Yang Berhormat membuat sangkaan jahat. Itu memang sangkaan jahat. Yang Berhormat kena tarik balik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak tarik balik? Yan hendak tarik balik?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kena tariklah, kalau tidak, kita bergaduh sekejap lagi!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak gaduh? Ha, tarik balik, tarik baliklah!

*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu peribahasa. Hendak tarik balik, peribahasa. Yan....ah, pening kepala saya! Itu peribahasa, hendak tarik balik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, peribahasa itu ada makna yang baik; ada makna yang tidak baik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Peribahasa ini baik, Tuan Yang di-Pertua! Walau bagaimanapun, masa berjalan bagi saya. Saya mencadangkan supaya kementerian mengkaji semula daripada segi bagaimana peruntukan-peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini dapat dikuatkuasakan dalam erti kata yang sebenar, termasuk apa yang saya sebutkan tadi mengenai kemudahan-kemudahan landskap dan sebagainya. Berapa peruntukan - 10, 11, 12, 13 dan 14 mengenai penalti dan sebelum ini ada beberapa peruntukan bagi kemajuan semasa memohon kebenaran merancang dan butir-butir mengenainya dari segi fizikal, tofografi, landskap, pokok-pokok dan sebagainya. Ini baik, bukan tidak baik. Tetapi, bagaimana kita dapat melaksanakannya dengan yang sedia ada?

Sebelum pindaan ini pun kita tidak dapat melaksanakan dan tidak dapat menguatkuasakan. Bukan semua, tetapi kebanyakannya tidak. Itulah masalahnya Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap kementerian dapat mengkaji semua ini dan juga bolehkah kita tetapkan untuk setiap pelan-pelan struktur dan pelan tempatan, kita adakan kajian semula tiap-tiap 5 tahun ataupun 7 tahun - tiap-tiap 5 tahun

misalnya, kerana pembangunan pesat dan projek-projek banyak. Kita mesti kaji semula. Kalau Yan tidak mahu, itu lain fasal! Kita mesti kaji semula.

Saya mencadangkan juga supaya lebih banyak pelan struktur dan pelan tempatan diadakan di seluruh negara kerana banyak bandar dan desa memerlukan pelan-pelan seperti ini untuk projek-projek .

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, itu mengenai pelaksanaan peruntukan-peruntukan dan kemudahan-kemudahan asas. Mengenai aspek yang kedua - pokok. Dengan adanya peruntukan-peruntukan ini, saya pun berharap semua ini dapat dikuatkuasakan dengan baik kerana kalau ini boleh dilaksanakan, kita boleh nampak mungkin 5 atau 10 tahun akan datang, satu negara dalam taman.

Tetapi, mengikut pengalaman saya, sekarang saya pun sakit hati bila saya menyaksikan orang memotong dan menebang pokok, walhal Yan pun tidak berminat. Kita hendak tanam pokok di sini pun dia tidak datang - Jerai sebelum ini! Kita ada pokok Jerai sekarang di Parlimen, tetapi dia tidak datang! Tidak berminat!

Walau bagaimanapun.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun, Yang Berhormat. Dia bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada masa.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, dia ganggu bahagian saya ini - daerah saya ini, saya kena jawab, Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak tanam pokok apa pun, dia punya fasal, Tuan Yang di-Pertua, saya tanam pokok saya. Semua pakat tanam pokok, eloklah negara ini. Jadi, kalau dia hendak tanam satu pokok pun hendak suruh saya mai tengok, ini kacau, Tuan Yang di-Pertua! Saya hendak jaga rakyat! Dia tak apa, jaga klinik dia, Tuan Yang di-Pertua! Nganga mulut, boleh dapat duit!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah... ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi Yan tidak banyak pokok buah mempelam. Kalau ada pun, tak begitu manis saya nampak! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kementerian mengambil perhatian mengenai keperluan untuk mengadakan jabatan yang berkesan apabila kita menghadapi masalah pokok, bila kita tanam pokok; pokok subur, tetapi ada pokok yang rantingnya layu, ada pokok yang mati - ada yang hidup dan ada yang mati. Memang bila kita tanam pokok, ada yang hidup, ada yang mati dan ada ranting yang layu. Pokok-pokok ini....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak, saya hendak beritahu, benda yang kita tanam pokok, memanglah - yang mati, yang kita tanam tak hidup, orang sahaja. Orang mati sahaja yang kita tanam tak hidup!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita tidak ada masa. Saya tak tahu macam mana hendak buat kerana pukul 8.00 ada jamuan di stage banquet di bawah. Macam mana, patutkah kita akan teruskan meeting kita pada malam ini? Ya, sambung dari mana itu? Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak, saya dah nak habis, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia kacau saya. Saya hendak beri satu...

**Tuan Yang di-Pertua:**Ya, sila habiskan. Sila habiskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak beri satu cadangan sebelum saya habiskan. Tuan Yang di-Pertua, masalahnya, bila pokok ini layu atau mati, kita mesti potong atau tebang atau pun cantas. Tetapi sekarang, bila kita membuat aduan atau pun memanggil Dewan Bandaraya atau pun pihak berkuasa tempatan yang lain, susah hendak kita dapat orang ini atau pun pihak berkuasa datang untuk menebang. Itu masalah, Tuan Yang di-Pertua. Memang masalah - kadang-kala dua atau tiga bulan, tak datang lagi! Bila kita adakan Rang Undang-undang seperti ini, kita mesti masukkan satu atau pun dua peruntukan untuk memastikan sistem menebang pokok atau pun mencantas pokok yang teratur dan yang berkesan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bangun. Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Kepong sedar, sekiranya kita sendiri bersukarela menebang pokok,

sampah-sarap dari tebangannya itu pun sukar untuk diangkat oleh bandar raya sehingga berminggu-minggu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, masalah itu tak timbul. Masalah sekarang ini, di seluruh Kuala Lumpur, misalnya di kawasan Kepong pun begitu juga - kita menyaksikan banyak pokok yang mati. Bila kita tanam pokok, ada yang mati dan ada yang subur. Memang macam itu. Bila ada yang mati, macam mana kita selesaikan keadaan kerana bila ia mati, bila-bila ia boleh runtuh dan boleh tumbang. Kalau sesiapa sahaja berjalan di situ, malanglah dia. Itu masalah. Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada masa. Saya hampir tiap-tiap minggu menghadapi masalah seperti ini. Saya hendak memelihara pokok tetapi yang mati itu kita mesti tebang.

Yang keduanya, kementerian mesti menetapkan bahawa pokok-pokok ini ditanam bukan di bawah kabel elektrik. Kalau macam itu, bila ia besar ia mengganggu kabel bekalan elektrik dan semua bandar dan desa ada masalah gangguan bekalan elektrik. Gangguan bekalan elektrik salah satu faktor yang utama ialah pokok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab itulah saya berharap dengan menguatkuasakan akta seperti ini kita adakan satu garis panduan ataupun satu strategi untuk menanam pokok-pokok bukan di bawah kabel elektrik.

Sekian, terima kasih.

#### **6.42 ptg.**

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi pandangan, cadangan dan saranan semasa membahaskan pindaan Akta Perancang Bandar dan Desa.

Yang pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana membahar secara rasional dan juga mengemukakan cadangan-cadangannya seperti juga wakil-wakil Barisan Nasional.

Beliau membangkitkan soal pelan struktur. Ingin saya menyatakan di sini bahawa memang menjadi dasar kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan rancangan struktur di semua kawasan pihak berkuasa tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 52 rancangan struktur bagi pihak berkuasa tempatan telah siap disediakan dan 44 rancangan itu dalam proses penyediaan dan kerajaan berharap pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam, semua pihak berkuasa tempatan akan mempunyai rancangan struktur masing-masing.

Tentang soal ada sedikit rasa bimbang Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang masalah penguatkuasaan undang-undang ini dan sebagainya. Memang di masa yang lepas ada setengah-setengah kerajaan negeri tidak menerima pakai setengah-setengah peruntukan di dalam sesuatu akta itu. Jadi, rasa bimbang Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada asasnya, kalau berdasarkan kepada pengalaman yang lepas. Namun demikian, Kerajaan Persekutuan akan cuba sedaya upaya untuk memujuk dan meyakinkan kerajaan negeri supaya mereka menerima pakai peruntukan-peruntukan dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal legality yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Sebenarnya Rang Undang-undang ini telahpun dirujuk kepada semua kerajaan negeri melalui Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan dan dipersetujukan dengan sebulat suara.

Aktiviti perancangan bandar termasuk penanaman pokok-pokok sebenarnya terletak di bawah senarai bersama Perlembagaan Persekutuan. Jadi, soal tidak constitutional tidak timbul di sini. Yang Berhormat dari Tanjong mungkin tidak semak Perlembagaan Persekutuan.

Tentang soal tragedi Highland Towers yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, mangsa-mangsa ataupun penghuni-penghuni yang berkenaan memilih membawa kes itu ke mahkamah. Jadi, elok kita tunggulah keputusan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang juga membangkitkan soal perancangan bandar. Kerajaan memang sedar aktiviti perancangan bandar dan desa memainkan peranan yang penting dalam pembangunan bandar. Jadi, bagi memastikan perancangan dapat berjalan secara seimbang, kerajaan memperkenalkan piawai perancangan (planning standard) untuk membantu pihak berkuasa perancang tempatan merancang dengan lebih lancar dan baik.

Kerajaan juga menganjurkan falsafah baru perancangan yang berasaskan kepada perancangan sejagat iaitu hubungan tiga hala, iaitu hubungan antara manusia dengan penciptanya, manusia dengan manusia dan juga manusia dengan alam sekelilingnya.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah membangkitkan soal tentang birokrasi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa kerajaan sentiasa menganjurkan bagi mengelakkan birokrasi dalam proses pembangunan dan kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk mempercepatkan kelulusan sesuatu permohonan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang tertentu terutamanya apabila aspek keselamatan perlu diberi perhatian, maka proses dan prosedur yang tertentu perlu dipatuhi supaya persekitaran yang kita bangukan itu akan sentiasa selamat dan selesa untuk didiami.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah juga membangkitkan soal kekurangan kakitangan profesional di pihak berkuasa tempatan. Ingin saya

menyatakan di sini bahawa kerajaan sedang mengambil langkah untuk menambah kakitangan profesional di semua pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru juga membangkitkan soal berhubung dengan pemeliharaan bangunan-bangunan lama, bangunan-bangunan yang ada nilai sejarah dan nilai senibina. Jadi, selain daripada peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini kerajaan kini sedang dalam proses untuk menggubal suatu Rang Undang-undang baru bagi tujuan untuk melindungi dan juga membangunkan semua bangunan lama yang bersejarah. Rang Undang-undang yang sedang digubal ini adalah lebih komprehensif dan mengambil kira perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja yang dapat saya jelaskan dan...

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang ditimbulkan termasuk satu masalah yang sentiasa dihadapi oleh rakyat iaitu keberkesanan untuk menebang pokok-pokok yang mati atau ranting-ranting yang layu. Ini memang satu masalah. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk memperbaiki keadaan ini? Ada banyak lagi.

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham 'keberkesanan' untuk menebang pokok yang mati.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, banyak. Sebab kalau kita hendak kuatkuasakan Rang Undang-undang ini apabila dijadikan satu Akta kelak, memang dikenakan penalti yang tinggi serta tindakan akan diambil ke atas orang yang menebang pokok. Tetapi kalau mereka merayu kepada pihak berkuasa tempatan untuk menebang, pihak berkuasa tempatan tidak mengambil tindakan sehingga berbulan-bulan, apakah boleh buat? Ini adalah satu masalah - akan menjadi satu masalah.

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang menyatakan tentang denda dan sebagainya. Kerajaan yakin, dengan adanya undang-undang ini, maka pihak berkuasa tempatan akan diberikan arahan untuk memastikan segala-galanya dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan. Jika ada pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang tidak sempat saya sentuh, semua pandangan itu akan diambilkira semasa kementerian membuat kaedah untuk melicinkan pelaksanaan undang-undang ini nanti. Sekian.

**Tuan Yang di-Petua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### **Fasal 1 -**

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan:  
Fasal 1 Rang Undang-undang dipinda dengan memotong subfasal(3).

Pindaan ini dicadangkan memandangkan peruntukan dalam subfasal (1) dan (2) adalah mencukupi bagi meliputi maksud yang dihasratkan di dalamnya.

**Tuan Pengerusi:** Masalah ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan itu sekarang terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Fasal 1** seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### **Fasal 2 hingga 18 -**

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian oleh kerana saya tidak sempat diberikan peluang tadi untuk berucap dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, saya amat kagum tadi bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan tidak sampai 10 minit untuk menjawab ucapan-ucapan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen selama 2 jam. Saya tidak tahu macam mana dia boleh membuat jawapan seperti ini, seakan-akan tidak ada isi kandungan yang bernas daripada semua Ahli Parlimen termasuk daripada Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Fasal 7, di mana pindaan dirancang untuk pindaan ke atas seksyen 21 dan juga Fasal 8 di mana cadangan dibuat untuk memasukkan selepas seksyen 21, satu seksyen baru iaitu seksyen 21A, 21B dan 21C. Saya ingin membahaskannya sekali gus.

Tuan Pengerusi, seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat peruntukan ini ialah untuk memberikan atau memerlukan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan memberitahu tuan punya tanah yang bersempadan akan hak mereka untuk menimbulkan bantahan ke atas mana-mana permohonan bagi kebenaran merancang di kawasan yang masih belum ada rancangan tempatan.

Pihak berkuasa berkenaan itu hendaklah mengambilkira bantahan yang ada sebelum membuat keputusan di atas permohonan ini. Saya rasa ini adalah suatu langkah yang baik supaya kita dapat memastikan tuan punya tanah atau para

penduduk berhak untuk memberikan pendapat mereka dan pandangan mereka tentang sebarang rancangan yang dicadangkan ke atas kawasan mereka.

Sudah banyak kali, Tuan Pengerusi, di mana-mana perancangan dibuat tanpa kelulusan atau pandangan dan perundingan diperolehi daripada orang-orang tempatan. Dari segi konsep ini bolehkah saya mencadangkan bahawa konsep ini dilanjutkan selain daripada perundingan pihak berkuasa juga harus memberikan akauntabiliti mengenai keputusan yang dibuat ke atas mana-mana perancangan. Kerana apa yang berlaku ini ialah kalau mereka hanya ingin diwajibkan untuk mendapat pandangan sahaja, ia akan dibuat tanpa sikap yang serius dan ini yang kita sangat bimbangkan. Kalau hanya sekadar bantahan, tetapi tidak ada sebarang penjelasan atau akauntabiliti tentang bantahan mereka, saya rasa tujuan seksyen ini tidak bermakna langsung.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap berkenaan dasar itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tahu, Tuan Pengerusi. Ini secara seimbabas lalu, kerana tadi saya tidak berpeluang, tetapi saya akan cuba dengan.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** ...untuk secara spesifik.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** .... menimbulkan satu kes.....

**Tuan Pengerusi:** Tidak usahlah. Yang Berhormat berucap dalam Jawatankuasa ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tahu, tetapi itu....

**Tuan Pengerusi:** Mintalah....

**Tuan Lim Guan Eng:** .... ya, saya akan menghadkan ucapan saya.....

**Tuan Pengerusi:** Biarlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** .....ke atas perkara spesifik dan di sini saya hendak menimbulkan satu perkara spesifik, Tuan Pengerusi.

Tadi Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan tentang masalah-masalah di taman-taman perumahan di kawasannya dan saya juga ingin menimbulkan satu masalah yang berkaitan dengan seksyen ini di satu taman perumahan.....

**Tuan Pengerusi:** Itu dasar, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, itu perkara spesifik.

**Tuan Pengerusi:** Jikalau sekiranya masalah kepada sesuatu seksyen, itu ialah dasar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu adalah spesifik.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya tidak boleh benarkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya masih belum....

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat duduk ya! [*Tepuk*] Saya minta Yang Berhormat duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, ini tidak adil, saya hanya menunjukkan mengenai sesuatu perkara yang spesifik, mengenai satu kes....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap di atas dasar, bukan di atas committee.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bukan bercakap di atas dasar, tetapi mengenai apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri.....

**Tuan Pengerusi:** Saya telah memutuskan mengenai apa Yang Berhormat berucap itu ialah dasar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay. Bolehkah saya rujuk kepada Fasal lain, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Cuba bercakap di atas butir-butir.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, butir-butir yang tadi Fasal 7, di mana seksyen 21 Akta ibu dipinda. Fasal 8 iaitu memasukkan satu seksyen baru dan di sini saya merujuk sebagai satu kes spesifik, seperti yang saya katakan tadi.

**Tuan Pengerusi:** Itulah yang dasar, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** ... bukan kes spesifik.

**Tuan Pengerusi:** Itu dasar, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau saya tak boleh berikan satu contoh.....

**Tuan Pengerusi:** Tak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebelum itu.....

**Tuan Pengerusi:** Tak boleh, Yang Berhormat, bercakap dasar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini bukan dasar, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya memutuskan, iaitu ialah dasar, itu keputusan saya. Betul atau tidak, itu keputusan saya. Yang Berhormat tak boleh berucap, tetapi sekarang Yang Berhormat berucap ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akur kepada keputusan.

**Tuan Pengerusi:** Kepong hendak berucap?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akur kepada keputusan Tuan Pengerusi, tetapi saya rasa ini seperti menafikan hak saya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong hendak berucap apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Hak saya untuk bersuara, saya amat kesal sebab saya dinafikan hak untuk bersuara sebagai Ahli Parlimen. Sungguhpun saya cuba.....

**Tuan Pengerusi:** Kepong hendak berucap atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa ini tidak adillah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Fasal-fasal 2.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak boleh ucap langsung.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini hendak tutup sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Fasal-fasal 2 hingga 18.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Fasal 8, Tuan Pengerusi, Fasal 8 yang bertujuan memasuki tiga seksyen baru, termasuk misalnya seksyen baru 21B yang memberikan perincian pelan susunatur. Antara lain pelan susunatur hendaklah

mengandungi langkah-langkah bagi melindungi alam sekitar dari segi fizikal, pemeliharaan topografi semulajadi, landskap, pokok-pokok dan sebagainya. Semua ini bukan salah, ini betul, kerana kita mahu pemaaju atau projek-projek mempunyai syarat-syarat ini dengan baik. Tetapi bagi saya, Yang Berhormat mesti menerangkan tempoh permohonan, kerana kalau mengambil tempoh yang begitu panjang akan merugikan kita juga, projek-projek tidak dapat dilaksanakan. Saya bermaksud pada projek-projek yang baik.

Apakah cadangan Yang Berhormat untuk memastikan semua permohonan kalau layak, kalau baik diluluskan dengan cepat?

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Setelah undang-undang ini diluluskan, kerajaan akan mengambil langkah untuk membuat kaedah untuk memastikan peruntukan ini dapat dikuasakan dengan licin, termasuk kelulusan yang lebih cepat.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyatakan di sini tentang satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya saya sudah banyak kali menyatakan di sini bahawa 'bahasa menunjukkan bangsa'. Jadi, kalau orang itu menggunakan bahasa yang tidak baik, orang yang bersikap sombong, itu menunjukkan asal usulnya. *[Tepuk]* Lain kali kalau hendak bahas dalam rang undang-undang macam ini pandulah kepada.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order, duduk! duduk! point of order.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, biarlah dia bercakap dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** 36(1) Tuan Pengerusi. Saya ada hak atas point of order, Tuan Pengerusi. Saya rasa Yang Berhormat sangat berleter. Ini tak ada berkaitan dengan rang undang-undang langsung. Jangan cerewet!

**Dato' Dr. Ting Chew Peh:** Sit down! Tuan Pengerusi, kalau hendak bincang rang undang-undang ini tak boleh cuma tengok dan bangkitkan masalah dasar. Kena rujuk kepada Akta ibu itulah lain kali. Tuan Pengerusi, jadi, okay.

**Fasal 2 hingga 18** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 1955**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.03 mlm.**

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Akta Koperasi (Pindaan) 1995 ialah untuk menyediakan satu kaedah dalam keadaan-keadaan yang tertentu bagi koperasi-koperasi berdaftar untuk menjalankan tindakan bagi pembubaran.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Koperasi 1993 mempunyai peruntukan bagi penubuhan sesuatu koperasi berdaftar dan juga peruntukan bagi pembubarannya. Bagi pembubaran sesebuah koperasi berdaftar di dalam keadaan biasa, koperasi berdaftar tersebut dibubarkan mengikut peruntukan seksyen 71 yang sedia ada dengan permohonan oleh tiga perempat anggota-anggota individu. Adalah diperhatikan daripada perkembangan-perkembangan semasa, beberapa koperasi berdaftar telah menjadi terlalu besar dari segi liputan kawasan dan keahliannya sehingga untuk mengaturkan mesyuarat agung pun didapati koperasi-koperasi berdaftar menghadapi masalah pentadbiran. Dengan itu, bagi koperasi-koperasi berdaftar sedemikian adalah didapati peruntukan seksyen 71 yang sedia ada adalah menyukarkan mereka kerana keperluan mendapatkan  $\frac{3}{4}$  bilangan anggota koperasi yang begitu besar, khususnya bagi tujuan pembubaran.

Selain dari itu, kaedah yang sedia ada bagi pembubaran sesuatu koperasi berdaftar adalah semata-mata bertujuan untuk membubarkan koperasi berdaftar itu dan memulangkan modal koperasi berdaftar kepada anggota-anggota tanpa tujuan lain. Sebagai contoh, bagi harta yang sudah terkumpul itu tidak dapat digemblengkan untuk tujuan yang lebih besar bagi peluang penglibatan wang

modal yang terkumpul itu di dalam perkembangan ekonomi yang amat besar di negara kita sekarang.

Maka dengan ini untuk membolehkan modal terkumpul dalam sesuatu koperasi berdaftar itu bagi menyertai proses pembangunan ekonomi yang sebegitu luas, contohnya melalui pasaran bursa saham, adalah dicadangkan pindaan ini supaya koperasi-koperasi berdaftar lebih mudah untuk mendapatkan sepakat kata bagi menggunakan kumpulan tabung anggota-anggota dalam koperasi untuk dapat dilaburkan ke pasaran modal.

Seksyen 71A yang baru membenarkan koperasi-koperasi berdaftar memohon untuk dibubarkan sambil disusun semula modalnya ke dalam sebuah syarikat. Ini boleh dibuat apabila terdapat peluang-peluang tertentu yang memanfaatkan anggota-anggota masuk ke pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini tidaklah bertujuan sewenang-wenangnya membenarkan sesebuah koperasi berdaftar dibubarkan. Seksyen 71A yang baru mempunyai beberapa syarat yang perlu dipatuhi supaya kepentingan anggota-anggota terus dipelihara. Sambil itu, syarat-syarat yang termaktub dalam seksyen 71 yang sedia ada masih dikekalkan dan perlu dipatuhi seperti tempoh rayuan yang dibenarkan kepada anggota-anggota. Ini bermakna kerajaan bukanlah mengetepikan prinsip-prinsip koperasi dan peranan koperasi bahkan pindaan ini menentukan anggota-anggota dapat membuat pilihan dengan cara yang lebih mudah untuk menentukan masa hadapan koperasi berdaftar mereka. Ini akan lebih

memudahkan bagi anggota-anggota koperasi khususnya koperasi-koperasi bumiputera menentukan pilihan mereka untuk menyertai perkembangan ekonomi melalui bidang korporat daripada wang tabungan yang terkumpul dalam sesuatu koperasi besar. Dengan tujuan itu, pindaan-pindaan yang dibentang dalam Seksyen 71A yang baru adalah mengandungi beberapa kaedah untuk memudahkan proses pembubaran sesebuah koperasi berdaftar dan penyusunannya semula seperti berikut.

Pertama, seksyen 71A yang baru hanya boleh terpakai dalam keadaan yang tertentu iaitu keanggotaan koperasi berdaftar itu adalah sekian bilangan yang menjadikan pematuhan subseksyen 71(1) tak semunasabahnya praktik. Contohnya, keanggotaan koperasi-koperasi berdaftar yang terlalu besar.

Kedua, proses pembubaran dipermudahkan dengan memperuntukkan dua cara untuk mengemukakan permohonan kepada Ketua Pendaftar iaitu:-

Daripada tidak kurang daripada 1/10 daripada anggota-anggota atau sekian bilangan wakil yang mewakili tidak kurang daripada 1/10 anggota-anggota koperasi berdaftar itu atau daripada lembaga koperasi berdaftar itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dipermudahkan sedemikian cara kerajaan sentiasa peka di atas kepentingan dan hak anggota koperasi-koperasi berdaftar supaya mereka dapat menentukan pilihan mereka dengan cara yang baik. Dengan itu, seksyen 71A yang baru itu juga mengandungi beberapa syarat asas bagi

melengkapkan permohonan sesebuah koperasi. Di antaranya skim penyusunan semula haruslah jelas dan mencukupi untuk menasihatkan anggota mengenai sifat dan had penyertaannya dalam hal pembubaran dan penyusunan semula dan juga beberapa syarat lain di bawah subseksyen 71A (6), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) dan (j).

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang dijelaskan dalam Rang Undang-undang ini, bersabit dengan seksyen 71A beberapa pindaan juga dicadangkan kepada Akta Koperasi 1993 untuk lebih memantapkan pentadbiran undang-undang koperasi. Di antara lain, seksyen baru 18A adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pendaftar untuk mengarahkan mana-mana koperasi berdaftar memanggil suatu mesyuarat agung dalam tempoh tidak kurang daripada tiga bulan bagi maksud meminda undang-undang kecilnya jika Ketua Pendaftar berpuas hati bahawa mana-mana undang-undang kecil koperasi berdaftar itu mempunyai tafsiran yang kabur atau yang meragukan dan berkemungkinan boleh mengelirukan atau bertentangan dengan atau tidak konsisten dengan akta atau peraturan. Atau sesuatu pindaan adalah perlu atau dikehendaki demi kepentingan koperasi berdaftar itu.

Sambil itu, satu pindaan juga dicadangkan kepada subseksyen 91(1)(g) akta yang menjadikan suatu kesalahan jika sesuatu koperasi berdaftar atau mana-mana orang yang melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa tindakan atau perkara yang dilarang oleh atau tidak mematuhi kehendak akta itu.

Satu pindaan juga dicadangkan kepada subseksyen 59 (4)(a) teks Bahasa Kebangsaan yang bertujuan menggantikan perkataan 'saham perdagangan' dengan perkataan 'stok perniagaan'.

Lain-lain Fasal seperti Fasal 6, 7 dan 8 adalah bertujuan membuat beberapa pindaan berbangkit kecil dengan wujudnya seksyen baru iaitu seksyen 71A, 71B dan 71C.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai memperluaskan peluang tabungan-tabungan modal yang didapati dalam koperasi-koperasi berdaftar dalam penglibatan pembangunan ekonomi, maka Akta Koperasi (Pindaan) 1995 adalah memberi laluan yang lebih mudah kepada anggota-anggota koperasi menetapkan masa depan koperasi berdaftar mereka. Ini adalah khusus bagi tujuan penggunaan dana wang yang terkumpul dalam koperasi berdaftar mereka dengan apa cara yang mereka anggap lebih berkesan dalam pelaburan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Pindaan ini seperti yang terkandung dalam seksyen 71A yang baru, tidak sekali-kali bertujuan untuk memperkecil atau mengeneipkan kepentingan koperasi bagi satu pergerakan atau satu falsafah yang memang mengandungi ciri-cirinya yang tersendiri sambil boleh dikatakan istimewa.

Namun demikian peluang-peluang pelaburan yang sebegitu luas dalam bidang korporat tidaklah harus disekat kepada penglibatan kumpulan-kumpulan wang yang terdapat dalam koperasi-koperasi besar di negara ini. Sambil itu,

untuk menentukan pergerakan koperasi dapat terus berjalan dengan lebih mantap, maka beberapa peruntukan juga telah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan kawal selia ke atas koperasi-koperasi berdaftar untuk membanteras penyelewenan serta kepincangan yang pernah berlaku dalam beberapa koperasi di masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Koperasi, 1993 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Bukit Mas.

Sebelum Yang Berhormat berucap, sukalah saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas nanti hanya diberi masa 10 minit seorang.

**7.22 mlm.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan untuk meminda Akta Koperasi, 1993 dan saya ingin menyokong pindaan ini dengan sepenuhnya. Saya rasa pindaan ini memang kena dan tepat pada masanya dan saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi oleh kerana dapat membentangkan pindaan ini selaras dengan matlamat kerajaan dan dengan adanya

sekarang ini banyak koperasi-koperasi yang ditubuhkan di negara kita, memang ada kesulitan yang dihadapi dari segi perkembangan dan penglibatan koperasi-koperasi tersebut di dalam pembangunan sektor ekonomi.

Kita berharap dengan adanya pindaan ini, kita juga menyarankan supaya Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi dapat membimbing dan membantu koperasi-koperasi yang sedang bertugas atau pun ditubuhkan di negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyuarkan satu masalah, iaitu masalah yang sedang dihadapi oleh banyak koperasi yang ditubuhkan di negeri Sarawak. Misalnya, seperti Koperasi Pekerja Kerajaan Sarawak Bhd. (KOPERKASA), Koperasi Perumahan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Bumiputera Sarawak Bhd., Koperasi Polis Di-Raja Malaysia Sarawak Bhd., Koperasi Hijau Sarawak Bhd., Koperasi Serbaguna Bhd. MIRI, Koperasi SESCO, Koperasi Pekerja Bandaraya Kuching, Bhd., Koperasi Politeknik, Kuching, Sarawak Bhd., Koperasi Belia Islam Sarawak Bhd., Koperasi Sarawak Teachers Bhd., Koperasi Bank Pusat Kerjasama Sarawak Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua koperasi-koperasi tersebut menghadapi masalah iaitu mengenai kuorum untuk mesyuarat agong tahunan. Itulah sebabnya saya mengucapkan tahniah tadi kerana dengan adanya pindaan, khususnya seksyen 18A ini kita berharap dapat membantu koperasi-koperasi yang ditubuhkan menjalankan tugas mereka untuk melibatkan dengan secara agresif di dalam

pembangunan sektor ekonomi di negara kita. Koperasi-koperasi tersebut, pemimpin-pemimpin mereka pernah mengadakan satu majlis bersama-sama saya dan oleh kerana itulah sebab saya menyuarakan di sini, dan kalau mengikut Peraturan 13, iaitu di bawah Peraturan-peraturan Koperasi, 1965, ia memperuntukkan bahawa kuorum bagi setiap mesyuarat agong sesebuah koperasi hendaklah satu pertiga dari jumlah anggota-anggota koperasi atau perwakilan koperasi. Peraturan 13A menyatakan bahawa sekiranya kuorum tidak mencukupi, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan.

Di sini saya ingin menyuarakan masalah mengenai iaitu mengadakan mesyuarat agong tahunan untuk koperasi-koperasi tersebut, misalnya Koperasi Pekerja Kerajaan Negeri Sarawak di mana anggota-anggota atau pun ahli KOPERKASA ini berjumlah dekat 35,000 orang dan mereka berada di merata-rata tempat di Sarawak, misalnya, dari kawasan saya di Lawas yang di hujung sekali ada ahli, di Kuching, Sibul, Sarikei, Bintulu dan Miri. Dengan adanya perhubungan atau pun masalah pengangkutan di negeri Sarawak yang tidak begitu sempurna kalau dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia, untuk mengadakan satu mesyuarat agong tahunan dan mengikut peraturan yang ada sekarang ini, satu pertiga untuk KOPERKASA bermakna mereka mesti mengadakan mesyuarat agong tahunan dengan tidak kurang dihadiri oleh lebih 10,000 orang anggota. Kalau kita panggil lebih 10,000 orang untuk bermesyuarat

di Kuching, bermakna kita akan menelan belanja beratus-ratus ribu ringgit. Ini adalah masalah yang begitu ketara.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak berpeluang untuk bercakap, saya minta penjelasan. Saya hendak tahu 10,000 orang adalah satu pertiga daripada kuorum ahli koperasi yang ditubuhkan. Di bandar Kuching adakah Dewan yang boleh memuatkan 10,000 orang untuk mesyuarat koperasi atau pun mungkin mereka akan bermesyuarat di padang bola?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Terima kasih kepada saudara saya. Sebetulnya ini adalah satu masalah yang saya akan bangkitkan, tetapi oleh kerana telah diminta untuk dijelaskan, itulah sebabnya stadium yang besar sekarang ini hanya di Kuching, iaitu Stadium Negeri dan saya rasa kalau mengadakan mesyuarat agong tahunan di Stadium Negeri tidak begitu selesa. Itulah sebabnya saya berharap Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi dapat mengambil tindakan atau pun tekanan terhadap masalah ini dan setakat ini ada koperasi yang tidak dapat mengadakan mesyuarat agong tahunan oleh kerana kuorum tidak mencukupi.

Selain dari itu masalah fizikal negeri Sarawak, masalah kewangan, masalah perbelanjaan dan lain-lain, saya tidak akan bangkitkan. Yang penting di sini, yang saya ingin terangkan ialah masalah kuorum ini sekiranya ada pindaan koperasi

yang betul-betul ingin dilaksanakan di dalam sesuatu mesyuarat agung tahunan, saya harap dan saya rasa boleh dipakai dalam seksyen 18A(a) atau pun (b), ini adalah satu perkembangan yang begitu baik untuk koperasi dan sebelum saya menghalu kepada suatu yang akan saya sebutkan nanti, saya ingin minta sedikit penjelasan di sini, bagaimana mesyuarat agung tahunan untuk koperasi-koperasi yang saya sebutkan tadi dapat dilaksanakan sekiranya seksyen 18A(a) dan (b) di sini dan di Bahagian I dan II, kalau kita tidak dapat mengatasi masalah ini. Kerana saya baca di dalam seksyen 18A(1):-

“18A(1) Ketua Pendaftar boleh mengarahkan mana-mana koperasi berdaftar memanggil suatu mesyuarat agung, dalam tempoh yang akan dinyatakan olehnya yang tidak kurang daripada tiga bulan dari tarikh pemberitahuan yang diberikan olehnya, bagi maksud meminda undang-undang kecilnya jika Ketua Pendaftar berpuas hati bahawa:

- (a) mana-mana undang-undang kecil sesuatu koperasi berdaftar mempunyai tafsiran yang kabur atau yang meragukan dan berkemungkinan.....dan seterusnya;
- (b) sesuatu pindaan adalah perlu atau dikehendaki demi kepentingan koperasi berdaftar itu”.

Saya ingin minta penjelasan, sekiranya di dalam mesyuarat agung tahunan sesuatu koperasi yang telah ditangguhkan dua atau tiga kali, bolehkah seksyen

18A(b) ini di pakai oleh Ketua Pengarah? Kalau boleh saya ucapkan tahniah kepada Kementerian.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, iaitu ada satu seminar yang dianjurkan oleh Koperasi Pekerja Kerajaan Sarawak Berhad. Saya tekankan Koperasi Pekerja Kerajaan Sarawak oleh kerana ia melibatkan semua ahli-ahli ataupun anggota-anggota pekerja, dengan izin, the government servants of Sarawak. Oleh kerana itu, ada beberapa resolusi yang mereka hantar kepada kementerian khusus kepada menteri sendiri dan saya berharap sekiranya ada pandangan yang wajar dan bernas yang harus kita ambil perhatian. Di sini, saya ingin menyaran kepada kementerian dan juga kepada menteri supaya dapat menimbang ataupun mengambil perhatian mengenai resolusi-resolusi yang mereka majukan.

Mereka ada sertakan satu salinan resolusi kepada saya. Saya tidak ingin membaca oleh kerana panjang lebar. Hanya mengatakan di sini sebagai wakil rakyat, saya ingin supaya tujuan resolusi yang dimajukan sekiranya ada yang baik harus kita timbangkan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian oleh kerana dapat membentangkan pindaan seperti ini oleh kerana orang di Sarawak khususnya Lembaga Pengarah koperasi-koperasi yang telah berjumpa bersama-sama saya mengucapkan banyak terima kasih oleh kerana dapat membantu di dalam masalah ini. Sekian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

**7.32 mlm.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta ialah untuk mengemaskini Akta 1993 iaitu supaya koperasi boleh didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1995.

Persoalan yang timbul di sini, Tuan Yang di-Pertua, Akta Koperasi yang dikemukakan pada tahun 1993 adalah hasil daripada pandangan-pandangan ahli-ahli koperasi, lembaga pengarah dan juga pihak-pihak yang mengendalikan koperasi supaya ia dirumuskan satu akta dan akta itu digunakan untuk kemaskini perjalanan koperasi di Malaysia. Tetapi di dalam pindaan akta ini sebenarnya tidak ada sebarang resolusi seminar yang datang daripada gerakan koperasi. Ia datang daripada orang atas, khususnya Perdana Menteri dan beberapa orang lembaga pengarah yang ingin supaya koperasi mereka dikorporatkan. Tidak seperti Akta Koperasi tahun 1993, ia datang dari kehendak pemegang ataupun ahli-ahli koperasi itu sendiri.

Pindaan akta ini adakah diambil pandangan melalui seminar-seminar koperasi ataupun gerakan koperasi atau pandangan ANGKASA? Apa yang saya tahu bahawa tidak ada pandangan-pandangan mereka ini dipanggil. Ia adalah satu akta yang dibuldoz untuk kepentingan tertentu, untuk pihak-pihak yang ingin menukarkan koperasi kepada syarikat sendirian berhad.

Pindaan ini barangkali untuk memenuhi selera khasnya Perdana Menteri dan juga dikehendaki oleh beberapa orang lembaga pengarah KUB termasuk

Pendaftar Koperasi sendiri yang ingin sangat supaya Akta Koperasi ini dipinda kerana bagi mereka, selagi berada di dalam lembaga pengarah koperasi, fasilitas ataupun faedah-faedah kewangan tidak dapat diperolehi sebegitu hebat kalaulah mereka berada di lembaga koperasi dan sebaliknya setelah menjadi syarikat nanti, lembaga pengarah ini boleh menikmati faedah yang lebih.

Walaupun Akta 1993 telah dikemaskini untuk menahan penyelewengan, menjaga supaya tidak berlaku penyelewengan sebelum ini tetapi pindaan ini kita lihat tidak datang daripada hasrat koperasi itu sendiri ataupun ahli-ahli koperasi. Pindaan 1993 dahulu ialah untuk membolehkan juruaudit dalam menjaga koperasi, kuasa dalam mesyuarat agung, kuasa Ketua Pendaftar Koperasi. Bagi kita ianya sudah memadai tetapi pindaan ini kita lihat seolah-olah pihak kerajaan sendiri tidak yakin lagi dengan koperasi iaitu mereka lebih yakin kepada korporat pada masa yang akan datang.

Sekarang koperasi yang boleh dikawal dilepaskan untuk bergerak dalam suasana akta yang lain adalah kerana Akta 1993 menyekat sesebuah koperasi bergerak. Adakah akta ini dipinda kerana menyekat Akta Koperasi 1993 yang tidak membolehkan koperasi bergerak lebih maju. Kalau demikian, Akta Koperasi itu yang dipinda bukan kerana Akta Koperasi itu perlu dipinda, bukan mengeluarkan koperasi kepada Akta yang baru ataupun memindahkan kepada Akta yang baru.

Koperasi di luar negara boleh maju dengan kekal sebagai koperasi. Kenapa kita hendak tukar kepada syarikat sendirian berhad. Pindaan seksyen 71A untuk membolehkan koperasi ditukar kepada syarikat dengan hanya permohonan daripada satu persepuluh kehendak ahli atau kehendak lembaga sedangkan kita ingat bahawa pihak lembaga selalunya bila koperasi itu ditukar menjadi korporat, maka merekalah yang akan dapat menikmati hasil daripada pertukaran koperasi kepada syarikat.

Tadi, dikatakan oleh Ahli dari Sarawak bahawa kalau hendak mesyuarat 10,000 orang sebenarnya koperasi ada sistem perwakilan. Sistem perwakilan ini tidak semestinya semua ahlinya hadir, cukup dengan perwakilan dan sekarang satu pertiga. Untuk meminda undang-undang kecil koperasi memerlukan satu pertiga anggota tetapi sekarang untuk memindahkan koperasi kepada syarikat hanya memerlukan satu persepuluh. Sepatutnya paling kurang ia memerlukan dua pertiga kehendak ahli barulah boleh ditukarkan koperasi kepada syarikat.

Saya sendiri tidak faham kenapa ia perlu ditukarkan sedangkan koperasi berhak menubuhkan anak-anak syarikat. Anak-anak syarikat koperasi ini boleh beroperasi sebagai sendirian berhad. Dengan koperasi induknya menanam saham 30%, 40% atau 50% untuk menentukan arus anak syarikatnya berjalan di atas landasan koperasi ataupun dalam landasan syarikat yang dikontrol oleh ibu iaitu induk koperasi itu. Yang perlu ialah banyakkkan anak-anak syarikat yang bertaraf

sendirian berhad, bukan meminda keseluruhan koperasi itu kepada satu syarikat ataupun satu syarikat korporat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** 10 minit sahaja, tolong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari sahabat saya. Adakah saudara telah merujuk kepada seksyen 71A subseksyen 7 yang mengatakan, “Sebaik sahaja habis tempoh yang disebutkan di bawah Perenggan 6A dan Ketua Pendaftar berpuas hati bahawa tiga perempat dari anggota-anggota itu telah bersetuju”.

Jadi, tidak benarlah untuk membubarkan sesuatu koperasi, ada satu per sepuluh daripada ahli. Bermakna tiga perempat dari semua ahli lebih banyak daripada jumlah yang saudara pohon. Saudara hanya minta setengah dari jumlah ahli.

Saya harap saudara dapat merujuk kepada muka surat 6 dalam Akta ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, ia ada ‘atau, atau, atau, atau keputusan lembaga pengarah’. Jadi, kena tengok di situ subseksyen-subseksyen yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, jadi bila koperasi naik dengan modal yang kecil, orang-orang kampung, tentera, polis melabur RM100, RM50, RM1,000, RM2,000. Bila besar ia jadi korporat. Apa jaminan bila sudah jadi korporat nanti bahawa syarikat-syarikat itu tidak dibeli oleh syarikat-syarikat gergasi seperti Renong, PLUS dan sebagainya yang akhirnya fungsi koperasi itu telah berpindah kepada syarikat korporat di mana kita lihat syarikat-syarikat ‘giant’ ini yang akan menguasai koperasi.

Akta ini, kalau dilihat mereka yang telah berjuang dalam koperasi begitu lama, memperlihatkan bahawa kerajaan negeri tidak yakin lagi dengan sistem koperasi kerana begitu terpengaruh dan tunduk dengan kehendak-kehendak korporat sekarang ini. Jadi, misalnya Koperasi Polis, Koperasi Tentera, KUB yang besar-besar dan sebagainya bila jadi korporat nanti, apa jaminan untuk mengekalkan bahawa ia menjaga kepentingan ahli dan saham-sahamnya tidak dibeli oleh syarikat-syarikat besar dan akhirnya fungsi koperasi itu hilang terus dan jadi hak-hak syarikat.

Jadi, inilah perkara-perkara yang perlu direnung, yang perlu dilihat dan kenapa saya katakan tadi bahawa pindaan-pindaan ini dibuat dengan sebegitu rupa, tidak seperti pindaan tahun 1993 iaitu pandangan-pandangan mereka yang terlibat dalam gerakan koperasi diambil kira; pandangan Ungku Aziz, pandangan-pandangan orang lain. Tetapi saya tahu bahawa pindaan ini tindakan “buldoz”.

Kali ini buldoz. Pihak-pihak yang berjuang dalam koperasi terkejut. Bila mereka dengar, hendak dipinda dan hendak dipinda pula ke arah korporat.

Kenapa kelemahan-kelemahan yang ada di dalam koperasi itu, tidak dipinda Akta itu untuk membolehkan koperasi berjalan dengan baik? Kenapa dipinda untuk menjadikan syarikat korporat, sedangkan kita tahu koperasi boleh menubuhkan anak-anak syarikat untuk anak-anak syarikat itu bertindak sebagai syarikat sendirian berhad, dengan koperasi induknya masih lagi control perjalanan anak-anak syarikat itu? Ini persoalan mereka yang berjuang dalam koperasi dan mereka lihat bahawa Akta ini adalah penggadaian kepada prinsip koperasi yang kita lihat sekarang ini bahawa keyakinan terhadap koperasi mulai luntur di Malaysia sekarang.

Oleh itu, saya tidak bersetuju dengan pindaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena.

**7.41 mlm.**

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian di dalam pindaan Akta Koperasi 1993.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana meminda Akta ini demi untuk kepentingan koperasi-koperasi yang besar. Tetapi saya ingin mengemukakan beberapa perkara sebab apabila koperasi-koperasi ini, dengan dana yang besar

hendak dijadikan syarikat, saya ingin tahu, apabila menjadi syarikat, siapakah yang akan bertanggungjawab?

Sebab bila menjadi syarikat, koperasi ini sudah tidak lagi berada di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Ia akan menjadi sebuah syarikat dan kita tahu, apabila menjadi sebuah syarikat, duit yang datang daripada orang ramai ini akan ditadbirkan oleh Pengarah-pengarah. Kalau kita tahu syarikat - seorang Pengerusi atau pun Managing Directornya mempunyai 50% atau 30% saham. Dia akan mengambil berat sebab ini syarikatnya dan dia mempunyai modal yang besar.

Tetapi wang daripada koperasi ini, di mana sama banyak ini, siapa akan mengambil tahu tentang syarikat yang datangnya dari koperasi ini? Siapa yang akan mengambil tahu dan siapa yang akan mengawalselia? Sebab apabila dijadikan syarikat, sudah tentu syarikat ini akan dipublic listing atau barangkali akan berada di bawah Kementerian Kewangan.

Adakah Kementerian Kewangan akan sentiasa mengawalselia ini sebab ini adalah duit koperasi? Jadi, saya setuju dengan pindaan Akta ini sebab kita tahu bahawa apabila koperasi ini, dengan dana yang besar, memang kalau kita menceburkan diri dalam perniagaan yang lain, barangkali keuntungannya lebih besar. Tetapi apa yang saya ingin tahu, apabila menjadi syarikat ini, siapakah yang akan mengawalselia supaya ahli-ahli koperasi seperti yang dibangkitkan tadi - ahli-

ahli koperasi ini sentiasa mendapat layanan adil dan wangnya yang terkumpul akan sentiasa mendapat pembahagian keuntungan.

Saya tidak mahu berucap panjang. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ledang.

**7.45 mlm.**

**Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta Koperasi ini dan saya yakin langkah untuk mengemaskinikan Akta Koperasi ini adalah dilakukan di atas niat yang baik dan berpandangan jauh.

Misalnya Fasal 3 yang memasukkan satu seksyen baru 18A yang memberi kuasa tambahan kepada Ketua Pendaftar untuk mengarahkan mana-mana koperasi berdaftar memanggil satu mesyuarat agung bagi meminda mana-mana undang-undang kecilnya yang mempunyai tafsiran yang kabur dan meragukan adalah satu langkah yang saya rasa bijak.

Fasal 5, seksyen 71A juga yang memberikan peruntukan bagi sesuatu koperasi berdaftar boleh dibubarkan untuk penyusunan semula sebagai sebuah syarikat adalah bertujuan untuk memberi kebaikan kepada ahli-ahli koperasi untuk jangka masa panjang dan sebagai persiapan untuk mereka berhadapan dengan satu suasana yang lebih kompetitif sebagai sebuah syarikat.

Sistem pemilihan ahli-ahli Lembaga Pengarah daripada kalangan ahli-ahli koperasi yang kebanyakannya tidak memiliki kemahiran yang khusus dalam aspek

pengurusan koperasi telah tidak memungkinkan koperasi-koperasi kita berkembang dan berdaya maju. Oleh itu, langkah meminda Fasal 5 seksyen 71A Akta Koperasi ini yang memberi kuasa untuk sesuatu koperasi berdaftar boleh dibubarkan untuk tujuan penyusunan semula sebagai sebuah syarikat adalah amatlah wajar dan timely, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Fasal 3(2) yang berbunyi;

“Jika tiada mesyuarat agung dipanggil dalam masa yang dinyatakan, Ketua Pendaftar boleh meminda Undang-undang Kecil Koperasi berdaftar itu atas usulnya sendiri dan apa-apa pindaan yang dibuat hendaklah disifatkan sebagai pindaan berdaftar di bawah seksyen 18”.

Yang ingin saya sentuh di sini ialah, tujuan memanggil sesuatu mesyuarat agung itu ialah untuk membolehkan ahli-ahli memberikan pandangan pro dan kontra di atas sesuatu isu yang dibangkitkan dan memberikan mereka peluang untuk berhujah terhadap sesuatu cadangan yang berkaitan dengan undang-undang kecil itu dan seterusnya dirumuskan sebagai satu keputusan dan persetujuan bersama.

Tetapi di dalam kes ini, jika mesyuarat itu gagal diadakan dalam tempoh yang ditetapkan, Ketua Pendaftar boleh meminda Undang-undang Kecil Koperasi tersebut atas usulnya sendiri. Ini seolah-olah memberikan kuasa mutlak kepada

Ketua Pendaftar untuk meminda Undang-undang Kecil Koperasi dan keputusannya dalam konteks pindaan undang-undang kecil ini mestilah diterimapakai oleh koperasi-koperasi itu dan bersifat muktamad.

Saya bimbang cara ini juga nanti akan menimbulkan kesulitan dan akan menimbulkan banyak kekeliruan dan keraguan yang mungkin akan mencetuskan perbalahan yang berpanjangan di antara pihak Pendaftar dengan koperasi-koperasi yang dipaksa menerima pindaan undang-undang kecil ini.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya di pihak Ketua Pendaftar mestilah dibantu oleh sebuah Jawatankuasa Panel Pindaan Undang-undang Kecil Koperasi yang terdiri daripada tokoh-tokoh koperasi yang arif tentang suasana, tentang persekitaran dan masalah dalaman sesuatu koperasi yang terlibat atau pun koperasi secara umumnya.

Lebih baik lagi jika dapat dijemput sekurang-kurangnya seorang wakil yang berwibawa daripada koperasi yang terbabit itu untuk bersama-sama membincangkan apa-apa perkara yang perlu dipinda dalam Undang-undang Kecil Koperasi berkenaan bagi menjamin bahawa prinsip pertanggungjawaban bersama atau pun akauntabiliti dalam konteks pindaan ini dapat dilaksanakan dan dipikul secara kolektif, dengan izin, dan bukan dilakukan oleh mana-mana orang perseorangan dan memaksa pihak yang ramai mematuhinya.

Dengan cara ini, sekurang-kurangnya prinsip syura atau pun musyawarah yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah koperasi dapat dihormati dan sekali gus dapat mengelakkan sebarang keraguan dan kekeliruan dan ahli-ahli tidak merasakan diri mereka terpaksa menerima pindaan-pindaan Undang-undang

Kecil Koperasi mereka sendiri. Lebih-lebih lagi jika ada perkara-perkara di dalam pindaan itu yang tidak sesuai dengan suasana dan persekitaran tempatan masing-masing.

Tujuan pindaan Akta Koperasi yang berniat baik ini sudah tentu tidak mahu mencetuskan sebarang perbalahan dalam apa bentuk sekali pun dengan mana-mana koperasi yang berdaftar di negara kita ini. Tujuan pindaan ini adalah untuk membantu mereka mengendalikan koperasi masing-masing dengan cekap dan efisien dan tidak sekali-kali bertujuan untuk memaksa menerima secara muktamad apa-apa keputusan dari mana-mana pegawai tertentu.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bagaimanakah jika kurang daripada tiga perempat bersetuju untuk koperasi mereka ini dibubarkan? Apakah tindakan jikalau kurang dari tiga perempat bersetuju untuk koperasi mereka ini dibubarkan?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali menyokong pindaan Akta Koperasi ini dan saya rasa ianya dilakukan di atas niat yang baik dan untuk kepentingan seluruh ahli-ahli koperasi kita.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Wangsa Maju.

**7.52 mlm.**

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut menyokong pindaan kepada Akta Koperasi ini kerana tujuannya

memanglah sangat tepat pada masa dalam keadaan ekonomi kita semakin maju dan canggih. Tetapi implikasi daripada pindaan ini sangat besar dalam konteks perkembangan pergerakan koperasi sendiri dan juga implikasi yang telah pun ditimbulkan secara terperinci dari setengah Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, saya rasa sungguh meyakinkan apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri di dalam penyampaiannya tadi bahawa beberapa jaminan perlu dipastikan supaya pindaan ini tidak membuka ruang kepada macam-macam tindakan di peringkat koperasi yang berminat untuk mengkorporatkan koperasi tersebut ataupun menjadi sebuah syarikat.

Antara isu yang saya ingin bangkitkan ialah perkara berkaitan dengan kriteria-kriteria yang akan digunakan dalam memastikan kemungkinan sesuatu koperasi itu berubah atau disyarikatkan. Sebab ini sangat penting diawasi dengan rapi dan teliti oleh pihak yang berkuasa.

Pertamanya, saya kurang jelas tadi dalam penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan “dalam keadaan-keadaan yang tertentu bahawa sesebuah koperasi yang telah mendapat saranan daripada ahlinya 10% ataupun dari pihak lembaganya sendiri untuk dikorporatkan ataupun diubah untuk dijadikan syarikat”. Kerana dalam ucapan Timbalan Menteri tadi hanya menyentuh tentang satu sahaja iaitu koperasi-koperasi ini mungkin terlalu ramai ahlinya, maka kecekapan mengurus ataupun menjalankan, mengambil keputusan, mesyuarat dan sebagainya mungkin terhad. Tetapi tidak ada lain, jika ini sahajalah bermakna hanya

melibatkan beberapa buah koperasi yang besar-besar sahajalah, walhal ahli ANGKASA begitu banyak.

Bagaimanapun, saya rasa perlu pihak berkuasa bagi akta ini iaitu Ketua Pengarah Koperasi dan kementerian sendiri mengkaji lebih luas lagi apakah syarat-syarat yang lebih ketat yang perlu dikenakan untuk tujuan ini termasuk bukan sahaja isu keahlian yang terlalu ramai tetapi mungkin aset koperasi-koperasi itu terlalu besar dan kemungkinan oleh kerana aset ini terlalu besar, Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada kalangan; bukan hendak menuduh kepada sesiapa ahli tertentu ataupun yang lain-lain; berpolitik untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah dan sebagainya dan dengan itu akan merosakkan kedudukan koperasi tersebut sebab aset yang begitu besar.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya sudah bangun dua-tiga kali tidak mendapat peluang. Saya hendak minta penjelasan dari sahabat saya dari Wangsa Maju, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada satu ketika pergerakan koperasi negara ini menjadi lembab dan lumpuh oleh kerana permainan politik? Dan tidak mungkinkah pindaan ini memberi satu ruang keluar ataupun way out, dengan izin, kepada mana-mana koperatif yang merasakan dirinya besar untuk terkeluar daripada perundangan koperatif meneroka alam korporat dan pada waktu yang

sama mengelakkan dirinya daripada hancur oleh kerana politicking di kalangan Lembaga Pengarah?

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya sangat bersetuju dengan hujah ini yang dibangkitkan oleh rakan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Kerana inilah sebabnya saya minta kita huraikan dengan lebih lanjut kriteria-kriteria dan penilaian yang ketat apabila kita cuba menilai mana-mana satu yang perlu diberi keputusan oleh Ketua Pengarahnya untuk tujuan meluluskan permintaan untuk dikorporatkan. Kerana memanglah soal politik ini menjadi gejala yang sungguh mengancam mana-mana koperasi termasuk nama-nama yang kita tahu terlibat dalam sejarah, termasuk KUB sendiri dalam sejarahnya dan MPHBE dulu sebelum dikorporatkan juga begitu.

Jadi, soalnya kriteria-kriteria ini termasuk juga kriteria di mana pengembangan aktiviti dan perniagaan koperasi itu memerlukan ia memindah status kerana dengan keadaan statusnya sebagai koperasi mungkin terbatas. Juga dengan usaha untuk menggembelngkan pasaran modal, perkara ini adalah perlu diambil kira saya rasa oleh penguasa akta ini supaya semua aspek diambil kira supaya permohonan untuk penukaran status seperti ini tidak dibuat sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak timbulkan berkaitan hal ini ialah perenggan 71A(2) dalam pindaan ini yang menyebut tentang bagaimana pihak Ketua Pendaftar akan menangani isu permohonan daripada

mana-mana pihak. Perenggan dua mengatakan, “Jika Ketua Pendaftar telah menerima lebih daripada satu permohonan di bawah subseksyen (1) ia hendaklah mempertimbangkan di antara permohonan-permohonan yang memenuhi kehendak-kehendak subseksyen ini iaitu mengikut syarat-syarat yang disebutkan dalam pindaan ini”. Permohonan yang pertama diterima oleh pejabat Ketua Pendaftar itu yang perlu dipertimbangkan. Seolah-olah membawa maksud dengan izin, dibuat pertimbangan on “first come, first serve” basis. Ini akan menimbulkan masalah apabila ada lebih daripada satu pihak yang mempunyai kepentingan sama ada dalam Lembaga ataupun luar Lembaga atau di kalangan ahli. Ini mungkin menimbulkan berbagai isu yang seharusnya bukan dibincang mengikut first come, first serve tetapi mengikut merit yang diketengahkan oleh pihak-pihak tersebut. Saya rasa ini perlu penjelasan daripada pihak kementerian supaya satu lagi cara orang mengambil kesempatan tidak dapat berlaku dalam keadaan seperti itu.

Itu sahaja dua perkara yang saya hendak kemukakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Parit Sulong.

**7.58 mlm.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berucap untuk menyokong akta ini saya mohon izin di atas Peraturan Mesyuarat 31(6) oleh kerana saya adalah salah seorang Ahli Lembaga Pengarah satu koperasi dalam negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya hendak ingatkan Yang Berhormat yang berkenaan supaya berhati-hati dalam perbahasan nanti supaya tidak ada sebarang percanggahan dari segi kepentingan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekadar untuk menyokong dan menyatakan bahawa pindaan ini adalah satu pindaan untuk mencerminkan satu lagi prinsip demokrasi yang menjadi teras kepada kegiatan koperasi itu sendiri. Di mana di dalam akta ibu iaitu Akta Koperasi 1993, 71(1) memang ada satu peruntukan yang membolehkan sesuatu koperasi itu untuk dibubarkan. Tetapi peruntukan 71(1) dalam Akta 502, Akta Koperasi 1993 adalah satu pembubaran sekiranya koperasi itu menemui jalan buntu ataupun tidak lagi boleh beroperasi, dalam kata yang lebih singkat adalah rugi dan tidak lagi boleh berfungsi.

Jadi, dalam akta ini diwujudkan satu lagi peruntukan iaitu seksyen 71A. Di sini pula ada satu peruntukan (clause) yang membolehkan sesebuah koperasi keluar ataupun dibubarkan untuk membolehkan dirinya, membebaskan dirinya kepada satu corak perniagaan yang terkeluar daripada perundangan koperasi ataupun dengan singkatnya meneroka dunia korporat.

Jadi, ini adalah satu pencerminan elemen-elemen demokrasi yang menjadi teras dan tunggak kepada amalan koperatif itu sendiri. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya, saya juga ingin menyokong akta ini, oleh kerana sekiranya tidak ada seksyen 71A, koperasi yang besar asetnya, koperasi yang mempunyai dana modal yang besar, koperasi yang mempunyai anggota keahlian yang besar, mereka akan terkongkong dengan seksyen 19, Akta Koperasi 1993 yang mengatakan “tiada koperasi berdaftar boleh membentuk, mempunyai, memperoleh atau memegang subsidiari tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Ketua Pendaftar.” Jadi, Akta Koperasi 1993 berbentuk restrictive, bermakna begitu menyekat. Oleh kerana latar belakangnya adalah untuk membentuk pertubuhan koperatif yang prudent, pertubuhan koperasi yang tidak diselewengkan iaitu pertubuhan koperasi dan gerakan koperasi yang boleh memberi manfaat kepada ahli-ahlinya.

Persoalan di sini, sekiranya pertubuhan dan pergerakan koperasi adalah diuruskan secara berkhidmat ataupun prudent, bermakna pertubuhan koperasi itu dijalankan mengikut lunas-lunas koperasi, membawa untung. Apabila menjadi untung, menarik lebih ramai ahli, menjadi besar, menjadi gergasi, adakah koperasi ini mahu terus begitu atau diizinkan untuk diberi jalan keluar membebaskan diri, untuk meneroka entiti perniagaan yang lain iaitu bercorak korporat, sebab itulah diwujudkan.

Pada pandangan saya, subseksyen 71A sebagaimana juga wujud 71 jalan keluar apabila kita muflis, 71A adalah jalan keluar, apabila koperasi itu menjadi

gergasi dan ingin membebaskan diri dan menerokai alam korporat. Itu argument kita.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Rompin.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Silakan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Parit Sulong, sebelum Yang Berhormat berhujah tadi ada rakan dari pihak PAS yang mengatakan bahawa dengan Fasal 5, atau seksyen 71A, 71B dan 71C ini menolak dan menggadaikan kepentingan ahli. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini tidak benar, sebab apa untuk akta ini menukar cara bergerak dia daripada koperasi kepada satu badan korporat memerlukan  $\frac{3}{4}$  keputusan ahli, dia mesti ada mesyuarat agung  $\frac{3}{4}$  bersetuju, bermakna pembubaran ini, penukaran warna atau gerak langkah ini hanya boleh dibuat seandainya  $\frac{3}{4}$  daripada ahli bersetuju, bermakna tidak benarlah mengatakan bahawa peruntukan ini membelakangkan dan mengabaikan kepentingan ahli. Apa pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong dalam perkara ini?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kebijaksanaan memang sentiasa berada di pihak parti-parti pemerintah sebagaimana yang tercermin oleh hujah sahabat saya.

Sebenarnya Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi mengatakan, mengapa wujud pindaan ini? Mengapa pindaan ini tidak berlatarbelakangkan seminar, kongres dan desakan? Adakah sesuatu pindaan harus berlatar belakangkan itu semua, tidakkah satu pindaan juga dilakukan secara proaktif, secara preemptive, secara kita memandang ke hadapan apa yang boleh berlaku dan mungkin berlaku ke arah kecemerlangan sebagaimana yang dituntut oleh negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pendapat sahabat saya dari Rompin kerana hujah-hujah pihak PAS tadi adalah hujah yang sempit, hujah yang umpama kuda memakai blinkers, bermakna dia memakai topeng, dia tidak boleh toleh pandang kanan dan kiri. Walaupun dunia dan Perdana Menteri meneroka kita, semua business venture negara ini membina satu horizon yang lebih luas, supaya dunia ini dijadikan horizon kita.

Jadi, sekiranya Akta Koperasi 1993 yang restrictive dengan latar belakang untuk mengelakkan penyelewengan, tidak memberi satu jalan keluar kepada koperasi yang bergerak cergas berpotensi dan mempunyai kemampuan untuk maju, tidakkah ini ertinya ini tidak demokratik? Perkara ini kepada saya harus diambil kira dengan sehalus-halusnya, dan dengan seikhlas-ikhlasnya. Oleh itu saya harap Yang Berhormat dari Kubang Kerian akan membaca *Hansard* ini dan dapat dapat melihat hakikat ini dengan sebenar-benarnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang ditegaskan oleh sahabat saya akta ini memberi jalan keluar kepada koperasi yang berpotensi, yang bertenaga yang berdaya maju untuk membebaskan diri dari alam koperatif, meneroka alam perniagaan korporat bukan sahaja dengan syarat-syarat yang ketat, bukan sahaja syarat-syarat mesti ada persetujuan daripada tiga per empat ahli, satu per empat ahli yang tidak bersetuju pun diberi alternatif dan pilihan perlindungan menerusi pindaan ini. Umpamanya sekiranya tiga per empat sahaja yang setuju dan satu per empat tidak setuju. Satu per empat itu juga mempunyai hak di dalam akta ini, bukan itu sahaja banyak lagi pra-syarat yang ketat sehingga korporasi ini juga dituntut mengetengahkan, mengumpulkan skim-skim, bermakna dengan izin, the structure, the proper structure, skim-skim yang dicadangkan untuk dia membebaskan diri bagaimanakah persiapannya dan segala-galanya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Sekiranya ini tidak memenuhi prasyarat yang dituntut oleh Ketua Pendaftar Koperasi, maka segala wang ringgit yang dibelanjakan untuk membebaskan diri itu juga akan terbakar dan tindakan itu menjadi sia-sia, bermakna segala-galanya mempunyai mekanisme, kawalan yang saya rasa diwujudkan secara rapi semata-mata untuk mereflectkan ataupun mencerminkan semangat demokrasi yang lebih menerusi Akta Koperasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kepong.

**8.08 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1995 ini merupakan satu pindaan yang sangat mempunyai implikasi dan consequence yang besar, kerana kita mempunyai kira-kira 3,288 buah koperasi di negara ini dengan aset-aset berjumlah kira-kira RM7 bilion dan modal lebih RM2 bilion. Ini merupakan satu sektor yang besar dan membabitkan kira-kira 3.5 juta anggota - sebahagian besar daripada masyarakat Malaysia, dan dengan membuka pintu, membolehkan koperasi-koperasi menceburkan diri di dalam sektor korporat. Ini bermakna kita mesti berusaha untuk memberi pendidikan, kawal seliaan yang ketat dan langkah-langkah yang lebih tegas untuk membolehkan koperasi-koperasi menceburkan diri dalam sistem korporat yang setakat ini kebanyakannya tidak faham apa diperlukan untuk sektor korporat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan dua tiga perkara dalam masa 10 minit ini.

Yang pertamanya, di antara koperasi 3,288 ini, hampir separuh iaitu lebih kurang 1,500 koperasi yang tidak mengemukakan penyata tahunan. Ini merupakan satu perkara yang penting sebab kalau ikut sistem yang ada sekarang mereka tidak

dapat memenuhi syarat yang utama, akauntabiliti. Kalau kita menceburkan diri dalam sektor korporat, kita mesti beramanah, mesti ‘bercekap’ dengan pengurusan dan pentadbiran yang moden. Tetapi nampaknya hampir separuh tidak mempunyai akauntabiliti, ‘kebertanggungjawapan’ yang tidak wujud, hampir separuh, macam mana kita dapat menceburkan diri di dalam sektor korporat, Rompin cuba kita bilang, macam mana kita boleh buat?

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada masalah, masa ada 10 minit sahaja, injury timelah.

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masa tak ada, sepuluh minit sahaja, injury timelah.

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya kagum dengan Yang Berhormat dari Kepong. Dia bercakap, bercekap. Saya tak faham bercekap, macam mana? Kerana terlalu malamkah atau apa ini. Ada satu perkataan barukah dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang dikemukakan oleh Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang cekaplah.

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Cakap baru.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Beramanah dan cekap. Itu pun nak soal.[*Ketawa*]  
Larut malam nak soal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak mencadangkan supaya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengadakan pasukan-pasukan audit untuk mengkaji akaun-akaun koperasi. Kerana ini penting. Kalau kita tak buat, saya tak tahulah macam mana kita dapat membuka pintu yang begitu besar bagi koperasi-koperasi.

Saya pun hendak mencadangkan satu tindakan yang lebih tegas terhadap koperasi-koperasi yang cuai. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat ini daripada 3,288 koperasi ini, peratusan yang masih tidak kemukakan penyata tahunan? Kalau mereka masih tidak mengemukakan penyata tahunan, kita mesti mengambil tindakan yang tegas. Setahu saya tindakan yang boleh diambil termasuk menghadap mereka ke mahkamah tidak mencukupi. Apakah sebab-sebab mereka tidak mengemukakan penyata tahunan? Kalau dikemukakan tidak semestinya penyata tahunan ini diisi dan dibuat dengan cekap dan betul, tidak. Sebab itulah saya mencadangkan satu cadangan di mana pihak kementerian mengadakan pasukan-pasukan audit yang baik, yang efisien untuk mengkaji akaun-akaun koperasinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan - ini satu cadangan, saya ada cadangan yang bernilai dan bernas.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** 35(1). Bila bercakap, tengok kepada Yang di-Pertua, tak boleh tengok saya.*[Ketawa]* Apa ini Yang Berhormat dari Kepong, sudah malam meleret-leret. Sepuluh minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jangan buang masa saya. Saya nak cakap mengenai kementerian....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, Kepong ini waktu siang dia bercakap bahasa lain, malam dia bercakap bahasa lain. Jadi, minta cepatlah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**Ya, sila Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Nak cepat, jangan ganggulah. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak membuka peluang kepada koperasi menjadi syarikat mengubahkan struktur mereka, maka hal pengurusan dan pentadbiran mesti diselesaikan. Saya tak tahulah macam mana pihak kementerian boleh melaksanakan pengubahsuaian ataupun perubahan struktur, kerana ini sangat rumit, bertahun-tahun mereka mewarisi sistem struktur yang lama. Kalau kita

hendak adakan sistem pengurusan dan pentadbiran yang moden sesuai dengan hasrat untuk menceburkan dalam venture-venture multinasional.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap sebelum saya habis ayat saya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Nak buat cadangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Nak buat cadangan. Kalau dia ganggu, tak dapat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak gulung juga. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, pihak koperasi ini mesti boleh menyerap profesional-profesional dan pekerja-pekerja mahir di dalam pengurusan dan pentadbiran. Adakah cadangan kementerian untuk mengadakan sekolah ataupun maktab khusus untuk koperasi melatih profesional dan pekerja-pekerja mahir untuk membantu koperasi-koperasinya. Sebab saya tak nampak kebolehan atau kemampuan koperasi-koperasi ini untuk menarik profesional-profesional dan pekerja-pekerja mahir.....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Kepong sama ada beliau pernah hadir atau tidak ke maktab koperasi yang ada di Petaling Jaya, maktab kerjasama.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah hadir di dalam maktab itu, tetapi kalau maktab itu ada memainkan peranan, mengapa masih ada 50% koperasi tidak menghantar penyata tahunan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa cukup, Yang Berhormat. Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan gulung.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Dua orang yang bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Janganlah, masa sudah cukup, berilah peluang sedikit. Saya nak mengemukakan cadangan yang bernas, bernilai dan berguna.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sudah tiga kali gulung, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Beri dia setengah minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada maktab itu, adakah maktab ini akan diubahsuai untuk melatih profesional dan pekerja-pekerja. Saya berterima kasih kepada Timbalan Menteri.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana tak tahu pula!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa cukup, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, dua tahun yang lepas pihak koperasi, kementerian mengadakan satu kempen untuk mengadakan piagam pelanggan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:**.....tetapi saya hendak bertanya di sini, adakah piagam pelanggan ini mendapat hasil yang baik.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, sekejap, Rompin bangun. Masa Yang Berhormat sudah jauh lebih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tak ada masa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Okay, tak ada masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ayat yang terakhir, apakah yang terjadi terhadap kempen piagam pelanggan untuk koperasi, adakah ini berjaya ataupun tidak? Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:***[Bangun]*

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Masa kita terlalu suntuk, Yang Berhormat. Masa kita sudah suntuk nampaknya. Saya tak tahu macam mana hendak beri peluang. Lima minit seorang, boleh? Yang belakang dahulu.

**8.08 mlm.**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pergerakan koperasi di negara ini dikenalkan dalam tahun 1922. Tujuan asalnya ialah untuk menolong diri sendiri berdikari dan pengemblengan kebolehan usaha dan fikiran ke arah kejayaan. Latar belakang gerakan ini ialah kerana ketika itu kehidupan orang Melayu yang tercicir dan terhimpit oleh dasar-dasar kolonialis yang berpandangan negatif terhadap kemampuan mereka. Ini dalam tahun 1922. Sekarang 1995, tentulah orang-orang Melayu tidak lagi berpandangan begitu. Secara peribadi saya seorang yang sentiasa menganggap gerakan koperatif itu sebenarnya adalah satu gerakan yang pada satu segi sudah merupakan satu gerakan yang sudah ketinggalan zaman.

Sebab sekarang ini kita tahu, orang-orang Melayu telah pun banyak yang menceburkan diri dalam bidang korporat dan berjaya.

Jadi, dalam hubungan ini, pindaan yang dicadangkan ini sebenarnya adalah sesuatu yang far sighted, dengan izin, suatu pindaan yang memandang ke hadapan. Dalam keadaan sekarang, saya setuju dengan pandangan sahabat saya dari Parit Sulong bahawa Akta induk yang ada sekarang sebenarnya adalah terlalu restrictive. Dalam erti kata segala sesuatu yang hendak dilaksanakan harus dirujuk kepada Ketua Pendaftar Koperasi, di samping mendapat persetujuan daripada para ahli menerusi mesyuarat agung dan sebagainya. Jadi, tentulah dalam kepesatan ekonomi yang begitu rancak sekarang, kita tidak boleh membuang masa untuk mengambil keputusan yang melibatkan perdagangan ataupun perniagaan.

Jadi, terdapat sebenarnya dua 'schools of thought', dengan izin. Para pendukung koperasi yang satu itu memang bersetuju dalam keadaan sekarang, sebab mereka bimbang kalau-kalau terdapat penyelewengan. Jadi, untuk mengelakkan penyelewengan ini, kita harus ada peruntukan-peruntukan untuk menjamin pengawalseliaan yang lebih ketat. Tetapi lagi satu 'school of thought' yang mahukan supaya koperasi bergerak seiring jalan dengan pertubuhan-pertubuhan korporat yang lain, untuk menentukan keuntungan semaksimum mungkin daripada dana para pelabur yang disimpan dalam koperasi.

Jadi, saya rasa pindaan ini terutama seksyen 71A sebenarnya adalah sebagai satu ubat untuk mengubati dilema yang dihadapi oleh setengah-setengah koperasi

terutama yang besar-besar. Dan yang sebenarnya, telah pun menunjukkan kemampuan untuk menceburkan diri secara aktif dan secara profesional dalam bidang korporat.

Jadi, pengstrukturkan semula itu sebenarnya yang dibolehkan di bawah seksyen tambahan ini, dengan sendirinya menyelesaikan masalah yang timbul selama ini, masalah keadaan serba-salah yang dihadapi oleh setengah-setengah koperasi yang begitu tidak puas hati dengan keadaan sekarang, yang menurut mereka terlalu menyekat.

Satu lagi yang ingin saya timbulkan di sini ialah tentang melesetnya ataupun kurangnya minat terhadap gerakan koperasi. Kalau kita lihat dalam tahun 80-an, semasa itu memanglah pergerakan koperasi bertambah begitu rancak, tetapi setelah berlakunya 'fiasco' koperasi pengambil deposit dalam tahun 1988, minat orang ramai terhadap koperasi itu sebenarnya telah menurun dan saya rasa langkah yang diambil oleh kementerian untuk mencadangkan pindaan sekarang ini merupakan langkah yang menepati permintaan sebahagian besar daripada ahli-ahli koperasi.

Jadi, saya rasa itulah sahaja yang ingin saya timbulkan, cuma satu perkara lagi yang saya ingin minta, walaupun di bawah pindaan ini koperasi yang berminat untuk mengstrukturkan semula gerakan mereka boleh memohon kepada Ketua Pendaftar Koperasi, kebenaran untuk mengubah struktur ini, saya ingin tekankan di sini semoga Ketua Pendaftar Koperasi bersikap lebih selektif dalam meluluskan permohonan ini. Sebab kita bimbang kalau lulusnya nanti peruntukan ini, ia akan

menjadi satu ‘flood gate’, dengan izin. Saya takut nanti semua koperasi yang ada di negara ini berlumba-lumba untuk mengubah struktur mereka, sebab walaupun sebenarnya dunia korporat itu menjamin keuntungan yang lebih besar, tetapi ia tidaklah semudah yang dianggap.

Jadi, dengan itu saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Gelang Patah, selepas ini kementerian akan menjawab.

### **8.23 mlm.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk membahaskan pindaan Akta Koperasi 1993 yang mana saya berkeyakinan ini adalah selaras dengan kehendak perkembangan pembangunan koperasi serta pertumbuhan ekonomi negara kita ini menjelang tahun 2020. Berkenaan dengan kehendak semasa, saya berpendapat apa yang diusahakan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk meminda akta ini adalah amat disokong dan saya tidak tahu bagaimana pihak pembangkang yang mana kita tadi dengar hujah-hujah mereka, mereka sentiasa memandang secara negatif, tidak sebegitu pandangan-pandangan daripada Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional. Ini kita harap mereka akan menukar sikap. Kita sebagai manusia mesti sedia mengikuti perubahan supaya kita dapat maju, ini satu faktor yang penting untuk kita memajukan negara kita ini. Saya harap mereka akan menukar sikap mereka.

Berkenaan dengan fasal yang berkenaan, saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit cadangan tentang Fasal 3 yang mana pihak Ketua Pendaftar Koperasi diberikan kuasa cukup besar yang mana bila beliau dapati ada undang-undang kecil sesuatu koperasi itu yang tidak akan mendatangkan manfaat kepada ahli-ahli mereka, dia akan memberi perintah supaya meminda undang-undang kecil itu, tetapi jika pihak koperasi tidak mengikutinya, dia boleh mengambil tindakan pro-aktif untuk memindahkannya. Dan ini adalah satu cara yang sangat baik kerana kita kena mengadakan keyakinan kepada pihak Ketua Pendaftar kerana dengan tanggungjawab beliau yang diberikan itu memang adalah tanggungjawab beliau untuk menjaga kepentingan ahli-ahli sesuatu koperasi itu. Tetapi di sini saya ingin memberi cadangan, jika kita terpulang kepada Ketua Pendaftar seorang sahaja untuk mengambil keputusan untuk meminda undang-undang kecil, saya khawatir kadang-kadang akan mendatangkan kesilapan.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya satu lembaga penasihat ditubuhkan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya memberikan nasihat serta mengadakan garis panduan kepada pihak Ketua Pendaftar untuk mengawal selia sesuatu koperasi itu supaya semua koperasi di negara kita ini selepas pindaan ini akan maju menjadi suatu badan koperasi yang akan mendatangkan manfaat kepada ahli-ahli mereka dan jika ahli-ahli mereka fikir adalah baik supaya koperasi itu dibubarkan menjadi satu korporat kerana jika mereka menjadi sebuah korporat, mereka akan dapat mencebur diri dalam

perniagaan atau perindustrian yang lebih besar yang kemungkinan satu hari, koperasi itu akan menjadi satu korporat yang terkenal di negara kita ini. Bila itu terjadi ia akan dapat mendatangkan keistimewaan dan manfaat kepada semua ahli-ahli.

Selain daripada itu, jika ada ahli-ahli yang tidak bersetuju dengan pembubaran koperasi itu menjadi sebagai sebuah korporat, mereka akan diberikan peluang untuk mendapatkan pengagihan aset yang patut diberikan kepada mereka, tetapi yang penting kita mesti ada ciri keadilan sosial, bila mereka diberikan balik aset yang sepatutnya diperolehi oleh mereka, hendaklah dengan memberikan harga pasaran yang patut kepada mereka.

Saya berpendapat bahawa, keseluruhannya Rang Undang-undang pindaan ini adalah dari segi kemajuan koperasi dan pembangunan ekonomi semua koperasi dalam negara kita ini. Dan dengan hujah-hujah sedemikian, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta jawapan.

**8.29 mlm.**

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini terutama sekali penyokong-penyokong kerajaan. Nampaknya saya tidak perlu menggulung begitu

panjang, kerana perkara-perkara yang dibangkitkan pun sudah dijelaskan dan Rang Undang-undang ini pun sudah dipertahankan dengan bersemangat oleh penyokong-penyokong kerajaan.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya mohon maaf sekiranya saya tidak jawab satu demi satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat terutama sekali tentang cara Ketua Pendaftar patut menggunakan kuasa yang diberi di bawah Fasal 3 dan fasal-fasal lain dalam Akta Koperasi.

Ketua Pendaftar pun ada di dalam Dewan ini, beliau pun telah dengar bersama-sama dengan pegawai lain. Saya hendak tegaskan di sini bahawa bukan sahaja kita perlu adakan penal, jawatankuasa dan sebagainya untuk membantu beliau, Ahli-ahli Yang Berhormat diperlukan terutama sekali penyokong kerajaan dialu-alukan untuk datang ke Ibu Pejabat Koperasi dan memberi pandangan dan nasihat kepada beliau. Cuma satu Ahli Yang Berhormat, iaitu dari Kubang Kerian yang menentang pindaan ini dan nampaknya beliau cuma datang ke sini untuk bermain politik selepas berucap mengecam Perdana Menteri, mengecam parti pemerintah, beliau pun tidak sabar duduk di dalam Dewan ini dan dengar jawapan dari kerajaan.

Nampaknya pejuang pergerakan koperasi bukan datang dari sebelah sana tetapi dari sebelah sini. Seperti yang dijelaskan oleh beberapa penyokong kerajaan, kami tidak mencadangkan apa-apa perubahan asas atau prinsip kepada Akta Koperasi yang sedia ada. Mengikut peruntukan yang sedia ada sesuatu

koperasi boleh dibubarkan kemudian boleh mengambil langkah-langkah yang lain yang sewajarnya. Cuma oleh kerana kami dapati bahawa mereka menghadapi kesulitan yang terlalu besar, prosedur nampaknya restrictive sedikit, kami cuma memberi sedikit kelonggaran dalam prosedur, tetapi prinsipnya, prinsip asas dan prinsip penting iaitu satu pertiga keanggotaan harus bersetuju - ini kekalkan, jadi, kita tidak gadaikan falsafah koperasi, kita terus mengekalkan dan terus menyokong.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, dia bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Biar saya habiskan yang ini, nanti saya beri masa. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat membangkitkan dua tiga perkara yang perlu jawapan, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, supaya saya boleh menjawab secara ringkas.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas membangkitkan masalah kuorum. Sebenarnya koperasi-koperasi di peringkat negeri, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu perlu mengadakan mesyuarat agong secara sistem perwakilan mengikut seksyen 37. Oleh yang demikian, tidak perlulah satu pertiga ahli-ahli individu menghadiri mesyuarat agong. Apa yang diperlukan ialah supaya ahli-ahli koperasi memperkemas sistem perwakilannya. Jika perkara ini tidak dapat dilakukan permohonan perlu dibuat bagi mendapat pengecualian Menteri di

bawah Seksyen 87, Akta Koperasi. Malangnya Seksyen 18A yang kita cadang dipinda hari ini tidak terpakai bagi maksud ini. Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena menyoal, siapa yang akan mentadbirkan koperasi apabila ia disusun semula sebagai sebuah syarikat? Saya diberitahu oleh Peguam bahawa ia akan ditadbirkan di bawah Akta Syarikat, 1965.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, tentang koperasi, saya sokong penuh tentang Akta ini, tetapi saya bimbang tentang apabila koperasi ini telah menjadi syarikat, sungguhpun ditadbirkan di bawah Akta Syarikat, tidak bolehkah kementerian ini sama ada meletakkan KSU atau pun Ketua Pendaftar Koperasi sebagai 'watchdog' di dalam koperasi yang telah disyarikatkan untuk melihat kepentingan-kepentingan ahli-ahli syarikat, seperti badan-badan yang lain yang telah diswastakan seperti Pos, Telekom, TNB di mana kita ada KSU atau pun TKSU yang telah diletakkan di dalam syarikat itu untuk melihat kepentingan-kepentingan - sebab macam TNB dan Telekom itu ada kepentingan kepada masyarakat, maka diletakkan pegawai-pegawai ini untuk melihat tentang perjalanan syarikat itu.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena kerana mengemukakan cadangan itu dan ini merupakan satu cadangan yang baik dan kami akan mengambil beratlah. Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah bertanya apa akan jadi sekiranya koperasi berdaftar tidak mendapat persetujuan tiga perempat

anggota. Jadi, sekiranya tidak dapat, ini bermakna permohonan itu tidak dapat dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju ada membangkitkan satu, dua perkara dan nampaknya telah dijawab oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong. Saya mengucapkan terima kasih - inilah semangat Barisan Nasional. Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan tentang penyata kewangan. Sekiranya koperasi-koperasi tidak menghantar akaun sudah tentu peruntukan untuk mengkorporatkan koperasi tersebut tidak dapat dilaksanakan, kerana jelas di bawah subseksyen 71A(4)(c) akaun-akaun perlu diauditkan sebelum Ketua Pendaftar boleh menimbang. Tentang kelambatan mengemukakan akaun....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Saya minta maaf, beri saya jawab ini dahulu. Lewat mengemukakan akaun oleh koperasi - Jabatan Koperasi mengambil berat mengenai perkara ini dan kita telah mengenal pasti bahawa salah satu punca masalah ialah kekurangan juruaudit dan kekurangan kepakaran dalam audit. Jadi, kursus-kursus dijalankan, bukan sahaja oleh Jabatan Koperasi tetapi juga oleh Maktab Kerjasama Malaysia. Ya, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis:** Saya minta penjelasan sedikit tentang.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis:** Kepong duduklah dahulu, sibuk sahaja Kepong. Dalam Akta ini sudah semestinya kalau sebelum mesyuarat agung dibenar dipanggil, harus mengambil tiga perempat pengundi, maka sudah semestinyalah dalam permohonan ini Jabatan akan menilai dan menyemak prestasi koperasi, supaya kalau ada yang berdaya maju, baharulah boleh menukar strukturnya dari satu badan koperasi kepada satu badan korporat. Bermakna apa yang dibangkitkan oleh Kepong itu, macam dia tidak faham pula - betul, tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Betul, betul. Beri 'chance'.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis:** Ha, dia tidak faham *[Ketawa]*. Terima kasih.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tentang soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kepong bangun. Yang Berhormat kepong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Nanti dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, tentang soal membuka ‘flood gate’ ini, nampaknya soal ini tidak berbangkit kerana syarat persetujuan tiga perempat bagi keanggotaan ini adalah kekal. Ini satu syarat yang ketat dan terserah kepada anggota koperasi untuk menentukan pilihan bagi koperasi masing-masing.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Kepong minta jalan lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi daripada hujah Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun Yang Berhormat tidak sebutkan, dengan adanya Rang Undang-undang ini, maka satu perubahan struktur yang besar dilakukan? Satu perubahan struktur yang besar dilakukan dan juga konsep pengurusan dan pentadbiran ditukar. Walaupun ada Akta Koperasi sekarang, sebelum dipindahkan, masih ada 50% ataupun lebih koperasi yang tidak mampu mengemukakan penyata tahunan dan tindakan belum diambil. Apakah sebabnya? Kalau tindakan diambil, apakah jenis tindakan?

Saya tidak nampak mereka didenda ataupun mereka dihadap ke mahkamah. Saya tidak nampak mengapa hal seperti ini berlaku? Kalau kita hendak ubahkan struktur, kita hendak ubahkan cara pengurusan dan pentadbiran, mengapa hal ini

tidak boleh diselesaikan dahulu? Ini masalah. Walaupun tidak diakui tetapi ini satu kenyataan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kepong kurang faham tentang maksud pindaan ini. Kami tidak menggalakkan semua koperasi dikorporatkan. Kami cuma memberi satu pilihan kepada anggota koperasi untuk menentukan masa depan koperasi masing-masing. Itu sahaja. Provision untuk membubar terkandung dalam akta ibu dan apa yang kita cuma cadangkan untuk Dewan yang mulia ini ialah memberi kelonggaran dalam prosedur memudahkan proses ini. Itu sahaja dan prinsip asas persetujuan 3/4 ini kekal dan saya sendiri jangka bahawa tidak banyak koperasi akan layak untuk menggunakan kelonggaran ini tetapi bagi yang layak ini, Ketua Pendaftar tentu akan memberi pertimbangan berat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya mohon mencadangkan. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya urusan Mesyuarat kita pada sesi ini sudah pun selesai. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan, yang mana dapat melicinkan Mesyuarat kita pada kali ini. Mudah-mudahan kita akan berjumpa lagi di sesi yang akan datang, insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sekarang sehingga pada satu tarikh yang akan ditetapkan. *[Tepuk]*

**Dewan ditangguhkan pada pukul 8.46 malam.**